

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat
Daripada Kementerian-Kementerian**

**13 JUN 2011 HINGGA 28 JUN 2011 SOALAN NO: 237 HINGGA
SOALAN NO: 354**

NO. SOALAN : 237

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

RUJUKAN 3836

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berikan butir-butir terhadap kadar polis dan penduduk sesebuah negeri, dan apakah cadangan yang akan diambil untuk memperbaiki situasi jenayah di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah penduduk Negeri Sabah sehingga pada tahun 2010 adalah seramai 3,195,256 orang. Pada ketika itu, jumlah kekuatan keanggotaan polis di Sabah adalah seramai 5,140 anggota. Daripada jumlah itu, nisbah 1 anggota polis adalah untuk 621 orang penduduk.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis sedang melaksanakan pelbagai pencegahan jenayah dan telah mengatur strategi bagi menangani masalah jenayah di seluruh negara.

Diantaranya ialah;

- i) Pelaksanaan konsep “Community Policing” yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti.
- ii) Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotorsikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan tindakan ‘stop and talk’.
- iii) Rondaan keretan (MPV) juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang kerap terdedah kepada perlakuan jenayah.
- iv) Menyelaraskan operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun tepi jalann (Ops Rentap), curi kenderaan (Ops lejang), pecah rumah curi (Ops Pintu) dan curi kabel logal dan tembaga (Ops Lusuh), sebagai sebahagian daripada usaha melaksanakan program NKRA di bawah inisiatif NKPI 1.1 iaitu menurunkan kadar jenayah indeks sebanyak 5% dan NKPI 1.2 iaitu menurunkan kadar jenayah jalanan sebanyak 20%.
- v) Penugasan khas “Officer On Beat” yang mempunyai kekuatan seramai lapan orang pegawai dan lapan orang anggota dalam satu-satu masa. Penugasan mereka bermula dari 10 pagi hingga 12 tengah malam setiap hari.
- vi) Operasi Bersepadu melibatkan PDRM bersama pihak Kementerian serta agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan seperti Jabatan Imigresen

NO. SOALAN : 239

Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, dan Pihak Berkuasa Tempatan, sering dijalankan untuk membendung jenayah serta memantau aktiviti lain yang mempunyai kaitan dengan kejadian jenayah seperti kegiatan pendatang asing tanpa izin, penagih dadah atau penganggur yang terdesak.

238
NO. SOALAN: 241

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]

SOALAN

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa hospital Nabawan pembinaannya telah dihentikan dan bilakah dapat diselesaikan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, projek pembangunan fasiliti kesihatan yang sedang dilaksanakan di Nabawan ialah pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 4 dengan X- Ray dan Kuarters. Pembinaan KK4 Nabawan telah dimulakan pada 3 Mei 2010 dan dijangka siap pada 5 Februari 2012. Kos projek ialah RM23,118,150 dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

Namun demikian, kerja-kerja di tapak telah terhenti kerana kontraktor yang dilantik telah mengalami masalah kewangan dalaman dan tidak mampu untuk meneruskan kerja. Pihak Jabatan Kerja Raya sedang mengambil tindakan untuk menamatkan kontraktor terbabit dan melantik kontraktor yang baru bagi menyiapkan kerja-kerja pembinaan KK4 tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DR. LO* LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]

TARIKH

RUJUKAN 3837

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah sehingga kini penjenayah simbah asid masih tidak boleh ditangkap, jika sekiranya sudah ditangkap adakah menteri sedar ini menunjukkan ketidakcekapan pihak polis sehingga sudah berpuluhan wanita jadi mangsa. Berapakah bilangan sebenar mangsa dan bagaimana serius kecederaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Titiwangsa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini sebanyak 18 kes simbah asid di sekitar Lembah Kelang telah dilaporkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan mangsa menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti serta memberi maklumat berhubung suspek dan ini menyukarkan pihak polis untuk mengesan dan menangkap mereka. Sehubungan dengan itu, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menukuhan satu pasukan *Task Force* bagi mengenalpasti pihak yang terlibat seterusnya menyelesaikan kes ini. Pihak polis juga amat mengalu-alukan orang ramai untuk tampil menyalurkan maklumat berkaitan penjenayah ini dan tindakan sewajarnya akan dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan ini berdasarkan undang-undang yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A DR. LO' LO BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]

SOALAN

Dr. Lo' Lo binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peranan Kerajaan dalam membantu individu yang telah diisyiharkan muflis terutamanya yang telah berumur 60 tahun ke atas.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membantu individu yang telah diisyiharkan muflis, Mdl berperanan untuk:

- (a) memberi khidmat nasihat dan panduan supaya individu muflis tersebut keluar daripada kebankrapan dengan segera;
- (b) mentadbir semua harta bankrap yang terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk dijual dan hasilnya diagih kepada pemutang untuk menyelesaikan hutang-hutang mengikut peruntukan undang-undang kebankrapan; dan
- (c) memantau perilaku bankrap dan di sini penguatkuasaan dilakukan jika gagal membayar mengikut perjanjian atau melakukan jenayah seperti meminjam lebih RM 1,000 tanpa memberitahu status muflis, menyembunyi atau memindahkan harta dan mempunyai niat tidak mengisyiharkan harta kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

Selain itu, KPI juga diberikan kuasa budi bicara untuk melepaskan individu yang diisyiharkan muflis selepas tempoh 5 tahun daripada perintah kebankrapan dibuat tertakluk kepada kriteria-kriteria tertentu seperti yang ditetapkan oleh KPI.

NO. SOALAN : 242

Antara pertimbangan yang diambil kira ialah apabila pentadbiran sesuatu kes kebankrapan itu tidak memberi manfaat kepada estet atau pemutang seperti bankrap tidak dapat dikesan, bankrap telah lanjut usia dan tidak bekerja menyebabkannya tidak mampu untuk membuat apa-apa sumbangan ke dalam estet untuk diagihkan kepada pemutangnya, ataupun bankrap mengalami sakit kronik yang menyebabkan bankrap tidak boleh bekerja.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO^T

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARI PAD A DR. LO' LO' BINTI MOHAMMAD GHAZALI
 [TITIWANGSA]

SOALAN

Dr. Lo' Lo' Binti Mohammad Ghazali [Titiwangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah terdapat garis panduan tatatertib untuk setiap pemandu bas awam dan apakah tindakan yang diambil terhadap pemandu bas yang mengingkari tatatertib tersebut.

SOALAN NO.244

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, semua pemandu kenderaan bermotor adalah tertakluk kepada peruntukkan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Di samping itu, pemandu kenderaan pengangkutan awam termasuk bas juga tertakluk kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Undang-undang ini telah diperincikan dalam Kanun Lebuh Raya 1959,

Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 dan Kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959 yang dengan jelas menggariskan peraturan dan tatacara pemanduan kenderaan yang selamat dan berhemah.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) boleh mengenakan kompaun maksimum RM300 bagi mana-mana pemandu yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagi kesalahan yang disabitkan di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, kes tersebut akan diangkat ke mahkamah untuk keputusan.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL
KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA]
TARIKH	
SOALAN	242

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan saranan-saranan yang sesuai bagi mengurangkan masalah suhu panas yang semakin meningkat khususnya di ibu negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pemanasan global yang dialami sekarang bukan sahaja memberikan kesan kepada peningkatan suhu di Malaysia malah turut dialami di negara- negara lain. Di Malaysia, keadaan panas yang dialami pada akhir-akhir ini bukanlah suhu tertinggi yang pernah direkodkan. Daripada rekod yang dicatatkan, suhu tertinggi yang dicatatkan ialah 36.8° Celsius di Subang pada 6 Mei 2011 dan masih tidak melepas rekod suhu tertinggi 40.1° Celsius yang direkodkan di Chuping pada tahun 1998.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan suhu di bandar-bandar besar adalah lebih tinggi berbanding dengan kawasan luar bandar memandangkan ia bukan sahaja dipengaruhi oleh kesan pemanasan global tetapi juga fenomena “*Heat Island*” (*dengan izin*), yang disebabkan oleh pembangunan pesat di kawasan bandar dengan bangunan-bangunan konkrit yang tinggi dan kurangnya kawasan hijau. Oleh yang demikian, Kerajaan melalui agensi-agensi pelaksananya daripada pelbagai Kementerian telah melaksanakan pelbagai langkah bagi menangani masalah ini.

Semasa musim kemarau, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa kaedah mitigasi seperti mengeluarkan arahan pengharaman melakukan pembakaran terbuka bagi mengurangkan jumlah habuk terampai (*suspended particulate*) (*dengan izin*), di udara yang boleh memerangkap haba di atmosfera. Selain itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama-sama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) juga aktif mengadakan kempen kesedaran awam ke seluruh negara bagi menerangkan kesan cuaca ekstrem dan bencana serta cara-cara menanganinya. Kerajaan juga telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan masalah berkaitan dengan kesan suhu panas seperti program menghijaukan kawasan bandar dengan penglibatan kerajaan tempatan khususnya di bandar-bandar besar dengan menjadikan program menanam pokok sebagai acara tahunan mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain daripada itu, Kerajaan juga melaksanakan pelbagai langkah untuk mengurangkan pembebasan gas rumah hijau (*green house gases*) (*dengan izin*) yang memerangkap haba dan menyebabkan peningkatan suhu seperti menggalakkan penggunaan gas asli bagi menggantikan

bahan bakar semulajadi pada kenderaan pengangkutan awam iaitu bas dan teksi, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan berkongsi kenderaan, membina lebih banyak sistem transit aliran ringan (MRT) di bandar-bandar besar, mengurangkan penggunaan gas “Chlorofluoro Carbon” (CFC) (*dengan izin*) pada alat penghawa dingin dan peti sejuk serta membina lebih banyak bangunan hijau (*green buildings*) (*dengan izin*) yang bercirikan jimat tenaga. Di samping itu, Kerajaan turut menggalakkan penggunaan kereta hybrid yang lebih mesra alam ia kurang menggunakan bahan api seterusnya kurang membebaskan gas yang terhasil akibat pembakaran.

Penjimatan tenaga elektrik merupakan antara langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan pembebasan haba yang menyumbang kepada peningkatan suhu. Strategi *Energy Efficiency* (EE) (*dengan izin*), di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) mensasarkan penjimatan tenaga di sektor perindustrian dan komersial seperti sistem pencahayaan dan penghawa dingin yang berkesan serta menggalakkan pelaksanaan sistem pengurusan tenaga yang komprehensif. Di bawah *Malaysian Industrial Energy Improvement Project* (MIEIP) (*dengan izin*), audit tenaga dilakukan untuk mengenalpasti kaedah-kaedah penjimatan tenaga yang berpotensi dilakukan oleh 11 industri intensif-tenaga iaitu simen, seramik, makanan, gelas, besi dan keluli, kapas dan kertas, getah dan kayu, oleo-kimia, plastik dan tekstil.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui JMM juga sentiasa bersiap sedia meiaksanakan pembernihuan awan apabila keadaan cuaca menjadi lebih panas dan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 untuk tempoh 72 jam secara berterusan, iaitu mencapai tahap tidak sihat selaras dengan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

2H-3
SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA DR. LO¹ LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]**

SOALAN

Dr. Lo" Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan mengenai lambakan bahan-bahan lucah di dalam laman-laman sesawang yang semakin berleluasa dan juga dalam telefon mudah alih yang menjadi salah satu punca keruntukan akhlak yang teruk di kalangan remaja atau golongan muda belia belianwas.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM), dimana tindakan boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan Internet dan sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah,

sumbang,

SOALAN NO: 246

palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, penjenayah boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada itu SKMM dengan kerjasama pemberi Perkhidmatan Internet (ISP) juga menyekat capaian laman web dengan peruntukan Seksyen 263(2) AKM, ke atas laman-laman web lucah. SKMM juga memberi amaran kepada pemilik laman web tempatan yang menyiarkan kandungan lucah, mengenai kesalahan yang dilakukan, serta membuat laporan penyalahgunaan atau penyiaran kandungan terlarang kepada hos laman web.

Sepanjang tahun 2010 hingga Mei 2011, sebanyak 2,286 laman web telah diambil tindakan, iaitu 1710 disekat, 240 diberi amaran dan 336 dilaporkan kepada pemilik hos mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemilik laman web, termasuk yang menyiarkan kandungan lucah.

Sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, SKMM dan Forum Kandungan juga telah menujuhkan Biro Aduan Pengguna dimana pengguna dinasihatkan agar membuat aduan sekiranya menerima atau menemui kandungan sedemikian.

SOALAN NO: .247"

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

**DARIPADA TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN
 ISMAIL [MACHANG]**

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilangan kes gangguan talian telefon akibat kecurian kabel dalam kawasan Parlimen Machang daripada 2005 hingga sekarang.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak TM selaku penyedia perkhidmatan talian telefon berwayar di kawasan Machang komited untuk memberikan perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik di semua kawasan meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Bagi kawasan Parlimen Machang khususnya, TM mengalami masalah dalam menangani kejadian kecurian kabel yang amat serius. Kejadian kecurian kabel ini telah menyumbang kepada masalah dalam memberikan perkhidmatan telekomunikasi yang berkualiti di kawasan tersebut.

Bagi kawasan Parlimen Machang, sebanyak 17 kes kecurian kabel telah direkodkan di antara Januari hingga April 2011 dengan sejumlah 843 orang

SOALAN NO: 247

pelanggan mengalami gangguan perkhidmatan. Sehubungan itu, pihak TM melaksanakan pelbagai initiatif bagi membanteras kejadian kecurian kabel seperti:

- (i) penggantian kabel tembaga dengan kabel fiber optik atau penggunaan teknologi tanpa wayar;
- (ii) melaksanakan pemindahan kabel atas talian ke bawah tanah, mengurangkan kenduran kabel, pemasangan “clamp” pada kabel dan menambah ketinggian kabel;
- (iii) pemasangan alat penggera pada kabel di lokasi-lokasi tertentu;
- (iv) membuat rondaan dan kawalan sekuriti;
- (v) lawatan ke tapak pelupusan besi buruk melalui Ops LUSOH bersama PDRM; dan
- (vi) membuat rondaan dan kawalan sekuriti bersama JKKK/ RELA/ penduduk setempat.

SOALAN NO. 245

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN SAIFUDDIN NASUTION
(MACHANG)

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Saifuddin Nasution (Machang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah insentif yang diberikan oleh Kerajaan dalam menggerakkan NGO-NGO pembangunan wanita di dalam kawasan Parlimen Machang.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menganggap pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai rakan strategik dalam melaksanakan program pembangunan wanita di peringkat akar umbi. Dalam hal ini KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan peruntukan kewangan di bawah Bantuan Khas Perbendaharaan kepada NGO.

Pada tahun 2010, Bantuan Khas Perbendaharaan yang diagihkan kepada NGO negeri Kelantan berjumlah RM103,425.00 yang telah memanfaatkan seramai 675 orang peserta. Peruntukan tersebut diagihkan kepada NGO berikut:

Bil.	NGO	Peruntukan (RM)	Jumlah Peserta
1.	Pertubuhan Wanita Siam Negeri Kelantan	23,800.00	500
2.	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kelantan	79,625.00	175
Jumlah		103,425.00	675

Untuk makluman Yang Berhormat, Bantuan Khas Perbendaharaan ini diagihkan mengikut permohonan yang dibuat oleh NGO dan tidak tertakluk kepada kawasan Parlimen tertentu. Sehingga kini, tiada permohonan yang dibuat oleh NGO dari kawasan Parlimen Machang. Walau bagaimanapun, NGO boleh memilih peserta dari mana-mana kawasan Parlimen di sesebuah negeri untuk menjalankan program yang dirancang.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah bilangan peserta di bawah program Pembangunan Tanah Terbiar (ACDA) dan berapakah jumlah hasil yang dijana melalui program ini di kawasan Machang.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan data di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, seluas 176 hektar kawasan tanah terbiar telah dibangunkan di daerah Machang sehingga Jun 2011 yang meliputi Kampung Kg. Hutan Puteh/ Bdg. Jadal Machang, Kampung Banggol Petai Machang, Kampung Batu Berdiri Labok Machang, Kampung Tualang Kudung Machang dan Kampung Lahar Machang. Program ini telah berjaya melibatkan seramai 151 orang peserta. Jumlah pengeluaran yang dijana melalui Projek Tanah Terbiar di daerah Machang adalah sebanyak 4,560

metrik tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM3 juta bagi tahun 2008 -2010.

Soalan No:

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB TUAN SAIFUDDIN
NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

TARIKH

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah kriteria yang digunakan pakai untuk memilih peserta di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan apakah contoh-contoh projek yang dijalankan melalui skim ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran untuk mengurangkan kepada tahap 2.0% kadar kemiskinan negara pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Pemilihan peserta yang menerima bantuan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) adalah mengikut kriteria-kriteria berikut:-

- i. Dikategorikan sebagai keluarga miskin atau miskin tegar berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). PGK semasa yang diguna pakai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) seperti jadual di bawah:

(iii) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) pula bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus latihan jangka pendek, sederhana dan panjang meliputi latihan kemahiran yang mendapat pengiktirafan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia tahap 1 dan 2 (SKM I dan SKM II). Antara bidang- bidang latihan yang diceburi ialah Kursus Kemahiran Baik Pulih Telefon Bimbit, Kursus Kemahiran Pembuatan Bot *Fibre Glass* dan Kursus Pengendalian Jentera Berat (*Backhoe, Excavator*).

(iv) Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) adalah merupakan gabungan

komponen-komponen projek secara pakej berbentuk " bagi penempatan baru dan juga melengkapkan kemudahan bagi penempatan PPMS yang merangkumi empat (4) komponen utama iaitu kemudahan infrastruktur dan utiliti asas, perumahan dan ameniti sosial, pembangunan modal insan dan projek ekonomi.

(v) Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan. Matlamat utama pelaksanaan PPMI adalah untuk membangun dan mengerakkan minda keluarga miskin supaya berubah (*mind*

set) dan membentuk jati diri serta sikap yang positif ke arah meningkatkan ilmu pendidikan dan kemahiran.

(vi) Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) dibawah SPKR bertujuan meningkatkan kecemerlangan pendidikan kumpulan sasar supaya dapat meningkatkan daya saing akademik AIR miskin tegar luar bandar. Program ini menyediakan **bantuan kewangan dan pengurusan** bagi membolehkan kumpulan sasar **mengikuti kursus-kursus peningkatan pencapaian akademik.** Matlamatnya ialah untuk meningkatkan tahap pendidikan dan pencapaian akademik kumpulan sasar agar golongan ini mampu merebut peluang untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi di

dalam atau luar negeri dan seterusnya berupaya memperoleh pekerjaan yang stabil dan kukuh daripada pulangan pendapatannya.

NO SOALAN :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN SAIFUDDIN
NASUTION BIN
ISMAIL (MACHANG)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pasukan pengaman Malaysia sepanjang bertugas di Lubnan dalam misi pengaman PBB.

JAWAPAN:

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah terlibat di dalam misi *United Nations Interim Force In Lebanon* (UNIFIL) semenjak tahun 2007. Pada masa tersebut kontinjen ATM dikenali sebagai *MALAYSIAN CONTINGENT* (MALCON). Semenjak trup kita diaturgerakkan, kontinjen-kontinjen ATM tidak menghadapi sebarang masalah. Kontinjen-kontinjen ATM telah melaksanakan tugas dengan begitu cemerlang dan mendapat pengiktirafan dari pemerintah UNIFIL, kontinjen-kontinjen negara lain serta masyarakat tempatan dan Kerajaan Lubnan. Kehadiran trup ATM di kawasan misi sentiasa dialu-alukan oleh masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, PBB telah memberi kepercayaan kepada Malaysia dengan memohon ATM meningkatkan kekuatan anggota dalam misi UNIFIL dari 360 anggota kepada 812 anggota dan akan dipertingkatkan kepada 912 anggota pada bulan Oktober 2011.

Di sepanjang tempoh empat tahun di dalam misi UNIFIL cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kontinjen Malaysia adalah seperti berikut:

- a. **Faktor Keselamatan Anggota.** Keadaan keselamatan Lubnan yang tidak menentu memberi impak kepada keselamatan anggota ATM.
Situasi keselamatan di Lubnan bukan hanya dipengaruhi oleh faktor

dalam malah ianya juga banyak dipengaruhi oleh faktor luaran seperti perkembangan di Israel, Palestin, Siria, Iran, Iraq, Afganistan serta pergerakan pengganas seperti Al-Qaeda. Serangan bom ke atas kenderaan UNIFIL telah berlaku semenjak tahun 2007 dan terbaru pada 27 Mei 2011 boleh menggugat keselamatan anggota. Kontinjen ATM telah diarahkan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya dan mempraktikkan sepenuhnya peraturan dan prosedur keselamatan. Mereka telah diarahkan untuk menjaga dan mempertingkatkan hubungan baik dengan masyarakat tempatan bagi mengurangkan risiko ini.

- b. Cabaran Bom Improvised Explosive Device (IED). Cabaran dari ancaman bom IED yang diaktifkan melalui penggunaan telefon bimbit/handphone oleh pihak pengganas adalah membimbangkan. Insiden terbaru di mana anggota tentera pengaman dari negara Itali telah cedera apabila konvoi kenderaan mereka diserang bom IED di kawasan yang turut dilalui oleh tentera pengaman Malaysia. Walau bagaimanapun sehingga kini, tentera pengaman Malaysia belum lagi menerima sebarang bentuk ancaman dan serangan IED. Bagi menentukan keselamatan anggota tentera selamat dan risiko serangan dikurangkan ke tahap yang paling minima, pihak Kerajaan telah membekalkan peralatan *jammer* yang dipasang di kenderaan bagi menyekat serangan IED terhadap kenderaan ATM di Lubnan. Berdasarkan kemajuan teknologi dan taktik IED yang sentiasa diubahsuai peralatan *jammer* yang digunakan perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Perkara ini sentiasa di dalam pemantauan ATM.

SOALAN NO: 2^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan perkembangan penubuhan Jawatankuasa Gaji Minimum dan bila Dasar Gaji Minimum dijangka dilaksanakan. Nyatakan juga bidang tanggungjawab serta kuasa jawatankuasa tersebut.

PR-1242-T43703

JAWAPAN:

Tuan yang di Pertua,

1. Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (RUU MPGN) telah dibentangkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ke Empat, Parlimen Kedua Belas, pada 21 Jun 2011. Setelah RUU MPGN ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Majlis Perundingan Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah termasuk menentukan kadar gaji minimum dan mekanisme pelaksanaannya.
2. Majlis Perundingan Gaji Negara akan berperanan membuat perakuan / syor gaji minimum dan seterusnya akan mengangkat syor

tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Dalam hal ini, polisi gaji minimum boleh dilaksanakan setelah semua proses dan persediaan diselesaikan, yang dijadualkan penghujung tahun ini.

3. Berhubung dengan kadar gaji minimum, buat masa ini ia masih diperhalusi dari pelbagai aspek seperti inflasi, produktiviti, kadar pengangguran, pertumbuhan KDNK dan sebagainya. KSM telah melantik Bank Dunia untuk menjalankan satu kajian mengenai gaji minimum dan dijangka Kementerian menerima laporan Bank Dunia pada akhir bulan Julai 2011.

4. Bidang tanggungjawab serta kuasa Majlis Perundingan Gaji Negara adalah seperti berikut:

- a) menasihati Kerajaan mengenai isu gaji minimum termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- b) membuat konsultasi dengan orang awam mengenai gaji minimum;
- c) mengumpul dan menganalisis data dan maklumat serta menjalankan kajian mengenai gaji dan indikator sosio- ekonomi;
- d) menyelaras, memantau dan menilai impak pelaksanaan gaji minimum;
- e) mengkaji semula gaji minimum; dan
- f) menyebarkan maklumat dan analisis mengenai gaji.

SOALAN NO: 250

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI
ANWAR
[LEM BAH PANTAI]**

RUJUKAN

22 [PR-1242-T43706]

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah kos sebenar pembinaan dan penyelenggaraan unit-unit tandas Awam Automatik (AST) sekitar Kuala Lumpur, serta tahap kebolehgunaan unit-unit tandas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memasang 20 unit tandas awam automatik 'Automatik Street Toilet' (AST) di sekitar kawasan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Pemasangan AST telah disiapkan secara berperingkat dari tahun 2007 hingga 2010 dan jumlah kos pemasangannya ialah sebanyak **RM 12.7 juta**, manakala anggaran kos operasi untuk 20 unit AST pula ialah sebanyak **RM 102,000 sebulan**. Ini menjadikan purata kos penyenggaraan untuk AST ialah **sebanyak RM 43,084.71 sebulan**.

Komponen-komponen automatik AST merupakan alat pemasangan elektronik yang sensitif dan tahap kebolehgunaannya adalah bergantung kepada:

- (i) tahap wear and tear;
- (ii) salah guna atau perbuatan vandalisme; dan
- (iii) masalah bekalan air/bekalan elektrik terputus.

Sekiranya didapati tandas AST tidak berfungsi dengan baik, operasi perlu ditutup bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

Bagi memastikan AST terus berfungsi dan memberi perkhidmatan kepada orang awam, DBKL telah mempertingkatkan tahap pemantauan dan penyelaras dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab. Pada masa sekarang, tahap kebolehgunaan AST ialah **95%**.

Sebagai contoh, bagi kedua-dua AST di Jalan Telawi dan Jalan Ara Kiri 1, salah satu 'cubicle' AST (jenis tandas cangkung) telah ditutup dari beroperasi

kerana mengalami kerosakan pintu automatik. Tandas sebelah lagi (yang berjenis tandas duduk) masih beroperasi dan dibuka untuk memberi perkhidmatan kepada para pengguna.

Kerosakan yang dialami adalah disebabkan oleh CPU pintu automatik terbakar akibat kenaikan voltan bekalan elektrik (current surge) sewaktu ribut petir pada 8 April 2011 dan 4 Mei 2011. Pihak kontraktor (GBH) sedang mengambil tindakan untuk menggantikan CPU dan 'surge regulator' bagi kedua-dua AST tersebut.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	PUAN NURUL IZZAH BT ANWAR
	[LEMBAH PANTAI]
TARIKH	
SOALAN	251

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan

- (a) jumlah dana yang diberikan beserta penerima yang telah menerima geran inovasi MOSTI melalui Yayasan Inovasi Malaysia; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil Yayasan Inovasi Malaysia untuk membantu mengkomersilkan inovasi di kampung-kampung. Nyatakan mengikut negeri dan kampung terlibat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan masyarakat. Penubuhan YIM adalah atas kesedaran bahawa golongan akar umbi juga perlu diberi perhatian oleh Kerajaan

|

untuk dibantu dalam membangunkan daya kreativiti serta daya cipta di

kalangan mereka. Golongan yang dikategorikan di bawah akar umbi termasuklah pelajar sekolah, belia, wanita, komuniti luar bandar, mereka yang tidak berkemampuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, YIM menjalankan program-program pembudayaan kreativiti dan inovasi berdasarkan sumbangan pihak korporat dan sektor awam. Pada masa ini pihak YIM tidak menyedia dan memberi sebarang dana atau geran kepada mana-mana pihak. YIM sebaliknya melaksanakan program kesedaran yang melibatkan komuniti sasaran secara langsung. Antara program utama YIM adalah:

- a) Program Kreativiti dan Inovasi Jiran Muda;
- b) Kuala Lumpur Innovation Forum (KLIF);
- c) Program KidsInvent!;
- d) ASEAN Youth Forum on Innovation and Creativity (AYFIC); dan
- e) Bengkel Kreativiti dan Inovasi YIM.

Bagi membantu mengkomersilkan kreativiti dan inovasi di peringkat akar umbi, YIM telah mengambil tindakan seperti berikut:

- a) mengumpul maklumat tentang rekacipta dan inovasi diperingkat akar umbi melalui Pangkalan Data Myinnobank. Sehingga kini, sebanyak 150 profail, produk, aplikasi dan rekacita serta idea oleh akar umbi telah direkodkan dan boleh dicapai oleh orang awam melalui laman sesawang www.vim.mv/databank:
- b) mempromosikan hasil inovasi akar umbi sempena Malaysia Inovatif 2010 (MI2010) serta siri Karnival Inovatif 2010 di Zon Utara pada 27 Februari 2010 di Perlis, Zon Sabah pada 28 Mei 2010, Zon Timur

pada 30 Julai 2010, Zon Selatan di Batu Pahat pada 25 September 2010, Zon Sarawak pada 23 Oktober 2010 dan Zon Tengah di Melaka pada 13 November 2010. Lebih daripada 50 inovasi akar umbi telahpun dipamerkan; dan

- c) menyokong pengkomersilan beberapa inovasi akar umbi terpilih di bawah Program Aplikasi Teknologi Komuniti atau Program TAPMOSTI@COMMUNITY dengan kerjasama agensi seperti SIRIM, MIMOS, Agensi Nuklear Malaysia (AGM) dan Taman Teknologi Malaysia (TPM). Antara projek-projek yang dikomersilkan adalah seperti Usahawan Minyak Kelapa Dara (VCO) di Kg Khosim, Kota Marudu, Penghasilan Sistem Extraksi Berinovasi MF-KARL di Telupik, Sabah, Penghasilan Benih Vanilla Kultur Tisu Berkos Rendah dan Sistem Kawalan Sekitaran Pada Peringkat Pertumbuhan Awal di Kg Toporoi, Kota Marudu, Sabah, Projek Penghasilan Makanan Ikan Air Tawar di Lubok Antu, Sarawak, Teknologi Makanan Ternakan Daripada Pelepah Kelapa Sawit di Endau, Johor, Enjin Sangkut Inovasi di Guar Chempedak, Kedah dan Teknologi Seramik & Tembikar di Kuala Pilah dan Kg. Baru Sirusa, Bagan Pinang.

Di samping langkah-langkah di atas, YIM kini dalam proses melaksanakan program inkubasi inovasi akar umbi dengan kerjasama Taman Teknologi Malaysia (TPM). Di bawah program ini, para perekacipta dan *innovator* akan dibimbang dan dibantu dalam pelbagai aspek pelan pembangunan perniagaan, produk, kewangan dan pemasaran. Selain daripada itu, pusat inovasi setempat atau *Innospace* telah dilancarkan di Sabah dan Sarawak bagi menyediakan platform bagi para perekacipta akar umbi membangun dan mengembangkan idea, membuat prototaip dan pemodelan, memberi khidmat

nasihat dan pakar rujuk kepada pengguna serta pendaftaran paten.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
PERTANYAAN (LEMBAH PANTAI)
BERTULIS**

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan**

- (a) berapa individu yang telah membayar cukai pendapatan untuk tahun 2010 berbanding dengan jumlah sepatutnya berbuat demikian; dan
- (b) adakah kajian terperinci dilakukan untuk memutuskan sama ada sistem mengutip cukai pendapatan lebih efisen supaya cukai barang yang akan membebankan rakyat tidak perlu diperkenalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah individu yang telah membayar cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2010 yang meliputi tempoh mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2010 adalah seramai 1,027,975 orang berbanding jumlah individu yang sepatutnya membayar cukai pendapatan iaitu seramai 1,179,346 orang. Perangkaan ini tidak termasuk pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan perniagaan (*individuals with business income*) yang dikehendaki mengemukakan Borang Cukai sebelum 1 Julai 2011.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa membuat kajian secara berterusan bagi menambahbaik aspek perundangan dan langkah-langkah bagi mengutip cukai ke arah memastikan kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung lebih efisien. Sebagai contoh, Kerajaan sentiasa membuat pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967 dalam setiap Bajet Tahunan supaya dasar kutipan cukai langsung adalah sejajar dengan pembangunan dan praktis ekonomi semasa. Dalam konteks cukai tidak langsung pula, Kerajaan sentiasa membuat penambahbaikan dalam aspek kemudahan fasilitasi perdagangan untuk mempercepatkan dan memudahkan aktiviti import dan eksport bagi meningkatkan kutipan duti import, cukai jualan, cukai perkhidmatan, duti eksais dan duti eksport yang lebih efisien.

Sekian, terima kasih.

**2^A SOALAN
NO^A256**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARI PADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
 [LEMBAH PANTAI]
TARIKH
SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan perancangan Kerajaan menangani pengurangan drastik kualiti ubat-ubatan di semua hospital Kerajaan akibat potongan belanjawan untuk sektor kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memberi keutamaan yang tinggi bagi perolehan ubat-ubatan agar aspek penjagaan pesakit tidak terjejas walaupun belanjawan untuk sektor kesihatan secara keseluruhannya amat terhad. Pemantauan yang ketat terhadap belanjawan serta semakan dan penyusunan semula keutamaan perbelanjaan telah dilaksanakan secara berterusan.

Perbelanjaan untuk perolehan ubat-ubatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2010 adalah meningkat berbanding dengan perbelanjaan tahun 2009. Perbelanjaan ubat di fasiliti kesihatan KKM pada **tahun 2010 adalah RM1.605 bilion berbanding hanya RM1.402 bilion pada tahun 2009 iaitu peningkatan sejumlah 14.5%.**

Untuk pengetahuan Dewan, semua ubat yang dibekalkan oleh hospital dan klinik kerajaan telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) di mana kualiti, keselamatan dan keberkesanan sesuatu ubat itu adalah terjamin. Bagi ubat generik, kajian *bioequivalence (BE)* adalah disyaratkan untuk membuktikan keberkesanan bagi sesuatu produk generik adalah setara dengan produk asal (*innovator product*).

KKM mempunyai Program Pengawasan Mutu Produk Berdaftar bagi memastikan ubat-ubatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, berkesan dan selamat kepada pengguna di mana sampel diambil dan diuji. Selain itu, semakan label juga dijalankan supaya produk berdaftar mematuhi keperluan pelabelan.

KKM juga mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima dari semua fasiliti kesihatan awam, swasta dan orang awam. Pada tahun 2010, KKM telah menerima

aduan ke atas 157 jenis produk berdaftar dari hospital dan klinik kesihatan kerajaan di mana kebanyakannya melibatkan aduan kualiti. Pemegang pendaftaran / pengilang perlu menyiasat dan mengenalpasti punca kegagalan bagi produk yang tidak menepati kriteria kualiti, keselamatan atau keberkesanan dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]**

RUJUKAN 3838

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) berapakah kes peragut didaftar (laporan polis) di seluruh negara untuk tahun 2006-2010.; dan
- (b) berapa kes yang telah diselesaikan oleh pihak Polis di mana suspek dihadapkan ke Mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius dan komited dalam membanteras jenayah ragut dari berleluasa. Bagi menjawab soalan (a) seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya jumlah kes ragut sejak tahun 2006 hingga 2010 adalah sebanyak 45,899 kes. Statistik kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES
2006	11,074
2007	11,106
2008	8,250
2009	9,665
2010	5,849
JUMLAH	45,899

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b), secara keseluruhannya kes yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak 19,379 kes di mana statistik mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES
2006	4,264
2007	4,339
2008	3,748
2009	4,234
2010	2,794
JUMLAH	19,379

PERTANYAAN
DARIPADA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT BUKAN JAWAB
LISAN

NO:255

Tuan Manogaran a/l Marimuthu
[Telok Intan]

SOALAN

255

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan

- (a) apakah insiden pesawat lewat berangkat dari lapangan terbang di Malaysia terutamanya untuk MAS dan AirAsia; dan
- (b) apakah sebab-sebab yang utama untuk pesawat tidak menepati jadual penerbangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Telok Intan, sebanyak 14,619 insiden kelewatan pelepasan bagi MAS dan sebanyak 22,204 insiden kelewatan berangkat bagi AirAsia pada tahun 2010.

Sebab-sebab utama kelewatan pesawat-pesawat syarikat-syarikat penerbangan adalah seperti berikut:

- (i) kelewatan ketibaan pesawat dari tempat awal berlepas (*point of origin*)
- (ii) masalah *groundhandling* - masalah yang melibatkan penghantaran catering, pengisian bahan api pesawat dan penumpang lewat tiba untuk menaiki pesawat yang berpunca daripada barisan yang panjang di kaunter Imigresen, Kastam, Keselamatan MAHB dan kaunter daftar masuk;
- (iii) masalah operasi penerbangan - masalah operasi yang bersangkutan dengan syarikat penerbangan itu sendiri seperti urusan penggantian bagi anak kapal yang tidak dapat bertugas disebabkan cuti sakit, dan

- fleet utilization* (kekerapan penerbangan) yang tinggi terutamanya pada musim cuti sekolah;
- (iv) masalah teknikal - masalah kerosakan teknikal pada pesawat dan penyelenggaraan pesawat;
 - (v) keadaan cuaca - keadaan cuaca yang buruk (hujan lebat/angin kuat) turut mengganggu operasi penerbangan sekaligus menyebabkan kelewatan penerbangan berlaku; dan
 - (vi) faktor-faktor lain - kesesakan trafik udara terutama di KLIA.

Adalah dimaklumkan juga bahawa Prestasi Ketepatan Masa (On-Time Performance - OTP) syarikat penerbangan dipantau oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) dan perbincangan di adakan dari semasa ke semasa untuk tujuan memperbaiki OTP.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
 [TELOK INTAN]

SOALAN

YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu Kementerian undang-undang dan pembaharuan undang-undang (*law and law reform*) supaya dapat lebih fokus dengan isu-isu mengenai perkembangan undang-undang.

JAWAPAN: DATO'SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan suatu Kementerian undang-undang dan pembaharuan undang-undang (*law and law reform*) memandangkan fungsi tersebut pada masa ini dapat dan mampu dilaksanakan oleh agensi yang sedia ada seperti Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara dan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia di

bawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

Berdasarkan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2009 [P.U.(A)222/2009], semua perkara berhubung dengan hal ehwal undang-undang telah diletakkan di bawah pentadbiran dan tanggungjawab Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Antara agensi utama di bawah JPM yang mengendalikan hal-hal berkenaan dengan undang-undang dan pembaharuan undang-undang ialah Jabatan Peguam Negara.

Jabatan Peguam Negara telah menjalankan fungsi pembaharuan undang-undang sejak tahun 2002 lagi menerusi Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang (BPPUU). Bahagian ini telah menjalankan fungsi untuk membuat kajian semula undang-undang bagi memastikan undang-undang Malaysia adalah terkini dan tepat serta sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Menurut amalan di BPPUU, pembaharuan undang-undang dijalankan sama ada atas permintaan Kementerian dan agensi atau atas inisiatif BPPUU sendiri. Proses pembaharuan undang-undang merupakan satu proses yang panjang dan berterusan.

Selain Jabatan Peguam Negara, suatu lagi agensi yang ditubuhkan di bawah JPM ialah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). BHEUU turut diberikan tanggungjawab berkaitan dengan pembaharuan undang-undang. Tanggungjawab ini telah dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia (JPUUM) pada 4 Disember 2009 secara pentadbiran. JPUUM telah ditugaskan untuk mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-

undang lapuk dan undang-undang lain di Malaysia dari semasa ke semasa. Ahli-ahli JPUUM terdiri daripada wakil-wakil daripada sektor awam, sektor swasta dan ahli akademik yang masing-masing menyumbangkan idea dalam melaksanakan pembaharuan undang-undang. Buat masa ini, JPUUM dipengerusikan oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' VK Liew dan dianggotai oleh individu daripada kalangan yang berpengetahuan dalam bidang undang-undang seperti Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang daripada Jabatan Peguam Negara, Ahli Dewan Negara, Pensyarah Fakulti Undang-Undang, Penasihat Undang-Undang kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan wakil daripada Majlis Peguam.

JPUUM telah mendapatkan input daripada orang ramai yang telah memberikan pendapat dan cadangan mengenai pembaharuan undang-undang. Forum dan dialog juga telah diadakan dengan ahli-ahli akademik dan pelajar-pelajar undang-undang bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan dengan pembaharuan undang-undang di Malaysia. JPUUM juga menyediakan geran penyelidikan untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan bagi menjalankan penyelidikan berkenaan dengan pembaharuan undang-undang tertentu di Malaysia.

Bagi memudahkan rakyat dalam memberikan pendapat berkenaan pembaharuan undang-undang ini, satu laman web iaitu www.mvreform.mv juga telah dibangunkan.

Walaupun JPUUM dan BPPUU beroperasi secara berasingan, namun kedua-duanya saling bekerjasama dalam menentukan sesuatu projek pembaharuan undang-undang bagi mengelakkan berlaku pertindihan.

NO. SOALAN: 256

Memandangkan faktor sumber manusia dan kewangan yang terhad di

BPPUU, kewujudan JPUUM membantu proses pembaharuan undang-undang dari segi peluasan jumlah, skop dan tajuk undang-undang yang hendak dikaji. Dalam hal ini, lebih banyak projek pembaharuan undang-undang mampu dijalankan kerana kedua-dua agensi saling melengkapi fungsi masing-masing.

Selain itu, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang juga diselaraskan melalui Jawatankuasa Bertindak dan Penyelarasaran Undang-Undang yang telah dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU) yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang. JPU bertujuan untuk mengenai pasti isu atau masalah pelaksanaan dalam menguatkuasakan undang-undang dadah, merangka dasar atau strategi bagi mengatasi masalah tersebut dan seterusnya memperakukan strategi pelaksanaan yang dicadangkan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARI PADA	TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melarang seseorang dari

menjadi pengarah syarikat di mana orang itu pernah menjadi pengarah di syarikat yang telah digulungkan mengikut Akta Syarikat 1965 (AS 1965) khususnya di bawah seksyen s.218(e).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Apabila mana-mana syarikat digulung termasuklah di bawah seksyen 218(e) AS 1965, penggulungan sesebuah syarikat itu tidak menjadi larangan bagi mana-mana pengarah syarikat yang telah digulung daripada menjadi pengarah syarikat di syarikat lain pula.

Bagaimanapun, di bawah seksyen 130A AS 1965, di dalam keadaan di mana terdapat dua buah syarikat yang melalui proses likuidasi dalam beza jarak dalam tempoh 5 tahun di bawah arahan seseorang pengarah dan didapati perlaksanaan tugasnya sebagai seorang pengarah adalah didapati tidak layak (“unfit”), sebagai seorang pengarah, Mahkamah atas permohonan Pendaftar Syarikat atau Pegawai Penerima boleh memerintahkan agar pengarah berkenaan tidak dibenarkan daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat atau mengambil bahagian di dalam pengurusan syarikat selama tidak melebihi 5 tahun kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Sekiranya pengarah berkenaan ingkar dengan perintah mahkamah dan masih bertindak sebagai pengarah atau terlibat dengan pengurusan syarikat, ia merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan penalti di bawah seksyen 130A(6) AS 1965 iaitu penjara sehingga 3 tahun atau RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA

Tuan Manogaran a/l Marimuthu
[Teluk Intan]

SOALAN

[2^8 PR-1242-T44736]

NEGERI menyatakan:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu

[Teluk Intan] minta MENTERI LUAR

Baru-baru ini Malaysia telah mengiktiraf Rome Statute-ICC ini adalah satu tindakan Kerajaan yang konstruktif. Apakah program-program yang Kerajaan akan anjurkan supaya orang ramai dan khususnya ahli politik, akademik dan NGO boleh lebih faham peranan Rome Statute ini.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Y.B. Telok

Intan. Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah menganjurkan beberapa program untuk orang awam khususnya ahli politik, akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman lebih lanjut berhubung Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa.
2. Baru-baru ini, Presiden Mahkamah Jenayah Antarabangsa TYT Sang-Hyun Song telah melakukan Lawatan Kerja ke Malaysia dari 8 hingga 11 Mac 2011 untuk menghadiri dan memberi ucaptama pada "*Asia-Pacific Parliamentary Consultation on the Universality of the Rome Statute of the International Criminal Court (ICC)*" yang telah dianjurkan oleh Parlimen Malaysia dengan kerjasama *Parliamentarians for Global Action*.
3. Penyertaan ke Persidangan tersebut adalah sangat menggalakkan di mana ahli-ahli panel perbincangan dan para iemputan terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen daripada Negara Ahli Statut Rome dan Negara Bukan Ahli Statut Rome, termasuk Ahli Parlimen Malaysia, aktivis badan bukan kerajaan (NGO) dan para akademik.
4. Antara program-program lain yang telah dilaksanakan semasa lawatan Presiden ICC ke Malaysia adalah:

- a) kuliah berhubung peranan dan fungsi ICC dan aplikasi Statut Rome kepada penuntut Universiti Malaya pada 10 Mac 2011;
- b) ceramah berhubung peranan dan fungsi ICC dan aplikasi Statut Rome kepada peguam-peguam dan aktivis-aktivis NGO di Majlis Peguam Malaysia pada 10 Mac 2011; dan
- c) melakukan kunjungan-kunjungan hormat ke atas YAB Perdana Menteri, YB Timbalan Menteri Luar, YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Peguam Negara untuk menerangkan peranan dan kerja-kerja yang dilakukan oleh ICC untuk membawa ke muka pengadilan individu-individu yang disyaki melakukan jenayah-jenayah antarabangsa seperti jenayah perang (*war crimes*), jenayah ke atas kemanusiaan (*crimes against humanity*), jenayah genosid (*genocide*) dan jenayah pencerobohan (*crimes of aggression*).

5. Selain daripada itu, satu taklimat bertajuk “*Penyertaan Malaysia ke atas Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa*” oleh YBhg. Dato’ Noor Farida Ariffin, Ketua Pengarah Jabatan Penyelidikan, Triti dan Perundangan Antarabangsa Kementerian Luar Negeri telah diadakan di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 4 April 2011. Taklimat tersebut telah dianjurkan oleh YB Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan telah dihadiri oleh beberapa Ahli-ahli Parlimen Malaysia.

6. Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, Kementerian ini juga telah dimaklumkan bahawa TYT Song akan memberikan ucaptama pada forum dialog "*Meeting of Legal Experts on the Rome Statute of the International Criminal Court (ICC)*" anjuran bersama Jabatan Peguam Negara, ICC dan *Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)* di Putrajaya pada 19-20 Julai 2011 akan datang.

7. Justeru itu, program-program seumpama ini akan terus diadakan dan diharapkan akan dapat memberi pendedahan dan pemahaman yang positif kepada semua pihak mengenai Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 259

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

SOALAN

BERTULIS

DATO' SERI ONG KA CHUAN

[TANJONG MALIM]

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat dihasilkan oleh MARDI sejak tiga tahun lepas dan dari jumlah ini berapa banyakkah produk tersebut dapat dikomersialkan untuk pembangunan industri pertanian tempatan.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh tiga tahun yang lepas (2008-2010), MARDI telah menghasilkan lebih daripada 700 penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang- bidang seperti tanaman industri, hortikultur, ternakan, bioteknologi, teknologi makanan, sumber strategik serta mekanisasi dan automasi.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 125 teknologi telah dikenal pasti boleh dipertingkatkan skala dan dikomersialkan dan kini berada di pelbagai tahap peningkatan skala dan pengkomersialan iaitu sama ada melalui saluran konsultansi, inkubator, pelesenan, TechnoFund, *Public Goods* dan *Test-Bed Teknologi*.

NO SOALAN : 260

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

SOALAN:

DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komposisi penjawat awam mengikut kohort umur. Adakah Kerajaan berhasrat mengkaji semula dasar mengenai penetapan umur persaraan penjawat awam bersetujuan dengan senario dan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Komposisi penjawat awam Persekutuan (tidak termasuk polis dan tentera) mengikut kohort umur adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 260

JAWAPAN :

KOHORT UMUR	PENGISIAN	
>=51 Tahun	114,452	14.4%
41-50 Tahun	191,324	24.1%
31-40 Tahun	257,459	32.4%
<=20-30 Tahun	230,854	29.1%
JUMLAH		100.0%

Berdasarkan kepada maklumat tersebut, 61.5% penjawat awam berada di dalam kohort umur 40 tahun dan ke bawah manakala 38.5% berada di dalam kohort umur 41 tahun dan ke atas.

Untuk makluman, kali terakhir umur persaraan wajib dinaikkan ialah pada 1 Julai 2008, iaitu daripada 56 tahun kepada 58 tahun. Persaraan wajib diperingkat umur 58 tahun telah hanya bermula pada 1 Julai 2010.

Antara pertimbangan penting yang perlu diambilkira bagi penetapan umur persaraan wajib penjawat awam ialah:

Pertamanya, kesan pelanjutan umur persaraan ke atas pasaran buruh negara, termasuk peluang kerja generasi lepasan sekolah, kolej dan universiti ketika ini.

Keduanya, keperluan sumber manusia sektor-sektor tertentu di dalam

NO SOALAN : 260

perkhidmatan awam, yang semestinya berbeza antara jenis- jenis perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Ketiaanova. kesan pelanjutan umur persaraan wajib ke atas usaha Kerajaan ke arah "*rightsizing*", kalau pun tidak mengecilkan perkhidmatan awam demi mengurangkan kos operasi Kerajaan tanpa menjaskan perkhidmatan untuk rakyat.

Keempatnva. tahap kesihatan anggota perkhidmatan awam, terutamanya menjelang umur persaraan 58 tahun, khususnya sama ada mereka mampu untuk terus bekerja atau tidak.

NO SOALAN : 260

Kerajaan sentiasa mengkaji had umur persaraan penjawat awam dari semasa ke semasa agar setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

JAWAB BUKAN LISAN
DATO* SERI ONG KA
CHUAN NO.261

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:

- (a) apakah jenis program pembiayaan yang ditawarkan oleh Kementerian menerusi program MyBrain15; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk program ini dan bilangan pelajar dan jumlah pembiayaan yang telah diiuluskan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat ijazah lanjutan bagi mencapai sasaran 60,000 orang pemegang PhD dari kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023. Melalui pelaksanaan program ini, Kementerian Pengajian Tinggi berharap akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Kementerian percaya bahawa pembangunan sumber tenaga manusia yang berbakat ini akan dapat meningkatkan bilangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan

inovasi serta penghasilan paten yang boleh melonjakkan ekonomi negara pada masa hadapan selaras dengan Model Ekonomi Baru (MEB).

Program MyBrain15 terdiri daripada Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), MyPhD, MyMaster dan PhD Industri. Program SLAI merupakan program pembiayaan yang memfokuskan kepada tenaga akademik, tutor dan pensyarah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai kumpulan sasaran bagi melanjutkan pengajian di peringkat PhD dan setaraf sama ada di dalam atau luar negara. Program ini telah dilaksanakan selaras dengan hasrat Kementerian untuk meningkatkan bilangan pensyarah berkelayakan PhD dan setaraf sekurang-kurangnya 75% di universiti penyelidikan (RU) dan 60% di universiti bukan penyelidikan (bukan RU) menjelang tahun 2015. Kementerian juga turut mensasarkan 75% pensyarah IPTA yang berkelayakan PhD dan setaraf menjelang 2020.

Program MyPhD, MyMaster dan PhD Industri pula merupakan program baru di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Program MyPhD dan MyMaster masing-masing merupakan program pembiayaan di peringkat Ijazah PhD dan Ijazah Sarjana yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berkelayakan. Program MyMaster adalah *feeder* kepada program MyPhD. Kumpulan sasaran bagi kedua-dua program ini adalah graduan yang belum bekerja dan tidak berpendapatan tetap, kakitangan sektor swasta dan pensyarah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Program PhD Industri pula memberi tumpuan kepada para profesional dan pengamal industri dalam menghasilkan inovasi dan meningkatkan daya saing melalui penyelidikan berdasarkan industri.

Bagi melaksanakan program-program tersebut, Kerajaan di bawah RMKe-10 telah memperuntukkan kos projek sebanyak RM3.06 bilion kepada Kementerian Pengajian Tinggi bagi membiayai SLAI (projek sambungan), SLAI (tajaan baru), MyPhD, MyMaster dan PhD Industri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM298.9 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2011. Sepanjang pelaksanaan RMKe-10, Kementerian Pengajian Tinggi mensasarkan untuk menaja seramai 8,500 orang di bawah program SLAI (tajaan baru), 5,000 orang di bawah program MyPhD, 40,000 orang di bawah program MyMaster dan 500 orang di bawah program PhD Industri. Manakala sasaran bagi tahun 2011 adalah 1,500 orang bagi program SLAI, 650 orang bagi program MyPhD, 8,000 orang bagi program MyMaster dan 100 orang bagi program PhD Industri.

Sehingga 27 April 2011, bilangan permohonan yang telah diluluskan bagi program SLAI (tajaan baru) adalah sebanyak 364 iaitu 24.2%, MyPhD sebanyak 564 (86.8%), MyMaster sebanyak 2,310 (28.9%) dan PhD Industri sebanyak 44 (44%). Serrrentara itu, jumlah perbelanjaan yang telah digunakan bagi membiayai program-program tersebut sehingga 13 Jun 2011 adalah sebanyak RM104.6 juta. Pencapaian ini dijangka meningkat dengan ketara selepas pelajar mendaftar bagi sesi akademik 2011/2012 yang akan bermula pada bulan September.

> s-oaumsj ;
NO AttM s ^

MO AIIP ■
■t'i w■ i iur' ■

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA DATO* SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

TARIKH

RUJUKAN 3839

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kriteria dan syarat yang ditetapkan untuk membolehkan syarikat pengawal keselamatan swasta membekalkan perkhidmatan keselamatan dengan menggunakan senjata api. Apakah jenis kawalseliaan yang dibuat ke atas anggota kawalan keselamatan bersenjata ini bagi memastikan mereka tidak menyalahgunakan senjata api.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan syarat-syarat dan peraturan penggunaan tentang pengendalian senjata api kepada syarikat kawalan keselamatan. Antara syarat-syarat dan peraturan yang saya maksudkan itu ialah:

- i) **menggunakan senjata api milik syarikat** untuk tujuan kawalan;
- ii) **memiliki lesen senjata api dan lesen C&U** terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu aktiviti kawalan bersenjata;
- iii) pengawal mesti **lulus tapisan keselamatan** Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- iv) pengawal mendapat **kelulusan lesen membawa dan menggunakan senjata api** atau *Carry and Use License (C & U)*;
- v) mengeluarkan dan membenarkan penggunaan senjata api kepada pengawal keselamatan yang tidak layak (tidak mempunyai lesen C&U) tidak dibenarkan sama sekali;
- vi) menggunakan senjata api milik persendirian dan RELA untuk

tujuan kawalan keselamatan tidak dibenarkan sama sekali [sekiranya syarikat perlu untuk menggunakan senjata api milik persendirian untuk tujuan kawalan syarikat, syarat kegunaan senjata api perlu dipinda dan mendapat kelulusan daripada Polis sebelum menggunakannya]\ dan

- vii) pemegang Lesen A senjata api adalah bertanggungjawab memastikan semua pergerakan maklumat senjata api dan peluru terhad kepada yang berkenaan sahaja.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain itu kawalselia ke atas pengawal keselamatan yang menggunakan senjata api telah pun dilaksanakan melalui peraturan tetap operasi yang digubal oleh Kementerian iaitu setiap pengawal keselamatan yang diluluskan menggunakan senjata api mestilah mendapat latihan asas pengendalian senjata api. Tindakan akan diambil untuk menarik balik lesen C&U pengawal keselamatan yang cuai dalam menggunakan senjata api.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

BERTULIS

DARI PADA	Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN
KAWASAN	TANJONG MALIM

SOALAN NO.:^£3

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah pampasan yang dibayar kepada syarikat-syarikat konsesi lebuh raya bertol berikut dengan keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol dan juga memansuhkan sebilangan laluan lebuh raya bertol.

JAWAPAN
Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan dalam bentuk tunai yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuh raya untuk tempoh sehingga 31 Disember 2010 ialah sebanyak RM2.05 bilion.

Pampasan tersebut perlu dijelaskan berikutan dari keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi lebuh raya-lebuh raya yang sedang beroperasi sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Di samping itu Kerajaan juga perlu membayar pampasan disebabkan oleh faktor-faktor lain, antaranya seperti penghapusan kutipan tol (Plaza Tol Senai, Lebuh Raya Utara Selatan; Plaza Tol Salak Jay a, Lebuh Raya Sungai Besi; dan Plaza Tol PJS 2, Arah Kuala Lumpur di Lebuh Raya Pantai Baru), penetapan diskaun 50% kadar tol untuk bas dan pampasan kerana tidak melaksanakan *restriction order* di Lebuh Raya Selat Klang Utara Baru (NNKSB).

Maklumat mengenai jumlah pecahan pampasan tol mengikut lebuh raya ialah untuk tempoh sehingga 31 Disember 2010 ialah seperti berikut:

BIL.	LEBUHRAYA	
1.	Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)	735.22
2.	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)	13.79
3.	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	9.78
4.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KL-Karak)	100.86
5.	Jambatan Pulau Pinang	181.23
6.	Lebuhraya Seremban Port Dickson (SPDH)	0.18
7.	Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA)	31.98
8.	Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)	24.21
9.	Lebuhraya Cheras-Kajang (GRAND SAGA)	105.15
to.	Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)	631.31
11.	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	8.21
12.	Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur (AKLEH)	45.86
13.	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)	76.43
14.	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)	30.87
15.	Lebuhraya Metramac	0.40
16.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	25.78
17.	Lebuhraya Sistem Lingkaran Luar Kajang (SILK)	2.71
18.	Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT 1)	1.61
19.	Lebuhraya Shah Alam-Kuang (GUTHRIE)	0.10
20.	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	17.62
21.	Lebuhraya SMART	6.59
22.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)	1.08
23.	Lebuhraya Kajang-Seremban LEKAS)	0.01
24.	Lebuhraya Duta Ulu Kelang (DUKE)	0.16
25.	Lebuhraya Senai Desaru (SDE)	0.01
26.	Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA)	-

BIL. ■	* rniinmuv LEBUHRAYA	«£§!*
27.	Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE)	-
	JUMLAH	2,051.15

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' MOHD. JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Mohd. Jidin Bin Shafee (SETIU) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah terdapat kajian mengenai jumlah wanita berusia 40 tahun ke atas yang masih belum berkahwin dan apakah bidang kerjaya mereka serta mengapa berlakunya perkara sedemikian.

JAWAPAN :

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-4 yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2004 mendapati seramai 89 orang daripada 621 responden atau 14.3% wanita berumur 40 tahun ke atas masih belum berkahwin. Daripada peratusan tersebut, 67.1% adalah daripada kalangan penggubal undang-undang, profesional dan tenaga

mahir.

Kajian ini juga mendapati bahawa antara punca utama wanita berumur40 tahun ke atas tidak berkahwin adalah kerana tiada calon sesuai/terlalu memilih (38.4%) dan sibuk dengan kerjaya (24.5%). Selain itu, di antara faktor yang berlakunya fenomena kahwin lewat di kalangan wanita ialah mahu melanjut pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, ingin membantu keluarga, berjawatan profesional atau mementingkan kerjaya dan mempunyai masalah peribadi. Dalam pada itu, peratusan penduduk bujang yang berusia 40 hingga 49 tahun menunjukkan jumlah wanita lebih tinggi berbanding lelaki sekali gus menggambarkan wanita berusia sukar untuk mendapat pasangan hidup. Trend perkahwinan lewat ini bukan hanya terjadi di Malaysia, malah di Indonesia, Singapura, Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Dalam usaha menangani isu kahwin lewat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan beberapa insentif. Antaranya ialah dengan memberi keutamaan kepada pembangunan prasarana yang lebih bersesuaian dan mesra keluarga bagi membolehkan golongan muda mengimbangi antara tuntutan kerjaya dan berkeluarga. Inisiatif ini adalah selaras dengan Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara yang bermatlamat untuk memastikan perspektif keluarga diambil kira dalam pembangunan negara.

Selain itu, Program SMARTSTART yang dianjurkan oleh LPPKN juga memberikan tips- tips mengenai hubungan dan perkahwinan terutama bagi mereka yang berhasrat untuk mengakhiri zaman bujang. Di samping itu, LPPKN juga sedang

NO. SOALAN :75

berusaha untuk membangunkan pakej-pakej perkahwinan dan pakej mesra keluarga bagi menggalakkan golongan muda supaya tidak berkahwin lewat.

NO. SOALAN :76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

[SETIU]

TARIKH BERSIDANG : 14 JUN 2011
SOALAN

Dato* Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status penambahbaikan Hospital Setiu dan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan hospital pakar penuh di Terengganu bagi menampung keperluan rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Penambahbaikan Hospital Setiu sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Iklan tender bagi kerja kerja pembaikan telah dikeluarkan pada 16hb Mei lalu, dan akan ditutup pada 17 Julai 2011 akan datang. Kerja-kerja penambahbaikan dijangka dapat dimulakan pada September 2011 dan terbahagi kepada 2 fasa. Kerja-kerja yang bakal dilaksanakan di dalam fasa 1 ialah kerja- kerja membaiki dalaman Bilik Bedah sementara kerja-kerja di bawah fasa 2 ialah kerja-kerja pembaikan keseluruhan sistem struktur bumbung di ruang tangki air dan Jabatan Bedah. Kos keseluruhan kedua-dua fasa tersebut ialah RM1,112,931.00. Kerja-kerja di bawah Fasa 2 akan dilaksanakan terlebih dahulu memandangkan ianya adalah lebih praktikal dan lebih diberi keutamaan. Kerja- kerja naiktaraf ini dijangka akan memakan masa selama 8 bulan.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, terdapat 2 buah hospital yang memberi perkhidmatan pakar di Terengganu iaitu Hospital Kuala Terengganu (Hospital Negeri) dan Hospital Kemaman. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bercadang untuk menaiktaraf Hospital Dungun kepada hospital pakar dalam masa terdekat. Pada masa ini, Hospital Setiu berfungsi sebagai '*Hospital with visiting specialist*' dimana pakar perubatan akan memberikan rawatan secara lawatan berkala. Keperluan perkhidmatan pakar bagi semua hospital KKM sentiasa dipantau dan akan dinaiktaraf sekiranya perlu bagi memenuhi keperluan semasa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Setiu yang mula beroperasi sejak tiga (3) tahun adalah hospital tanpa pakar residen dengan kapasiti 76 buah katil. Kadar penggunaan katil di hospital tersebut pada tahun 2010 adalah 39.8 peratus. Pada masa ini perkhidmatan pesakit luar dan pesakit dalam disediakan oleh enam (6) orang Pegawai Perubatan, empat (4) orang Pegawai Farmasi dan lain-lain anggota Sains Kesihatan Bersekutu.

Walaupun tiada pakar residen, pada masa ini perkhidmatan kepakaran di Hospital Setiu diperolehi melalui lawatan Pegawai Perubatan Pakar secara berkala dari Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan jumlah kedatangan pesakit ke klinik pakar telah meningkat dari 2242 pada tahun 2008 kepada 2,855 orang pada tahun 2010.

Jarak di antara Hospital Setiu dengan hospital berpakar terdekat adalah 70 km ke Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu dan 100 km ke Hospital USM Kubang Kerian. Pada masa ini KKM belum ada cadangan untuk menempatkan pakar-pakar residen di Hospital Setiu.

Di samping itu, dengan sistem rujukan yang terpakai, pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan kepakaran pada kadar segera akan dirujuk ke hospital yang berpakar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

TARIKH 13JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi membantu sindrom *empty nest* di kalangan rakyat Malaysia yang sudah berumur kini dan masa depan.

JAWAPAN :

Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan golongan warga emas supaya mereka tidak terpinggir daripada arus perdana pembangunan serta bagi menjamin kesejahteraan hidup golongan tersebut. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil dan melaksanakan langkah-langkah tertentu bagi membantu dan melindungi warga emas menjalani kehidupan yang sejahtera. Bagi mengatasi sindrom *empty nest* di mana warga emas merasa kesunyian apabila anak-anak telah meninggalkan rumah ibu bapa kerana bekerja di tempat lain, berkeluarga dan sebagainya, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan beberapa perkhidmatan, antaranya seperti berikut:

- a) Pusat Jagaan Harian Warga Emas iaitu pusat jagaan yang disediakan bagi memberi kemudahan kepada warga emas termasuk yang tinggal bersendirian dan kesunyian menjalani aktiviti sosial dan riadah bersama ahli masyarakat. Pada masa ini terdapat 22 Pusat Jagaan Harian Warga Emas yang telah ditubuhkan;
- b) Perkhidmatan Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas dan dikendalikan oleh sukarelawan. Para sukarelawan membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan seharian mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal; menemani warga emas membeli belah dan membayar bil; membawa mereka ke hospital; mentatariaskan warga emas seperti membersihkan diri, menyikat/mendandangkan rambut, memotong kuku dan sebagainya di samping sebagai sahabat kepada warga emas tersebut. Dalam hal ini, seramai 308 orang sukarelawan terlibat dengan perkhidmatan *Home Help* di seluruh negara manakala seramai 651 orang warga emas telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini.

Bagi memastikan kelangsungan hidup warga emas terjamin dan sejahtera, beberapa strategi telah dirangka dan diperkenalkan oleh Kerajaan seperti yang termaktub dalam Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Januari 2011. Dasar dan Pelan Tindakan ini menggantikan Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara telah digubal pada tahun 1998.

Antara strategi dalam Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga

Emas Negara bagi mengatasi masalah *empty nest* ialah meningkatkan penglibatan dan kesepadan antara generasi dengan menggalakkan warga emas bergiat aktif dalam masyarakat. Antara program yang dirangka untuk dilaksanakan di bawah strategi ini ialah:

- a) Menggalakkan aktiviti kesukarelaan oleh pelajar sekolah, kolej dan universiti di pusat jagaan warga emas sebagai aktiviti ko-kurikulum dan kemahiran insaniah. Contohnya, lawatan ke institusi warga emas semasa cuti sekolah dalam kalangan pelajar sekolah rendah; dan
- b) Mempromosikan nilai menghormati warga emas melalui:
 - Program angkat dalam kalangan warga emas iaitu melalui pengambilan generasi muda sebagai anak angkat bagi warga emas atau generasi muda mengambil warga emas sebagai ibu bapa angkat;
 - Pewujudan kelab perkhidmatan sosial yang memberi fokus kepada warga emas;
 - Pemupukan budaya menyayangi warga emas dalam keluarga; dan
 - Penggalakkan warga emas menjadi *role model* kepada masyarakat.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara juga merancang pelaksanaan program pengukuhan nilai teras keluarga yang antara lain bertujuan untuk menerangkan nilai-nilai antara generasi melalui Program Pengukuhan Nilai Antara Generasi (*Inter-Generational Solidarity*). Antara aktiviti di bawah program ini adalah pembangunan modul *Grandparenting*, Kempen Pengukuhan Nilai Murni serta aktiviti-aktiviti penerapan nilai dengan

kerjasama pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Selain itu, sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2011 akan memberi fokus kepada peningkatan hubungan antara warga emas dan ahli keluarga sebagai salah satu usaha memelihara warisan, nilai murni dan ciri-ciri akhlak mulia kepada generasi akan datang. Program dan aktiviti yang bakal dilaksanakan dijangka dapat menyuburkan nilai penyayang, prihatin, hormat-menghormati dan saling membantu antara generasi muda dan warga emas. Dengan itu, sindrom *empty nest* dapat dikurangkan dalam kalangan warga emas di negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN

JAWAB BUKAN LISAN

PERTANYAAN :

YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
DARIPADA (SEREMBAN)

SOALAN YB Tuan John A/L Fernandez (Seremban) minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:-

(a) apakah status kes penculikan warganegara Malaysia Pandian Chelliah yang diculik di Ivory Coast pada 4.4.2011 di Hotel Novotel di Abidjan; dan

(b) apakah usaha yang telah dan yang akan diambil oleh pihak Wisma Putra untuk menyelesaikan masalah penculikan tersebut.

JAWAPAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban di atas soalan yang dikemukakan.

Berhubung dengan status kes penculikan warganegara Malaysia, Encik Pandian Chelliah, setakat ini, Wisma Putra masih belum menerima sebarang maklumat berkenaan keberadaan atau status beliau.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, sejak beliau diculik bersama-sama tiga (3) lagi rakyat asing pada 4 April 2011, Wisma Putra telah menggunakan pelbagai kaedah iaitu melalui saluran diplomatik dan jaringan lain untuk mendapatkan maklumat bagi menjelaki Encik Pandian.
3. Selain itu, Wisma Putra telah juga menghantar dua (2) Nota Diplomatik kepada Kerajaan Ivory Coast bagi meminta bantuan, namun Kerajaan Ivory Coast masih belum memberi apa-apa jawapan.
4. Wisma Putra juga terus menyusul kes ini dengan aktif dengan meminta kerjasama Kedutaan Besar Malaysia di Conakry (Guinea) dan Paris (Perancis) serta Perwakilan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York (Amerika Syarikat).
5. Wisma Putra turut sentiasa berhubung dengan majikan Encik Pandian Chelliah serta rakyat Malaysia lain yang berada di Ivory Coast secara berterusan untuk mengetahui perkembangan di lokasi berkenaan (*on the ground*) kes ini.

Terima Kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

[SEREMBAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kes-kes disiplin di kalangan para pelajar Sekolah Menengah dan Rendah dalam Parlimen Seremban dan langkah-langkah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah kes-kes disiplin dalam kalangan para murid sekolah rendah dan menengah dalam Parlimen Seremban adalah sebanyak 395 kes. Daripada jumlah tersebut 17 kes di sekolah rendah, manakala 378 kes berlaku di sekolah menengah. Antara langkah yang dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan bagi mengatasi masalah disiplin murid ialah:

- i. Program Hati ke Hati JPN bersama Majlis Aspirasi Pemangkin Naasional di setiap PPD;
- ii. Seminar Permuafakatan PIBG Sekolah-Sekolah kawasan Felda;
- iii. Kempen Anti Ponteng di Sekolah peringkat Negeri Sembilan;
- iv. Kempen Anti Buli di Sekolah peringkat Negeri Sembilan;
- v. Program Kelab Pencegahan Jenayah Peringkat Negeri Sembilan;
- vi. Program jati diri murid perempuan berisiko tinggi;
- vii. Program jati diri murid lelaki berisiko tinggi;
- viii. Ceramah muka ke muka bersama murid-murid bermasalah disiplin di sekolah fokus;
- ix. Menggerakkan Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD); dan
- x. Kaunseling Berfokus di peringkat sekolah.

PERTANYAAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**BUKAN
LISAN**

DARI PADA

Y.B TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)

SOALAN

minta

Y.B Tuan John a/l Fernandez (Seremban)

PERDANA MENTERI menyatakan adakah terdapat bilik rehat khas disediakan kepada para pemandu bagi para Menteri dan juga Ahli Yang Berhormat di Bangunan Parlimen.

JAWAPAN

Untuk makluman Y.B, pada masa ini tiada bilik khas disediakan untuk pemandu para Menteri dan Ahli Yang Berhormat di Bangunan Parlimen. Walaubagaimanapun, perkara ini akan diambilkira oleh Jabatan Kerja Raya dalam projek pembangunan Parlimen Malaysia di masa akan datang.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)

TARIKH 13 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jika sekiranya seseorang individu itu adalah pemegang kad Kenal Diri Orang Kurang Upaya yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, adakah individu tersebut layak secara automatik untuk mendapat bantuan kewangan dari Jabatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap kesejahteraan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Dalam hal ini KPWKM menggalakkan OKU mendaftarkan diri mereka dengan JKM supaya mereka layak menerima beberapa bantuan atau perkhidmatan yang sesuai menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsian atau ketidakupayaan mereka.

Setiap OKU yang berdaftar dan mempunyai kad Kenal Diri OKU layak untuk dipertimbangkan pelbagai kemudahan dan keistimewaan yang disediakan sama ada oleh pihak JKM, agensi-agensi kerajaan yang lain serta sektor swasta.

Namun begitu kad Kenal Diri OKU tidak melayakkan seseorang pemegang mendapat bantuan kewangan secara automatik daripada JKM. Kelayakan pemegang kad OKU bagi menerima bantuan kebajikan adalah mengikut syarat-syarat kelayakan tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Jenis bantuan dan kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

a) Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC)

- dengan kadar RM300.00 sebulan diberikan kepada OKU yang bekerja dengan pendapatan kurang daripada RM1,200.00 sebulan.

Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)

- dengan kadar RM150.00 sebulan diberikan kepada OKU yang berumur antara

18-59 tahun, tidak berupaya bekerja disebabkan faktor-faktor yang munasabah dan sumber pendapatan individu OKU tidak melebihi PGK semasa, iaitu RM720.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM830.00 bagi Sarawak dan RM960.00 bagi Sabah dan Labuan.

Skim Bantuan Penjaga OKU yang Terlantar/Pesakit Kronik yang Terlantar (BPT)

- dengan kadar RM300.00 sebulan diberikan kepada penjaga sepenuh masa yang merupakan ahli keluarga OKU yang Terlantar/Pesakit Kronik yang Terlantar serta pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3000.00 sebulan.

Skim Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan

- membantu OKU yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, tangan palsu, kalipers, tongkat tangan/ketiak, kerusi roda, alat pendengaran, cermin mata khas dan lain-lain peralatan yang bersesuaian yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau

pakar perubatan. Kadar adalah mengikut harga sebenar alat tiruan/sokongan.

A/0- wo-

AUtr:

NO: AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWANRAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

JAWAPAN

DARI PADA **TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]**

TARIKH

RUJUKAN 3840

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakahstatus siasatan Polis berkenaan dengan Laporan Polis Lenggeng /00371/11 oleh John Fernandez pada 16.5.2011; dan
- (b) adakahterdapat suspek yang ditahan dan bilakah pertuduhan di Mahkamah akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Laporan Polis Lenggeng repot: 371/11 adalah berkenaan aduan bahawa tanah perkuburan Hindu yang lama yang terletak di Ladang Sungai Beranang yang didakwa pengadu telah dicemar dan dirosakkan.

Dalam kes ini, Y.B. John Fernandez adalah pengadu. Kes ini telah disiasat di bawah Sek. 297 Kanun Keseksaan. Siasatan yang telah dijalankan mendapati bahawa tanah tersebut adalah kawasan harta persendirian dan usaha sedang dijalankan untuk menemuramah pemilik tanah. Setakat ini tiada tangkapan dibuat dan kes ini masih lagi dalam siasatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Penelitian telah menunjukkan bahawa YB Tuan John Fernandez adalah pengadu di dalam kes ini. Oleh yang demikian, mengambil kira keputusan Yang di-Pertua Dewan sebelum ini yang menyatakan bahawa isu-isu yang mempunyai kepentingan peribadi harus dihindar daripada dibawa ke Parlimen.

JAWAPAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
SOALAN NO. 272

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan nilai pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga Disember 2010 serta apakah Kerajaan berhasrat untuk membatalkan tindakan menghalang mereka yang masih gagal menjelaskan hutang pinjaman berkenaan ke luar negara sebagaimana sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2010, PTPTN telah meluluskan sebanyak 1,698,845 pembiayaan pendidikan kepada pelajar IPT yang layak dengan jumlah amaun keseluruhan sebanyak RM37.44 bilion. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM24.88 bilion telah dikeluarkan kepada pelajar.

Pada masa ini, PTPTN tidak berhasrat untuk membatalkan tindakan menghalang keluar negara kepada peminjam tegar. PTPTN

sebenarnya telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel dalam melaksanakan kutipan balik pinjaman sebelum tindakan mahkamah diambil terhadap peminjam Ingkar. Tindakan menyenarai hitam peminjam tegar bagi menghalang mereka keluar negara diambil setelah pelbagai langkah peringatan tidak dipedulikan. Tindakan ini bukanlah dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa memberikan ruang kepada peminjam untuk memberi maklum balas atau berunding dengan PTPTN.

Semua peminjam PTPTN adalah tertakluk kepada perjanjian pembiayaan yang telah diterima dan dipersetujui, yang menyatakan dengan terperinci terma-terma serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh peminjam. Antaranya, peminjam diberikan kelonggaran untuk memulakan bayaran balik selepas enam bulan daripada tarikh tamat pengajian/pengeluaran pinjaman. Notis tuntutan berserta jadual bayaran balik akan dihantar kepada peminjam setelah tamatnya tempoh 6 bulan bagi memaklumkan tanggungjawab mereka untuk memulakan bayaran balik.

Sekiranya dalam tempoh 30 hari selepas notis tuntutan di atas, PTPTN masih tidak menerima bayaran balik atau sebarang maklum balas, notis peringatan pertama akan dikeluarkan. Sekiranya pada bulan berikutnya peminjam masih ingkar, maka notis peringatan kedua pula akan dikeluarkan. Notis peringatan terakhir dikeluarkan melalui panel peguam yang dilantik jika selepas sebulan peminjam didapati masih ingkar. Sekiranya peminjam masih lagi mengabaikan tanggungjawab mereka selepas menerima notis peringatan terakhir ini, langkah seterusnya ialah menghantar '*Letter of Demand*' yang juga dikendalikan oleh panel peguam bagi memberi peluang terakhir kepada peminjam

melunaskan kesemua jumlah ansuran bulanan yang tertunggak.

Peminjam yang bertanggungjawab sepatutnya menampilkkan diri atau berhubung dengan pihak PTPTN selepas menerima notis-notis peringatan di atas (empat notis peringatan kesemuanya). Pada peringkat ini peminjam masih boleh berunding bagi menyelesaikan jumlah pinjaman yang tertunggak. Adalah amat mendukacitakan kerana masih ramai peminjam memilih untuk tidak mempedulikan setiap peluang yang diberikan. Kegagalan mereka memberi maklum balas di peringkat ini, menyebabkan nama mereka dihantar ke Jabatan Imigresen untuk di senarai hitam. Seterusnya sekiranya masih ingkar, PTPTN meneruskan tindakan undang-undang dengan memfailkan saman ke mahkamah untuk mendapatkan penghakiman sekali gus menuntut kesemua baki pinjaman.

Walau bagaimanapun, PTPTN juga mengambil pendekatan yang berlembut (*soft approach*) dan mesra pelanggan. Mereka boleh tampil untuk mengadakan rundingan pada bila-bila masa bagi menyelaraskan semula bayaran balik pembiayaan pendidikan mereka. Di samping itu, dari maklum balas yang dikumpul juga menunjukkan sikap tidak mahu membayar balik pinjaman merupakan punca utama dan bukannya ketidakmampuan pendapatan peminjam.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

BERTULIS
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri
(Kuala Nerus)

SOALAN

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM
FIKRI (Kuala Nerus) minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan bilakah Malaysia akan bebas daripada kebergantungan import makanan asasi dan apakah status program mewujudkan Jelapang Padi dan melahirkan nelayan moden di kalangan masyarakat tempatan.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

Kerajaan akan memberikan tumpuan pada peningkatan hasil dan pengurusan komersial penanaman padi di kawasan jelapang sedia ada melalui pelaksanaan program-program di bawah NKEA seperti EPP10 dan EPP11. Bagi memantapkan rantaian bekalan padi dan beras sekali gus mengurangkan pergantungan import beras di masa akan datang, Kementerian merancang untuk mencapai SSL 88% menjelang 2015. Antara strategi yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i) meningkatkan pengeluaran atau produktiviti bagi kawasan jelapang;

- ii) menambah musim penanaman padi daripada sekali setahun kepada dua kali setahun dan daripada dua kali setahun kepada lima kali dalam dua tahun;
- iii) memperkenalkan varieti baru dan padi hibrid yang lebih produktif dan mempunyai ketahanan daripada serangan penyakit dan cuaca;
- iv) mewujudkan kawalan makhluk perosak bersepadan;
- v) mewujudkan pengurusan berpusat di MADA, KADA dan semua IADA;
- vi) meluaskan kawasan penanaman padi di IADA; dan
- vii) menggunakan tanah terbiar di luar jelapang bagi penanaman padi.

Bagi melahirkan nelayan moden di kalangan masyarakat tempatan, Kerajaan telah menyediakan program Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, 2 dan 3 Dalam Bidang Teknologi Perikanan Tangkapan di Institut Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu.

Program latihan ini adalah dikhatususkan untuk remaja dan golongan belia yang mempunyai minat dalam menjadikan bidang perikanan sebagai kerjaya mereka. Kebanyakan peserta program ini adalah terdiri daripada anak-anak golongan nelayan. Program ini juga diwujudkan untuk melahirkan nelayan moden yang kompeten, mahir dan cekap selain mampu berkomunikasi dengan baik serta mempunyai sahsiah yang positif.

Bermula tahun 2004 dan sehingga kini, seramai 175 orang pelatih telah pun mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, 2 dan 3 dalam Bidang Teknologi

Perikanan Tangkapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN :BUKAN LISAN
DARI PADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]

SOALAN

**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri minta PERDANA
MENTERI**

menyatakan jumlah syarikat bas henti-henti yang telah menamatkan operasi mereka dalam tempoh dua (2) tahun mengikut pecahan negeri akibat kenaikan bahan api dan kos lain serta apakah strategi kerajaan bagi memastikan hal tersebut tidak terus berlalu.

|

SOALAN

N0.274 JAWAPAN: YBDATO' SERIMOHAMEDNAZRI

ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mengambil maklum berhubung perkara ini melalui perbincangan yang telah diadakan dengan pihak Pan Malaysian Bus Operators Association (PMBOA) baru-baru ini.

Masalah yang dihadapi oleh pengusaha bas henti-henti adalah disebabkan oleh kenaikan kos operasi seperti pemilikan kenderaan, bahan api, alat ganti, insuran, pemeriksaan Puspakom dan tunggakan bayaran saman; dan dalam masa yang sama, jumlah penumpang bas telah berkurangan kerana ramai di antara mereka mampu memiliki kereta dan motorsikal sendiri.

Antara syarikat-syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:

SOALAN NO.274

Bil.	Negeri	Syarikat
1.	Terengganu	i. Thong Aik Omnibus Co. Sdn. Bhd Himda Travel & Tours Sdn. Bhd (Memberhentikan perkhidmatan di beberapa laluan)
2.	Pahang	i. Koperasi Serbaguna Felda Bukit Kuantan Berhad ii. Kuantan Town Service Co. Sdn. Bhd.
3.	Kelantan	Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan (Memberhentikan perkhidmatan di beberapa laluan)
4.	Negeri Sembilan	Syarikat Starise Sdn Bhd (Mengurangkan bilangan trip di laluan Palong - Bahau)

SPAD telah melantik perunding bagi menjalankan kajian dan mengumpulkan maklumat jumlah pengguna (*ridership*) bagi mengenalpasti syarikat-syarikat bas dan laluan-laluan yang terlibat. Dalam masa yang sama, SPAD akan mendapatkan laporan audit kewangan, laporan aliran tunai, dan maklumat pengguna bas secara rasmi dari syarikat-syarikat bas yang terlibat. Setelah kajian ini selesai, pihak kami akan merangka strategi yang khusus bagi menangani masalah tersebut.

Pada 1 Ogos 2009, Kerajaan telah mewartakan kadar tambang baru

SOALAN NO.274

untuk pengangkutan awam yang turut melibatkan perkhidmatan bas berhenti-henti dalam usahanya untuk membantu pengusaha pengangkutan awam dalam menangani isu kenaikan kos bahan api serta lain-lain kos berkaitan.

Selain itu, kerajaan masih lagi mengekalkan pemberian subsidi bahan api kepada pengusaha pengangkutan awam. SPAD sedang dalam proses menyiapkan Pelan Induk Pengangkutan Awam yang akan melihat dalam usaha-usaha pembentukan inisiatif yang berpatutan kepada semua pengusaha pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
	[KUALA NERUS]

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan berapakah jumlah koperasi yang telah ditutup operasi mereka setakat ini dan apakah puncanya serta apa pula strategi kerajaan bagi memastikan hal tersebut tidak terus berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2010, sebanyak 81 buah koperasi telah ditutup operasi atau dibatalkan pendaftarannya.

Punca koperasi dibatalkan pendaftaran adalah kerana:

- i. Koperasi tidak lagi menjalankan sebarang aktiviti dan telah menjadi dorman/insolven;
- ii. Permohonan pembatalan diterima daripada tiga per empat (3/4) jumlah anggota;
- iii. Jumlah keanggotaan koperasi telah menjadi kurang daripada lima belas orang.
- iv. Koperasi telah menjalankan perniagaan yang memudaratkan koperasi, anggotanya atau orang awam amnya dan melanggar peruntukan Akta Koperasi 1993. Contohnya menjalankan aktiviti skim cepat kaya;

Bagi memastikan hal tersebut tidak terus berlaku, usaha-usaha berikut diambil oleh kerajaan:

NO. SOALAN : 277

- i. Mengadakan program-program pembangunan perniagaan bagi memberi peluang kepada koperasi melibatkan diri dalam perniagaan.
- ii. Menyediakan kemudahan kewangan bagi membantu koperasi menjalankan aktiviti ekonomi melalui geran bantuan pembangunan dan pinjaman Tabung Modal Pusingan;
- iii. Memberikan kefahaman dan latihan mengenai perundangan dan tadbir urus kepada anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) sebagai pendidikan pencegahan bagi memastikan ALK dan JAD mempunyai kemahiran dalam pengurusan serta pentadbiran koperasi;
- iv. Mengadakan pemeriksaan audit wajar ke atas koperasi secara berkala untuk mengetahui tahap kemampuan dan keupayaan koperasi dari sudut kewangan dan pengurusan serta untuk memastikan tadbir urus koperasi berjalan dengan baik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN
DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
N0.276

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memenuhi keperluan asrama di IPTA terutamanya IPTA baru seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sememangnya maklum dan perihatin terhadap keperluan asrama di IPTA. Walau bagaimanapun, pembinaan sesebuah asrama yang memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi, tidak memungkinkan pembinaan dibuat secara serentak. Oleh yang demikian, pada masa ini, Kementerian sedang merangka strategi bagi melaksanakan pembangunan asrama IPTA melalui kaedah *Public- Private Partnership* (PPP) yang akan turut melibatkan pihak Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS).

of?—

SOALAN NO:
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah Kerajaan boleh dan bersedia untuk melaksanakan skim gaji minimum, dan bilakah rang undang-undang berkaitan dengannya dapat dibentangkan di Parlimen.

PR-1242-T44099

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (RUU MPGN) telah dibentangkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ke Empat, Parlimen Kedua Belas, pada 21 Jun 2011. Setelah RUU MPGN ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Majlis Perundingan Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah termasuk menentukan kadar gaji minimum dan mekanisme pelaksanaannya.

|

2. Majlis Perundingan Gaji Negara akan berperanan membuat

perakuan / syor gaji minimum dan seterusnya akan mengangkat syor tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Dalam hal ini, polisi gaji minimum boleh dilaksanakan setelah semua proses dan persediaan diselesaikan, yang dijadualkan penghujung tahun ini.

3. Berhubung dengan kadar gaji minimum, buat masa ini ia masih diperhalusi dari pelbagai aspek seperti inflasi, produktiviti, kadar pengangguran, pertumbuhan KDNK dan sebagainya. KSM telah melantik Bank Dunia untuk menjalankan satu kajian mengenai gaji minimum dan dijangka Kementerian menerima laporan Bank Dunia pada akhir bulan Julai 2011.

QXR(13-28Jun2011)/fias...31.5. II/Sapa 'un' T44099

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN LISAN
DARIPADA YB DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah peniaga yang dikenakan tindakan kerana melakukan pelbagai kesalahan berikutan kenaikan harga gula baru-baru ini.

NO. SOALAN : 279

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berikut dengan kenaikan harga gula pada 10 Mei 2011 baru-baru ini, Kementerian melalui pegawai penguatkuasa dan pegawai pemantau harga telah mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan di seluruh negara. Sehingga 6 Jun 2011, sebanyak 33 aduan kenaikan harga telah dikesan menaikkan harga makanan dan minuman dan sebanyak 11 premis diberikan amaran keras secara bertulis untuk menurunkan harga dan menjual pada paras harga yang berpatutan. Amaran- amaran ini diberikan memandangkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 baru dikuatkuasakan pada 1 April 2011 dan pengetahuan peniaga tentang peruntukan Akta tersebut masih rendah.

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ini diadakan bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan ke atas peniaga yang mengambil kesempatan melakukan pencatutan atau membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi melindungi pengguna. Sekiranya mana-mana peniaga didapati melakukan aktiviti pencatutan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Bagi individu adalah tidak melebihi RM100,000 atau tidak melebihi 3 tahun penjara atau kedua-duanya dan kesalahan kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM250,000 atau tidak melebihi 5 tahun penjara atau kedua-duanya; dan
- (ii) Bagi pertubuhan perbadanan denda adalah tidak melebihi RM500.000 dan kesalahan kali kedua atau berikutnya denda tidak melebihi RM1 juta.

Penalti yang tinggi ini adalah satu tindakan tegas untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

[SIPITANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil untuk melatih guru-guru untuk berkemahiran dalam bahasa Inggeris bagi mengajar di sekolah-sekolah di negara ini, dalam usaha kita mengejar kemajuan era globalisasi

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha membawa masuk 375 penutur jati Bahasa Inggeris dari luar negara untuk melaksanakan program peningkatan profesionalisme pensyarah dan guru bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut, 360 penutur jati dilantik sebagai mentor kepada guru bahasa Inggeris bagi 1,800 buah sekolah rendah. Manakala 15 orang lagi dilatih sebagai *training fellows* di lima (5) buah Institut Pendidikan Guru (IPG). Antara KPI yang ditetapkan dalam program ini adalah 75 jam sesi input profesional bagi setiap guru, mentoring secara individu serta latihan dan bengkel. Program ini sedang berjalan dan baru lima bulan dilaksanakan, namun pemantauan awal menunjukkan bahawa penglibatan guru dan mentor amat memberangsangkan.

KPM juga telah menyedia dan melaksanakan program latihan khusus untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris. Sehingga kini, hampir 12,000 orang guru telah terlibat dalam program tersebut pada tahun 2010, manakala KPM mensasarkan 10,000 orang guru Bahasa Inggeris diberikan latihan yang sama pada tahun ini.

Pengambilan guru bersara bahasa Inggeris secara kontrak akan dilaksanakan. KPM mensasarkan dari tahun 2011 hingga 2013 seramai 600 orang guru bersara bahasa Inggeris akan dilantik secara kontrak di seluruh negara. Sehingga Mei 2011, 175 orang guru bersara bahasa Inggeris telah menerima tawaran ini.

SOALAN NO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**
DARIPADA **DATUK SAPAWI B. HJ AHMAD**
 [SIPITANG]

TARIKH
SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah usaha yang diambil bagi menggalakkan orang ramai menderma organ selepas kematian.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha dalam meningkatkan aktiviti pendidikan pendermaan organ selepas kematian. Penderma organ / tisu kadaverik merupakan mereka yang menderma organ selepas kematian dengan kebenaran daripada ahli keluarga atau waris. Perolehan organ tidak akan dilakukan jika kebenaran daripada ibu bapa atau waris tidak diperolehi. Sehingga 31 Disember 2010, jumlah keseluruhan penderma kadaverik ialah seramai 322 orang. Jumlah penderma organ dan tisu kadaverik menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun iaitu pada tahun 2006 (25 penderma), tahun 2007 (25 penderma), tahun 2008 (26 penderma), tahun 2009 (39 penderma) dan tahun 2010 (38 penderma).

Daripada jumlah keseluruhan penderma kadaverik iaitu 322 orang, 58% penderma berbangsa Cina, 26% penderma berbangsa India, 5% berbangsa Melayu, dan 7% lain-lain kaum.

Tuan Yang DiPertua,

Usaha-usaha yang diambil bagi menggalakkan orang ramai menderma organ selepas kematian ialah dengan mewujudkan satu Jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ yang dipengerusikan oleh

YBhg. Tan Sri Dato' Lee Lam Thye. Keahliannya terdiri daripada agensi

kerajaan, agensi swasta, pertubuhan bukan kerajaan, institusi agama, agensi media dan orang perseorangan. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menyelaras.merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi dan pendidikan berkaitan pendermaan organ.

Antara aktiviti promosi dan pendidikan yang dijalankan termasuklah:-

1. Minggu kesedaran pendermaan organ
2. Kempen pendermaan organ menggunakan media massa
- 3.

Program Usahasama KKM - Pos Malaysia

4. Roadshow Promosi Pendermaan Organ
5. Seminar Pendidikan Pendermaan Organ
6. Aktiviti Bersemuka (forum, kaunter pendaftaran, pameran.khidmat nasihat kuiz)
7. Latihan kepada anggota kesihatan
8. Penerbitan bahan promosi dan pendidikan

Tuan Yang DiPertua,

Lain- lain aktiviti yang dilaksanakan secara tahunan ialah:-

1. Sambutan Minggu Kesedaran Pendermaan Organ pada setiap tahun (16 hingga 24 Oktober)
2. Kempen Media Pendermaan Organ menerusi:-
 - Saluran Televisyen
 - Saluran Akhbar
 - Saluran Radio
3. Latihan bina upaya kepada anggota kesihatan
4. Latihan bina upaya kepada agensi swasta, orang perseorangan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
5. Khidmat Nasihat menerusi Talian Bebas tol 1-800-88-9080 Pusat Sumber Transplant Nasional
6. Roadshow Pendermaan Organ di setiap negeri
7. Membangunkan laman sesawang www.aqiftoflife.gov.my

8. Mewujudkan *facebook/agiftoflife*

Aktiviti pendidikan dan promosi yang diadakan ini turut melibatkan ketua-ketua agama bagi menerangkan dengan lebih terperinci mengenai pandangan agama-agama di Malaysia.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

[SIPITANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah diambil untuk memastikan penggunaan bahasa yang betul dalam papan iklan, termasuk kemungkinan mewajibkan para pengiklan merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu sebelum memohon lesen memasang iklan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi memastikan penggunaan bahasa yang betul pada papan iklan, Kerajaan telah menggubal beberapa garis panduan, antaranya Undang-Undang Kecil Iklan, Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan (2005), Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar (2009), dan Kaedah-kaedah Pemasangan Paparan Iklan di dalam Rezab Lebuhraya/Jalan Persekutuan.

Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar (2009) menetapkan syarat bahawa penggunaan bahasa Melayu hendaklah dipastikan betul dan tepat dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tatabahasa dan sebagainya. Penggunaan bahasa yang betul hendaklah dirujuk dan mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kaedah-kaedah Pemasangan Paparan Iklan di dalam Rezab Lebuhraya/Jalan

Persekutuan menetapkan prinsip bahawa penggunaan bahasa Melayu yang betul adalah wajib dan diutamakan dalam iklan sama ada secara sendiri atau bersama bahasa-bahasa lain.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan bertarikh 16 Disember 2009, yang menetapkan syarat supaya penggunaan bahasa Melayu hendaklah diberi keutamaan dari segi saiz perkataan, warna dan kedudukannya pada iklan papan tanda. Penggunaan bahasa Melayu yang betul hendaklah mendapat pengesahan daripada DBP terlebih dahulu sebelum permohonan iklan dikemukakan kepada DBKL.

DBP sentiasa melakukan pemantauan dan lawatan tapak bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan dan juga melalui jawatankuasa yang ditubuhkan pada peringkat negeri, seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan lain-lain. Mana-mana pihak yang tidak mencapai tahap dan mutu penggunaan bahasa yang ditetapkan akan diberikan surat teguran untuk membetulkan kesalahan bahasa yang berkenaan.

Di samping itu, DBP telah menyediakan pelbagai bahan rujukan seperti kamus, istilah dan buku pedoman dan panduan bahasa yang dapat membantu semua pihak berurusan dalam bahasa kebangsaan. Orang ramai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat bahasa daripada DBP melalui Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) di laman web DBP (www.dbp.gov.mv). talian telefon dan faksimile. Kursus bahasa Melayu dan penulisan dokumen untuk sektor awam dan swasta juga dikendalikan pada setiap tahun. Untuk membantu usaha ini, pihak DBP juga telah melatih dan melantik Munsyi Dewan dan Pegawai Bahasa di jabatan dan agensi kerajaan.

Terbaru, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

RT 29 /281

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Tugas

dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah untuk memastikan agar taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus terpelihara dan memantau penggunaan bahasa kebangsaan di semua jabatan dan agensi kerajaan serta sektor yang berimpak tinggi, termasuk di tempat awam.

PEWAN RAKYAT

MALAYSIA PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

SOALAN : Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI

menyatakan secara terperinci jumlah elaun tetap dan segala elaun tambahan lain secara bulanan yang dibayar oleh Kerajaan kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, setiap Menteri Kabinet dan setiap Timbalan Menteri.

JAWAPAN:

Kedudukan gaji YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri dan YB Timbalan Menteri seperti yang terdapat dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 [Akta A1244] yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004 adalah seperti berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Gaji sebulan</u>
(i)	YAB Perdana Menteri	- RM22,826.65
(ii)	YAB Timbalan Perdana Menteri	- RM18,168.15

SOALAN NO: 282

- | | | |
|--------------------------|---|-------------|
| (iii) YB Menteri | - | RM14,907.20 |
| (iv) YB Timbalan Menteri | - | RM10,847.65 |

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN LOKE SIEW FOOK

TUAN LOKE SIEW FOOK

[RASAHI]

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci selain elauan bulanan, apakah keistimewaan- keistimewaan yang dinikmati oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta isteri masing-masing dalam menjalankan tugas rasmi mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan bagi anggota pentadbiran ada terkandung dalam Akta Ahli

JAWAPAN:

Parlimen (Saraan) 1980 (AKTA 237). Kandungan Akta tersebut hanya diedarkan kepada Anggota-Anggota Pentadbiran sahaja dan merupakan dokumen terperingkat bertaraf “RAHSIA”. Kemudahan-kemudahan yang dibayar oleh Kerajaan adalah mengikut jawatan masing-masing serta berdasarkan kos sara hidup semasa dan kemampuan kewangan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 285

DARIPADA

TUAN LOKE SIEW FOOK

[RASAH]

TARIKH

13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci selain elaun bulanan, apakah keistimewaan- keistimewaan yang dinikmati oleh setiap Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri serta isteri masing-masing dalam menjalankan tugas rasmi mereka.
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, elaun-elaun dan keistimewaan- keistimewaan bagi anggota pentadbiran ada terkandung dalam Akta Ahli

SOALAN NO.:^£3

Parlimen (Saraan) 1980 (AKTA 237). Kandungan Akta tersebut hanya diedarkan kepada Anggota-Anggota Pentadbiran sahaja dan merupakan dokumen terperingkat bertaraf “RAHSIA”. Kemudahan-kemudahan yang dibayar oleh Kerajaan adalah mengikut jawatan masing-masing serta berdasarkan kos sara hidup semasa dan kemampuan kewangan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK

KAWASAN RASAH

SOALAN:

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOKK (RASAH) mints MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah kutipan tol yang telah dipungut oleh Syarikat LEKAS secara bulanan semenjak Lebuh Raya Kajang Seremban dibuka kepada orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol di Lebuh Raya Kajang - Seremban (LEKAS) bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 ialah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN TOL (RM)
2008 *	1,864,723.97
2009	9,120,083.11
2010	25,174,327.87
2011 **	11,270,412.45
JUMLAH	47,429,547.40

* dari 5 Oktober 2008

** sehingga 30 April 2011

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA TUAN LOKE SIEW FOOK
[RASAH]**

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah peruntukan khas Parlimen tahun 2010 daripada Jabatan Perdana Menteri untuk kawasan P130 Rasah digunakan serta pecahan secara terperinci setiap peruntukan yang

telah diluluskan atau projek yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Rasah yang dibelanjakan bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM286,300.00. Peruntukan ini melibatkan pelaksanaan 31 program/projek yang meliputi projek baikpulih surau, baikpulih sekolah, jalan/jambatan/terowong, longkang, gelanggang sukan, pagar/tembok, baikpulih rumah, program sosial/sukan/kebudayaan, sumbangan bencana alam dan bantuan/sumbangan kepada pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).’

Butiran program/projek yang diluluskan di kawasan Parlimen Rasah bagi tahun 2010 mengikut kategori projek adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 288

BIL	KATEGORI	BIL	KOS (RM)
1	BAIKPULIH SURAU	2	20,000.00
2	BAIKPULIH SEKOLAH	1	12,000.00
3	JALAN/JAMBATAN/TEROWONG	7	77,000.00
4	LONGKANG	1	20,000.00
5	GELANGGANG SUKAN	2	17,800.00
6	PAGAR/TEMBOK	2	23,000.00
7	BAIKPULIH RUMAH	1	3,500.00
8	PROGRAM SOSIAL/SUKAN/KEBUDAYAAN	12	61,000.00
9	BENCANA ALAM	1	35,000.00
10	BANTUAN/SUMBANGAN NGO	2	17,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		31	286,300.00

NO SOALAN: 287

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

BERTULIS

PERTANYAAN **Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]**
DARIPADA **Dato' Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI
SOALAN** **PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah usaha
pihak Kementerian dalam membela nasib petani yang mengalami kerugian dan
mengusahakan ladang rakyat di Kelantan.**

JAWAPAN **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

**Ladang Rakyat merupakan projek yang diusahakan Kerajaan Negeri Kelantan
dan pihak Kerajaan Pusat khususnya KADA tidak pernah terlibat dalam
pelaksanaan projek tersebut.**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

[PAYA BESAR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO* ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan di dalam buku jingga, pakatan rakyat berjanji untuk memberi elaun tambahan kepada guru-guru sebanyak RM 500 sebulan jika mereka sebagai pemerintah

- (a) apakah usaha pihak Kementerian dalam mempercepatkan proses kenaikan pangkat dan gaji guru-guru dalam skim DG (400 000 orang guru); dan
- (b) apakah pihak Kementerian maklum sebilangan kecil guru terpaksa melakukan kerja tambahan seperti menjadi guru tuisyen, MLM dan sebagainya untuk menambah pendapatan bulanan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pada sambutan Hari Guru yang telah diadakan pada 16 Mei 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa satu kaedah baru kenaikan pangkat khusus kepada guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP) diperkenalkan iaitu konsep Guru Wibawa dan Pendeta Guru. Ini selaras dengan dasar Kerajaan untuk memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti guru, kerjaya guru dan kebajikan guru. Justeru itu, bagi memastikan pelaksanaan dasar ini benar-benar mantap dan memberi faedah kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), maka pihak Kerajaan sedang

memperincikan dan memperhalusi pelaksanaan konsep baru berasaskan kecemerlangan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa sambutan Hari Guru tahun 2011 sebelum ia dilaksanakan pada 1 Januari 2012.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar terdapat sebilangan kecil guru terpaksa melakukan kerja tambahan seperti guru tuisyen. Walau bagaimanapun, guru-guru tersebut dibenarkan menjadi guru tuisyen dengan memohon kebenaran dari Pendaftar Sekolah dan Guru. Hal ini telah diperjelaskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1970. Walau bagaimanapun terdapat larangan menjalankan jualan terus di sekolah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.12/1988.

SOALA
N

589
I 292

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAANBUKANLISAN

DARIPADA Y.B. DATO' ABDUL MANAN B.
ISMAIL [PAYA BESAR]

SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

Krisis ekonomi telah menjaskan industri pelancongan global:-

- a) Berapakah kemerosotan atau peningkatan pendapatan negara dalam bidang pelancongan berbanding tahun sebelumnya; dan
- b) Jumlah kehadiran pelancong tempatan dan luar negara ke Malaysia tahun 2011 (Jan - Jun) mengikut negeri-negeri dalam Malaysia.

JAWAPAN

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, pada 2006, pendapatan pelancongan menunjukkan peningkatan sebanyak **13.5%** iaitu **RM36.3 bilion** berbanding **RM32 bilion** yang dicatatkan pada 2005. Pada 2007, pendapatan pelancongan menunjukkan peningkatan sebanyak **27.1%** iaitu **RM46.1 bilion** berbanding 2006. Bagi 2008, pendapatan pelancongan mencatatkan **RM49.6 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **7.5%** berbanding 2007. Pada 2009, pendapatan pelancongan ialah **RM53.4 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **7.7%** berbanding 2008. Pada 2010, pendapatan pelancongan ialah **RM56.5 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **5.9%** berbanding 2009.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar juga, Kementerian Pelancongan masih dalam peringkat mengumpul data bagi jumlah kehadiran pelancong tempatan dan luar negara ke setiap negeri di Malaysia untuk tempoh Januari hingga Jun 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan

PERTANYAAN BUKAN LISAN

Daripada

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]

Soalan

No. 290

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tahun 2010 dan 2011 menyaksikan kenaikan harga getah dan kelapa sawit yang begitu tinggi:

- (a) KDNK sektor getah dan kelapa sawit tahun 2010 dan 2011 mengikut keluaran ladang dan pekebun kecil negara ini; dan
- (b) berapa peratuskah pekebun yang telah memperoleh pendapatan lumayan sepanjang kenaikan harga getah dan kelapa sawit ini.

JAWAPAN

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Sektor Getah

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di peringkat huluan bagi sektor getah adalah sebanyak RM 1,924 juta bagi tahun 2010 manakala bagi bulan Januari hingga Mac 2011 pula adalah sebanyak RM543 juta, meningkat sebanyak 2.26% berbanding tempoh yang sama pada 2010. Dari segi pecahannya, sumbangan KDNK pekebun

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

kecil bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM1.809 juta atau 94% manakala dari sektor ladang pula adalah sebanyak RM115 juta. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2011, sumbangan dari pekebun kecil adalah sebanyak RM515.85 juta, manakala sektor ladang pula menyumbang sebanyak RM27.15 juta.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Sektor Sawit

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di peringkat huluan bagi sektor sawit adalah sebanyak RM12,301 juta bagi tahun 2010 manakala bagi bulan Januari hingga Mac 2011 pula adalah sebanyak RM2.589 juta. Dari segi pecahannya, sumbangan KDNK pekebun kecil bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM2,460 juta manakala dari sektor ladang pula adalah sebanyak RM9,841 juta. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2011, sumbangan dari pekebun kecil adalah sebanyak RM517.80 juta, manakala sektor ladang pula menyumbang sebanyak RM2,071.20 juta.

Secara keseluruhannya, setiap pekebun kecil yang terlibat dengan penanaman getah dan sawit menikmati peningkatan pendapatan sejak kenaikan harga bagi kedua-dua komoditi tersebut. Kesan dari peningkatan harga tersebut, pekebun kecil getah yang mempunyai keluasan penanaman getah sekurang-kurangnya 2.3 hektar mampu memperolehi purata pendapatan sebanyak RM 3,360 sebulan dalam tempoh Januari hingga Mac 2011 berbanding sebanyak RM1,827

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

sebulan dalam tempoh yang sama pada tahun 2010 dan RM450 sebulan pada tahun 2009.

Pada tahun 2010, sebanyak 27.79% pekebun kecil sawit yang mempunyai keluasan tanaman melebihi 4 hektar berupaya memperolehi pendapatan purata RM 4,358.00 sebulan hasil daripada kenaikan harga komoditi tersebut. Ini adalah kerana, saiz ekonomik bagi penanaman sawit adalah berkeluasan 4 hektar ke atas yang membolehkan pemiliknya memperoleh pendapatan yang menguntungkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN
DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
NO. 291

Dato' Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan secara perbandingan jumlah pelajar

lelaki dan wanita yang:-

- (a) memohon untuk masuk melalui Unit Pusat Universiti (UPU) dan yang diterima masuk secara sah ke semua IPTA dalam bidang sains, teknologi kejuruteraan di Malaysia; dan
- (b) yang gagal diterima masuk bagi tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pelajar yang memohon bagi Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf ke IPTA pada Sesi Akademik 2010/2011 adalah seramai 61,228 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 20,182 (33.0%) adalah lelaki dan 41,046 (67%) perempuan. Daripada 61,228 permohonan, hanya 49,234 calon yang layak iaitu mempunyai nilai PNGK 2.00 ke atas serta memenuhi Syarat Am permohonan kemasukan ke IPTA. Manakala, daripada 49,234 calon yang layak, seramai 40,506 (82.3%) calon yang berjaya ditawarkan tempat. Dari jumlah tersebut, seramai 14,277 orang (35.25%) terdiri

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

daripada lelaki dan 26,229 orang (64.75%) adalah

perempuan. Dasar yang digunakan pakai dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan menggunakan pakai 90% markah akademik dan 10% markah kurikulum tanpa mengambil kira gender, kaum dan agama.

Bilangan calon yang berjaya ditawarkan tempat dalam bidang Sains dan Matematik, Teknologi, serta Kejuruteraan di IPTA mengikut jantina adalah seperti berikut:

Statistik Calon Yana Beriaya Ditawarkan Tempat di IPTA Mengikut Bidang Bagi Sesi Akademik 2010/2011

BI L	BIDANG	JANTINA		JUMLAH
		LELAKI	PEREMPUAN	
1.	Sains (Termasuk Matematik)	3,414 (27.45%)	9,023 (72.55%)	12,437 (100%)
2.	Teknologi	2,073 (37.35%)	3,477 (62.65%)	5,550 (100%)
3.	Kejuruteraan	5,204 (58.74%)	3,656 (41.26%)	8,860 (100%)

- (b) Keputusan tawaran kemasukan ke IPTA dan jumlah ambilan sebenar bagi Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2011/2012 akan diumumkan pada minggu ketiga Julai **2011**.

NO. SOALANj^gj"

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG**

**LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
: BUKAN LISAN**

PERTANYAAN

**DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [
REMBAU]**

TARIKH BERSIDANG : 14 JUN 2011

SOALAN : 295

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Hospital Rembau akan dibina memandangkan ianya sudah diluluskan sebagai salah satu program di bawah *Rolling Plan* pertama bagi Rancangan Malaysia Ke-10. Malahan proses pecah tanah telah pun dibuat semasa Pilihanraya Umum 2008 yang lalu dan rakyat Rembau begitu menanti- nantikannya.

Tuan Yang Dipertua,
Hospital Rembau merupakan salah satu fasiliti kesihatan yang telah diluluskan dalam *first rolling plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 juga, kerajaan telah menetapkan pelaksanaan Pengurusan Nilai (*value management*) bagi projek-projek pembangunan bernilai RM 50 juta ke atas bagi memastikan projek tersebut memenuhi objektif dan fungsi yang disasarkan serta mencapai *value for money*. Hospital Rembau telah selesai menjalani proses Pengurusan Nilai dan Kementerian Kesihatan sedang menunggu kelulusan untuk kos dan skop projek daripada pihak Unit Perancangan Ekonomi sebelum projek dapat dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] SOALAN:

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat mengkaji semula Elaun Sara Hidup (COLA) yang diberikan kepada guru-guru di Semenanjung terutama yang mengajar di pedalaman tetapi tinggal di pinggir bandar atau bandar.
JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa persidangan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kedua Belas (MAPPA XII) 22 Mac 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kajian semula akan dibuat kepada Sistem Saraan Malaysia yang berkuatkuasa berteraskan Perkhidmatan Awam kejat untuk menjadikan penjawat awam lebih produktif, berinovasi, kreatif dan berprestasi tinggi. Kajian komprehensif ini adalah meliputi struktur gaji, elaun dan kemudahan semasa yang berkuat kuasa.

Dengan itu, pihak JPA akan menjalankan kajian tersebut yang akan menelusuri kepada struktur perkhidmatan, syarat-syarat perkhidmatan, struktur gaji, elaun (termasuk COLA) dan kemudahan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

[REMBAU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang meminda formula agihan tenaga pengajar dan kakitangan sokongan bagi sekolah-sekolah menengah memandangkan beban waktu mengajar guru yang tak seimbang antara sekolah terutama sekali yang ditanggung oleh guru-guru sekolah menengah harian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pewujudan gred-gred perjawatan dalam organisasi adalah berdasarkan kepada justifikasi beban tugas, kompleksiti serta kuasa dan kawalan (*power and control*) dalam bidang kerja serta penghususan masing-masing. Oleh itu gred-gred perjawatan yang diwujudkan adalah sama dan bergantung kepada faktor-faktor bebanan yang digunakan oleh semua Agensi Kerajaan termasuklah di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kelulusan sesuatu gred jawatan adalah dalam bidang kuasa Agensi

Pusat selepas kajian yang teliti dibuat. Justeru, kenaikan taraf gred perjawatan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa supaya sepadan dengan beban tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) bertujuan untuk mengkaji bebanan tugas yang ditanggung oleh guru. Hasil kajian tersebut, JKMIBTG telah mengenal pasti 14 faktor yang menyebabkan guru-guru

terbeban dan seterusnya telah mencadangkan 28 perakuan untuk menangani isu tersebut. Perakuan-perakuan yang dicadangkan melibatkan perancangan dan pelaksanaan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Kerja Pelaksana (JKPMIBTG) yang dianggotai oleh wakil Bahagian - bahagian di KPM juga telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi memastikan perakuan-perakuan tersebut dilaksanakan.

Satu kajian eksperimental sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja Pelaksana Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKPMIBTG) mulai Januari sehingga Disember2011 bagi melihat keberkesanan penambahan jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dalam mengurangkan beban tugas guru khususnya tugas-tugas perkeranian yang selama ini dilakukan oleh guru. Bagi tujuan tersebut, KPM telah pun membuat pengisian 100 jawatan tambahan PT (P/O) di 50 buah sekolah gred A yang mempunyai enrolmen murid melebihi 1,500 orang bagi tujuan kajian eksperimental tersebut. Dapatan kajian ini akan membantu KPM dalam menangani isu beban tugas guru.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARI PAD A	TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

SOALAN

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lokasi, model serta jumlah unit perumahan di bawah nilai RM220 ribu yang akan dimajukan melalui usahasama Kerajaan dan pihak swasta sebagaimana diumumkan oleh Kerajaan pada bulan Mei lalu.

JAWAPAN:

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan semua rakyat mampu memiliki rumah yang berkualiti, selesa dan mencukupi, terutamanya mereka di kawasan bandar dan pinggir bandar, Kerajaan akan melaksanakan Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA). Program ini bertujuan menyediakan perumahan kos sederhana kepada golongan berpendapatan sederhana iaitu mereka yang berpendapatan di antara RM2.500 hingga RM6.000 sebulan.

Program akan dilaksanakan melalui kaedah *public-private partnership* dengan sektor swasta sebagai pemaju manakala Kerajaan menyediakan *facilitation fund* dalam bentuk penyediaan tanah-tanah milik Kerajaan sebagai lokasi pemajuan serta sokongan kepada pemaju dalam memperoleh *green lane status* bagi mempermudah dan mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan atau agensi berkaitan. Pelaksanaan Program adalah berdasarkan kepada parameter tertentu yang telah ditetapkan seperti keluasan unit mestilah antara 800 hingga 1,400

kaki persegi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air dan harga jualan antara RM150,000 hingga RM300.000 seunit. Model pembangunan adalah pembangunan bercampur dengan pembinaan lot-lot komersil di kawasan pemajuan projek. Penjualan adalah secara *out-right sale* dengan pengagihan penjualan akan mengambil kira komposisi kaum.

PR1MA akan dilaksanakan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, fasa pertama PR1MA akan dilaksanakan di kawasan bandar dan pinggir bandar di sekitar Lembah Klang di mana permintaan untuk rumah-rumah kos sederhana ini dijangka tinggi dan melebihi penawaran. Lokasi pembinaan juga adalah berdekatan dengan laluan pengangkutan awam seperti LRT dan MRT bagi mengurangkan kos pengangkutan dan secara langsung dapat membantu golongan ini berjimat dan meningkatkan *disposable income* yang boleh digunakan bagi menampung keperluan asas yang lain. Program akan diperluas ke negeri atau kawasan lain berdasarkan kepada keperluan dan permintaan terhadap rumah mampu milik kos sederhana daripada golongan berpendapatan sederhana di kawasan yang berkenaan.

Sebanyak 20 tapak pemajuan projek telah dikenalpasti sebagai tapak-tapak yang berpotensi untuk dimajukan di bawah fasa pertama pelaksanaan PR1MA iaitu antara lain Projek Presint 11, Putrajaya; Bandar Tun Razak, Cheras; Cyberview, Cyberjaya; Putra Height, Petaling; Bandar Bukit Raja, Klang; Ara Damansara, Petaling; Seremban Sentral, Seremban; Elmina, Petaling; Lagong Mas, Petaling dan Sg Besi, Kuala Lumpur yang melibatkan pembinaan lebih kurang 42,000 unit flat dan kediaman bertanah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD A

YB. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

[REMBAU]

RUJUKAN

23 [PR-1242-T44567]

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke atas pemilik-pemilik lot kedai di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India yang banyak memajak atau menyewakan kedai mereka kepada warga asing.
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya Jabatan Pelesenan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai sebarang halangan kepada pemilik-pemilik premis untuk menyewa atau memajakkan premis mereka kepada bukan warganegara.

Berdasarkan syarat dan garis panduan permohonan lesen premis perniagaan, pemohon (**dalam hal ini PEMOHON BUKAN WARGANEGARA**) hanya perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- i) 1 Salinan Pendaftaran Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan

(Borang 9 & 49 ATAU Borang D beserta maklumat perniagaan dan pemilik);

- ii) 1 salinan passport pemohon;**
- iii) 1 visual iklan papan tanda berwarna dan bergambar lokasi pemasangan iklan (jika ingin memohon lesen iklan bersekali); dan**
- iv) 2 keping gambar luar premis dan 2 keping gambar dalam premis BERWARNA dan BERLAINAN SUDUT.**

Lesen hanya akan dikeluarkan setelah semua syarat teknikal dan garis panduan pelesenan dipatuhi dan secara umumnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak mempunyal sebarang halangan untuk memberikan lesen kepada bukan warganegara menjalankan perniagaan setelah semua syarat tersebut dipatuhi.

Namun begitu, pemantauan dan penguatkuasaan tetap dijalankan dari masa ke semasa. Bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Mei 2011 sebanyak Sembilan (9) notis kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan tiga (3) notis kompaun dikeluarkan kepada pemilik di sepanjang Jalan Masjid India di atas pelbagai kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (UUK) Tred Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 1986 pindaan 2000.

Pemilik premis akan dikenakan denda maksimum RM2,000.00 berdasarkan Undang-undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 1986 pindaan 2000 jika melanggar syarat lesen atau menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah dari Datuk Bandar Kuala Lumpur.

SOALAN
NO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**
JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI KESIHATAN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD A

TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

TARIKH

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan hospital swasta yang berdaftar dengan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) dan jumlah pelancong perubatan bagi tahun 2010 dan 2011 (sehingga Mei 2011) serta langkah Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong perubatan ke negara ini **Tuan Yang di-Pertua**,

Sebanyak 49 hospital/pusat perubatan dari seluruh negara telah berdaftar dengan *Malaysia Healthcare Travel Council* yang terlibat dalam mempromosi dan memasarkan pelancongan kesihatan Malaysia.

Pada tahun 2011 (sehingga Mac), jumlah pelancong kesihatan yang datang ke Malaysia untuk mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah seramai 112,951 orang dan jumlah pendapatan yang dijana daripadanya adalah sebanyak RM105,036,761. Dalam tahun 2010, jumlah pelancong kesihatan ke Malaysia adalah seramai 392,956 orang dan jumlah pendapatan yang dijana adalah sebanyak RM378,945,578.

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) telah merancang pelbagai inisiatif yang telah menunjukkan hasilnya dalam usaha mempromosikan pelancongan kesihatan Malaysia untuk memperluaskan pasarananya.

Salah satu pendekatan yang dilaksanakan adalah menganjurkan misi promosi dan mengadakan *health talk* oleh pakar perubatan di negara-negara berpotensi di samping menjalankan *networking* di antara hospital-hospital swasta negara kita dengan syarikat-

syarikat insurans dan fasilitator-fasilitator pelancongan kesihatan yang berperanan merujuk pelancong-pelancong kesihatan.

Lawatan Pengenalan (*Familiarisation Visit*) dianjurkan untuk media asing dan pihak-pihak berkepentingan bagi memperkenalkan pelancongan kesihatan yang disediakan di Malaysia. Kempen promosi juga dibuat melalui media massa antarabangsa untuk meningkatkan visibiliti Malaysia sebagai destinasi pelancong kesihatan yang terbilang.

Usaha juga diambil untuk membina persefakatan dan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di dalam negara dan di luar negara seperti kedutaan- kedutaan Malaysia di luar negara, lembaga-lembaga pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan, syarikat-syarikat pelancongan, multimedia, penerbitan dan juga hospital- hospital.

Selain daripada strategi promosi dan pemasaran, MHTC juga akan membantu menyelaras dalam aspek mempermudahkan pelancong-pelancong kesihatan masuk ke negara untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Cadangan pakej-pakej yang menarik akan juga disediakan untuk menarik pelancong kesihatan bukan sahaja untuk mendapatkan rawatan sahaja tetapi juga menawarkan peluang bagi mereka untuk rehat dan melancong ke tempat-tempat yang indah di negara kita sebelum atau selepas rawatan.

Hospital-hospital yang terlibat juga digalakkan untuk memperkembangkan perkhidmatan yang ditawarkan dan mendapatkan akreditasi untuk memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan terpelihara supaya pelancong-pelancong kesihatan lebih yakin untuk datang ke negara kita.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]

SOALAN

Tuan Haji Matulidi Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan jumlah kera atau "*monyet bandar*" di kawasan perbandaran, penempatan dan pertanian di seluruh negara dan nyatakan langkah Kerajaan bagi mengawal populasi serta wabak yang dibawa haiwan berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kajian *Non-detrimental Findings* (NDF) yang telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) pada 2007 mendapati bahawa anggaran populasi kera di Semenanjung Malaysia ialah sebanyak 740,000 ekor, iaitu:

- i. 260,000 ekor di kawasan perbandaran, pertanian dan penempatan manusia. Populasi kera ini dikenalpasti sebagai kumpulan kera yang sering menimbulkan masalah gangguan; dan

- ii. 480,000 ekor di kawasan pinggiran hutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengawal populasi dan mengatasi masalah gangguan kera, Jabatan PERHILITAN telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- i. Tindakan penakaian (*culling*)

Tindakan penakaian merupakan salah satu kaedah yang biasa diamalkan dalam pengurusan hidupan liar. Sebagai contoh, kaedah penakaian turut dilakukan di beberapa buah negara lain seperti penakaian spesies kera di Singapura, *Roe Deer* dan *Muntjac Deer* di United Kingdom, *Elk* di Amerika Syarikat, *Canadian seal* di Kanada dan *Grey Kangaroo* di Australia. Menerusi kaedah ini, populasi sesuatu spesies hidupan liar akan dihapuskan secara

terkawal bagi mengelakkan kelimpahan populasi spesies berkenaan yang boleh mendarangkan kemasuhan kepada habitat atau bagi mengatasi masalah gangguan yang ditimbulkan. Dua kaedah digunakan di bawah tindakan penakaian seperti berikut:

a) Tangkap hapus

Melalui kaedah ini, populasi kera konflik akan ditangkap dengan menggunakan perangkap. Kera-kera yang ditangkap kemudiannya dihapuskan secara *humane* dengan menyuntiknya dengan pelalian Ketamine sebelum dimatikan dengan suntikan Dorminal.

b) Tembak mati

Bagi populasi kera yang sukar memasuki perangkap, kera-kera tersebut akan dihapuskan dengan cara menembaknya menggunakan senapang patah atau rifel. Jabatan PERHILITAN juga menjalankan operasi bersepadu dengan pihak seperti Angkatan Relawan Rakyat (RELA) serta pemburu berlesen bagi menjalankan tindakan ini.

Sebanyak 7,916 ekor kera telah dihapuskan dalam tahun 2006, 11,055 ekor dalam tahun 2007, 29,644 ekor dalam tahun 2008, 28,348 ekor kera dalam tahun 2009 dan 57,033 ekor dalam tahun 2010. Jabatan PERHILITAN juga mensasarkan sekurang- kurangnya 67,000 ekor kera lagi akan dihapuskan dalam tahun 2011.

ii. Program pemandulan kera

Selain daripada operasi penakaian yang dijalankan, Jabatan PERHILITAN turut menjalankan program pemandulan kera. Program ini dijalankan di lokasi-lokasi tumpuan pelancong. Melalui program

ini, kadar pembiakan populasi kera di kawasan yang berkenaan akan dapat dikawal, di samping kepentingan tarikan pelancong akan dapat dikenalkan. Projek perintis telah dijalankan di Kuala Lumpur pada tahun lalu dan akan dikembangkan ke lima buah negeri iaitu, Kedah, Perak, Johor, Melaka dan Pahang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI
	JUSOH (DUNGUN)

TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah, kaedah dan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani kenaikan harga barang dan perkhidmatan berikutan kenaikan harga bahan api yang membebankan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu rakyat menangani isu kenaikan harga barang-barang keperluan harian, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan strategi iaitu :

- i. Mengawal harga barang-barang kawalan yang merupakan barang keperluan asas pengguna seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan

NO.SOALAN : 299

bahan api (petrol, diesel dan gas memasak);

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 pada 14 Oktober 2010 untuk membendung amalan pencatutan dalam kalangan peniaga. Undang-undang ini membolehkan Kerajaan mengambil tindakan ke atas peniaga yang mengambil keuntungan secara berlebihan bagi melindungi kepentingan pengguna;

Mengawal harga barang-barang perlu semasa musim perayaan supaya bekalan barang keperluan seperti telor, daging, ayam, bawang, dan sayur-sayuran adalah mencukupi dari segi pengeluarannya;

Mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan persatuan industri- industri berkaitan serta persatuan-persatuan peniaga bagi menerangkan isu kenaikan harga barang dan meminta supaya industri tidak menaikkan harga produk akhir mereka secara drastik;

Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga yang bertujuan memastikan harga barang keperluan di pasaran diturunkan dan barang tersebut dijual pada harga yang berpatutan; dan

Kementerian juga telah melaksanakan Projek Pengedaran Barang- Barang Perlu di seluruh negara yang bertujuan memastikan barang keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti tepung gandum, beras, dan minyak masak sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan.

NO SOALAN #02"

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi menggalakkan kerjasama antara Kerajaan Negeri khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pemaju perumahan untuk menjayakan projek membinamampu milikdi bawah Skim Rumah Pertama Ku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Rumah Pertamaku telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3.000 sebulan untuk memiiiki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiiiki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

2. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam

mendapat pembiayaan 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pembiayaan berkenaan. Selain itu, skim ini terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia di bawah umur 35 tahun yang pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Sungguhpun begitu, skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100.000 sehingga RM220,000 layak diberikan pembiayaan perumahan. Peminjam masih lagi perlu memenuhi kriteria asas yang telah ditetapkan oleh bank-bank yang menyertai skim ini. Keputusan muktamad pembiayaan adalah masih bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat.

4. Selain itu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenal pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. SPNB telah mengenal pasti 7 lokasi di Lembah Klang termasuk di Puchong, Damansara dan Putrajaya. Kerajaan sentiasa mengalau-alukan dan menggalakkan kerjasama antara Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak pemaju perumahan untuk membina lebih banyak rumah bagi memenuhi keperluan Skim Rumah Pertamaku. Pada masa yang sama juga, Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah. Antaranya ialah mengecualikan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

[DUNGUN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan guru tidak dibebankan kerja berlebihan seperti waktu mengajar dan lain-lain tugas termasuk kerja perkeranian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) bertujuan untuk mengkaji bebanan tugas yang ditanggung oleh guru. Hasil kajian tersebut, JKMIBTG telah mengenal pasti 14 faktor yang menyebabkan guru-guru terbeban dan seterusnya telah mencadangkan 28 perakuan untuk menangani isu tersebut. Perakuan-perakuan yang dicadangkan melibatkan perancangan dan pelaksanaan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Kerja Pelaksana (JKPMIBTG) yang dianggotai oleh wakil Bahagian-bahagian di KPM juga telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi memastikan perakuan-perakuan tersebut dilaksanakan.

Satu kajian eksperimental sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja Pelaksana Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKPMIBTG) mulai Januari sehingga Disember 2011 bagi melihat keberkesanan penambahan jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dalam mengurangkan beban tugas guru khususnya tugas-tugas perkeranian yang selama ini dilakukan oleh guru. Bagi tujuan tersebut, KPM telah pun membuat pengisian 100 jawatan tambahan PT (P/O) di 50 buah sekolah gred A yang mempunyai enrolmen murid melebihi 1,500 orang bagi tujuan kajian eksperimental tersebut. Dapatkan kajian ini akan membantu KPM dalam menangani isu beban tugas guru.

50 a
NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO¹ KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah dengan menghapuskan halangan (percukaian atau duti dan lain-lain) ke atas pemprosesan minyak untuk kegunaan domestik mampu menurunkan harga minyak dalam pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, halangan percukaian atau duti Kerajaan ke atas pemprosesan minyak bukanlah merupakan faktor yang mempengaruhi harga minyak dalam pasaran di negara ini. Ini kerana harga runcit minyak dalam pasaran negara ini adalah ditetapkan dan dikawal oleh Kerajaan melalui Mekanisme Harga Automatik (APM). Bagi tujuan kawalan harga tersebut, Kerajaan telah memberi pengecualian cukai dan membayar subsidi, di mana semua kos yang melebihi harga yang ditetapkan akan ditanggung oleh Kerajaan. Perubahan harga pasaran minyak dunia adalah merupakan faktor utama yang akan mempengaruhi penetapan harga minyak dalam pasaran melalui APM ini.

SOALAN NO: 300 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengapakah kadar kutipan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) hanya mencapai 25 peratus dan jumlah tunggakan sebanyak RM254.44 juta mengikut laporan Ketua Audit 2009, dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan kutipan itu dapat dilakukan sepenuhnya.

PR-1242-T44784

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Faktor-faktor yang menyebabkan prestasi kutipan bayaran balik pinjaman latihan kemahiran Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) hanya mencapai 25 peratus adalah seperti berikut;
 - a. Peminjam tidak bekerja tetap;
 - b. Gaji yang diperoleh tidak mencukupi;
 - c. Masih belum mendapat pekerjaan;

- d. Enggan menerima notis;
 - e. Peminjam dan penjamin-penjaminnya gagal dikesan (bertukar alamat, bertukar tempat kerja tanpa memaklumkan kepada PTPK, alamat tidak lengkap);
 - f. Notis tidak dituntut; dan
 - g. Kemampuan membayar balik oleh peminjam berumur melebihi 50 tahun.
2. PTPK sentiasa memastikan pungutan bayaran balik dapat dipungut dan pelbagai usaha telah diambil dengan lebih agresif. Oleh itu, aktiviti- aktiviti rutin yang diambil untuk mengutip bayaran balik pinjaman adalah seperti berikut:-
- a. Mengeluarkan Notis Tunggakan Bayaran Balik;
 - b. Mengeluarkan Notis Tindakan Undang-undang kepada peminjam yang ingkar;
 - c. Menyiarkan nama peminjam dalam akhbar tempatan;
 - d. Pengesanan maklumat peminjam dan penjamin agensi-agensi kerajaan, industri/majikan dan menghubungi peminjam melalui Call Centre PTPK;
 - e. Menyenaraikan peminjam ingkar ke Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Bank Negara Malaysia;
 - f. Notifikasi tunggakan melalui sistem pesanan ringkas (SMS);
 - g. Pembukaan kaunter kutipan bayaran balik di tempat-tempat tumpuan umum;
 - h. Penjadualan semula bayaran balik pinjaman;
 - i. Hapuskira pinjaman bagi kes peminjam meninggal dunia atau mengalami kecacatan kekal; dan
 - j. Penangguhan bayaran balik pinjaman atas sebab peminjam

melanjutkan pengajian.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Di samping itu, beberapa inisiatif telah dan akan diperkenalkan oleh PTPK untuk meningkatkan lagi kutipan bayaran balik pinjaman. inisiatif tersebut adalah seperti berikut:-

- a. Memperkasa Sistem *Call Canter*, PTPK;
- b. Mewujudkan Unit Hal Ehwal Pelatih (UHEP) bagi menyalurkan maklumat pekerjaan kepada peminjam/pelatih, mewujudkan direktori panel industri dan pengurusan alumni peminjam/pelatih;
- c. Mengambil tindakan undang-undang ke atas peminjam tegar;
- d. Cadangan untuk memperkenalkan pemberian rebat, diskauan dan pembayaran balik secara fleksi; dan
- e. Menambahkan saluran bayaran balik pinjaman melalui pembayaran di kaunter atau atas talian di pelbagai bank komersial tempatan.

N0:304

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN	DEWAN RAKYAT
DARIPADA	BUKAN JAWAB LISAN
SOALAN	DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
	304

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Lembaga Pelabuhan Klang untuk menjelaskan liabiliti jangka panjangnya yang berjumlah RM3.84 billion sehingga tahun 2009 dan antaranya RM3.25 billion perlu diperjelaskan dalam tempoh kurang 5 tahun dari sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah diberi pinjaman mudah oleh Kerajaan bermula daripada tahun 2007 sehingga 2017 dengan syiling RM4.6 bilion. LPK akan hanya mula membuat pembayaran pinjaman tersebut pada tahun 2011 hingga tahun 2037. Pinjaman tersebut adalah bertujuan untuk memenuhi obligasinya kepada 4 *special purpose vehicle* (SPV) ekoran pembangunan Port Klang Free Zone (PKFZ). Dalam hubungan ini, LPK telah mengambil beberapa langkah tertentu bagi maksud pembayaran balik pinjaman mudah tersebut termasuk memohon supaya terma dan syarat-syarat pinjaman mudah tersebut disemak semula. Dalam pada itu, cadangan masa hadapan PKFZ juga sedang diperhalusi oleh Kerajaan.

NO. SOALAN: 305

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARI PADA YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)

SOALAN

Datuk Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci status dan pencapaian Institute of Strategic and International Studies (ISIS) serta peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada ISIS sejak tahun 2001 hingga 2010.

JAWAPAN: YB DATO SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan ISIS Malaysia

Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia telah ditubuhkan pada 8hb April 1983 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan.

NO. SOALAN: 305

Objektif ISIS Malaysia

ISIS Malaysia ialah sebuah institusi penyelidikan yang ditubuhkan untuk menyelidik dan memberi pandangan kepada masyarakat umum dan kerajaan dalam bidang ekonomi, dasar luar dan kajian keselamatan dan teknologi, inovasi dan alam sekitar. Objektif ISIS Malaysia adalah seperti berikut:

- Menjalankan penyelidikan dan penganalisaan jangkamasa panjang mengenai dasar-dasar di bidang yang ditetapkan di peringkat nasional dan antarabangsa;
- Memberi sumbangan dalam perbincangan umum dan professional mengenai isu-isu penting negara dan antarabangsa melalui pengajuran seminar, persidangan serta aktiviti-aktiviti yang lain;
- Menyediakan saluran bagi individu, pakar dan penyelidik dari berbagai kepakaran dan bidang untuk bertukar fikiran dan pendapat serta menjalankan penyelidikan dalam suasana yang kondusif yang boleh menggalakkan pencetusan ide.
- Menyebarluaskan maklumat mengenai penemuan-penemuan penyelidikan dan aktiviti aktiviti yang dijalankan oleh ISIS Malaysia atau bagi pihak ISIS Malaysia;
- Menyediakan kemudahan perpustakaan yang perlu;
- Bekerjasama dengan organisasi lain di dalam dan luar Malaysia demi pencapaian matlamat dan objektif ISIS Malaysia;

305

Status dan Pencapaian Institute of Strategic and International Studies (ISIS)

NO. SOALAN: 305

Sepanjang tahun 2001 - 2010, ISIS Malaysia telah menjalankan pelbagai penyelidikan dan kegiatan. Antara aktiviti kajian dan penyelidikan utama adalah seperti berikut:

- a) Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik yang dijalankan setiap tahun di mana pada tahun 2011, persidangan kali ke 25 telah dijalankan. Persidangan ini telah diakui dan dikenali sebagai persidangan terulung di rantau Asia Pasifik bagi membincangkan dasar luar dan isu strategik geo-politik.
 - b) Kongres Asia Timur yang telah membincangkan dan mempopularkan cadangan Malaysia supaya rantau ini berintegrasi dengan lebih rapat lagi.
 - c) Menyediakan “The Knowledge Economy Master Plan” yang telah diterima oleh Kerajaan Malaysia sebagai input utama dalam pengubalan dasar ke arah ekonomi berpengetahuan.
 - d) Menjadi badan yang mewakili Malaysia di dalam “Network of East Asian Think-Tank” iaitu jaringan institusi penyelidikan utama yang ditubuhkan oleh Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN+3.
 - e) Menjadi peneraju dan sekretariat kepada “The National Brains Trust on Education” yang telah menyediakan laporan dan cadangan mengenai dasar dan isu penting bagi pendidikan negara. Banyak hasil laporan dan cadangan telah diterimapakai oleh Kerajaan.
 - f) Menjadi Sekretariat kepada “Council for Security Cooperation in the Asia Pacific” yang menyelidik isu-isu strategik untuk dijadikan input kepada “ASEAN Regional Forum”.
- 4. Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan kepada ISIS Malaysia bagi membiayai kos operasi dan baikpulih bangunan ISIS Malaysia sejak tahun 2001 hingga 2010 adalah sebanyak RM28.3 juta. Perinciannya adalah seperti berikut:**

No. SOALAN: 306

	Tarikh	Sumbangan Kerajaan	Jumlah RM
1	13.03.2002	Pembiayaan kos operasi - (tahun 2002-2006)	15,000,000.00
2	30.07.2004	Pembiayaan - baikpulih (renovations) bangunan ISIS	1,300,000.00
3	25.01.2007	Pembiayaan kos operasi - (tahun 2007)	3,000,000.00
4	15.05.2008	Pembiayaan kos operasi - (tahun 2008)	3,000,000.00
5	18.06.2009	Pembiayaan kos operasi - (tahun 2009)	3,000,000.00
6	25.02.2010	Pembiayaan kos operasi - (tahun 2010)	3,000,000.00
JUMLAH (TAHUN 2001 - 2010)			28,300,000.00

Secara purata, pembiayaan Kerajaan bagi kos operasi ISIS Malaysia adalah sebanyak RM3 juta setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci kadar anjakan upah seluruh sektor yang telah menerima pelaburan asing (FDI) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) menjelang akhir tahun 2011.

JAWAPAN:

Hasil daripada makmal NKEA yang dijalankan pada bulan Jun dan Julai tahun lepas, dianggarkan sebanyak 73% daripada jumlah keseluruhan pelaburan datang daripada dalam negara (*Domestic Direct Investment*) manakala selebihnya adalah Pelaburan Langsung Asing (FDI).

No. SOALAN: 306

Semenjak ETP dilancarkan pada 25 Oktober 2010, sebanyak 6 pengumuman telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri yang melibatkan sebanyak 87 initiatif di bawah 65 EPP. Daripada kesemua pengumuman tersebut, bidang yang paling tinggi menerima pelaburan adalah NKEA Oil and Gas iaitu hampir RM100 bilion pelaburan yang disahkan oleh sektor swasta sehingga 2020 (*confirmed investments*), manakala majoriti daripada pelaburan yang dikeluarkan untuk projek-projek ETP adalah pelaburan dalam negara atau Domestic Direct Investment (DDI). Daripada 87 projek yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri tersebut, sebanyak 16 projek dimiliki oleh Multinational Companies (MNC) dan syarikat luar negara. Daripada itu, paling tinggi adalah penyertaan daripada syarikat MNC Amerika Syarikat iaitu sejumlah 5 projek. Di mana antara syarikat-syarikat tersebut adalah General Electrics, Cisco, Exxonmobil dan AMD. Kesemuanya adalah syarikat- syarikat ternama di dunia.


Matlamat utama ETP ini adalah untuk membantu Malaysia mencapai status Negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu ternyata bahawa ianya adalah satu program atau hala tuju jangka masa panjang yang akan menampakkan hasilnya sepenuhnya dalam 9 tahun yang akan datang, termasuklah kadar anjakan upah yang dapat dinikmati oleh rakyat di Negara ini.

Walaubagaimanapun, dapat dilihat hasil daripada makmal NKEA yang telah dijalankan daripada bulan Jun hingga Julai 2010 tersebut, 3.3 juta pekerjaan akan diwujudkan hasil daripada ETP ini sehingga tahun 2020. Ianya terdiri daripada:

- 100,000 (atau 4%) pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1,000 dihasilkan
- 1.1 juta (atau 33%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000 dihasilkan
- 900,000 (atau 27%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM2,000 hingga RM4,000 dihasilkan
- 700,000 (atau 21%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM4,000 hingga RM7,000 dihasilkan
- 300,000 (atau 10%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM7,000 hingga RM10,000 dihasilkan
- 200,000 (atau 5%) pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 dihasilkan

NKEA will create 3 Jm jobs most of which will be medium-income? or high-income jobs

: 2@2® Addlilmal LaMur Requirements bf Salary Bracket Million jobs



Selanjutnya, perkara tersebut akan menyebabkan peningkatan keseluruhan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah ke berpendapatan pertengahan (*medium income*), dan daripada berpendapatan pertengahan ke berpendapatan tinggi (*high income*).

- 2.9 juta orang pada 2009, kepada 2.3 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1,000 (penurunan sebanyak 600,000 orang)
- 3.7 juta orang pada 2009, kepada 4.7 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM1,000 hingga RM2.000 (peningkatan sebanyak 1 juta orang)
- 3.3 juta orang pada 2009, kepada 4.6 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM2,000 hingga RM4.000 (peningkatan sebanyak 1.3 juta orang)
- 1.3 juta orang pada 2009, kepada 2.8 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM4,000 hingga RM7.000 (peningkatan sebanyak 1.6 juta orang)
- 300,000 orang pada 2009, kepada 1.2 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM7,000 hingga RM10,000 (peningkatan sebanyak 800,000 orang)
- 200,000 orang pada 2009, kepada 600,000 orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 (peningkatan sebanyak 400,000 orang)

Dengan itu, kita seharusnya melihat bahawa buah atau hasil daripada program ETP ini dapat dipetik pada jangka masa panjang, dan sekiranya semua pihak termasuk sektor swasta bersama-sama terlibat secara aktif dalam initiatif-initiatif kerajaan tersebut, dan sekaligus membantu melonjakkan kadar upah yang dapat dinikmati oleh masyarakat Negara terutama sekali di bawah 12 sektor NKEA yang telah tersenarai di dalam ETP.

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jadual rangka masa Kerajaan bagi menetapkan akta gaji minimum dan adakah benar Kerajaan Barisan Nasional tidak mementingkan kebijakan golongan pekerja memandangkan polisi gaji minimum masih belum ditetapkan setelah sekian lama dibangkitkan oleh semua pihak.

PR-1242-T43527

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

1. Kerajaan sememangnya komited dan serius untuk melaksanakan polisi gaji minimum. Sebagaimana Ahli Y.B. Batu Kawan sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan perkara ini semasa pembentangan bajet 2011 pada 15 Oktober 2010 dan proses bagi penggubalan rang undang-undang telahpun berjalan dengan lancar sejak 8 bulan yang lepas.

2. Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (RUU MPGN) telah dibentangkan di Mesyuarat Kedua, Penggal Ke Empat, Parlimen Kedua Belas, pada 21 Jun 2011. Setelah RUU MPGN ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Majlis Perundingan Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah termasuk menentukan kadar gaji minimum dan mekanisme pelaksanaannya.
3. Majlis Perundingan Gaji Negara akan berperanan membuat perakuan / syor gaji minimum dan seterusnya akan mengangkat syor tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Dalam hal ini, polisi gaji minimum boleh dilaksanakan setelah semua proses dan persediaan diselesaikan, yang dijadualkan penghujung tahun ini.
4. Berhubung dengan kadar gaji minimum, buat masa ini ia masih diperhalusi dari pelbagai aspek seperti inflasi, produktiviti, kadar pengangguran, pertumbuhan KDNK dan sebagainya. KSM telah melantik Bank Dunia untuk menjalankan satu kajian mengenai gaji minimum dan dijangka Kementerian menerima laporan Bank Dunia pada akhir bulan Julai 2011.

<&R(13-28Jun2011)has_31.5.11/3tenas<myT43S27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN**

**BUKAN JAWAB LISAN
DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
NO.308**

Dr. Ramasamy A/L Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah tujuan sebenar Kementerian untuk membekukan penubuhan Institusi Perubatan baru dan adakah jumlah pelajar perubatan sekarang telah pun terlebih sasar atau pun berada di tahap kualiti yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan moratorium ke atas penawaran kursus baharu bidang perubatan di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara bermula pada 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016. Dalam tempoh tersebut, semua IPT tidak akan dibenarkan untuk menawarkan kursus baharu bidang perubatan. Keputusan ini diambil berdasarkan kepada beberapa kajian dan pandangan daripada para pemegang taruh (*stakeholders*) mengenai fenomena perkembangan modal insan dalam bidang perubatan. Sasaran telah diletakkan iaitu pada tahun 2020 Malaysia perlu mencapai taraf negara maju dengan nisbah seorang pegawai perubatan kepada 400 penduduk (1:400).

Bilangan graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPT tempatan buat masa ini berada pada kadar yang ideal dan menyokong sasaran

yang

telah ditetapkan dan graduan yang terhasil adalah berkualiti. Kementerian sentiasa komited di dalam memastikan graduan yang dihasilkan oleh IPT tempatan berkualiti melalui penawaran kurikulum yang terbaik. Sebenarnya semua program perubatan dalam negara perlu mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Medical Council (MMC)* dan *Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)* yang bertanggungjawab di dalam pemberian akreditasi kurikulum perubatan. Penilaian akreditasi berkenaan akan turut meneliti sama ada kurikulum yang diguna pakai menepati ciri-ciri *integration* serta penggunaan *Problem Based Learning (PBL)*. Kurikulum berciri integrasi merupakan kurikulum yang diperkenal dan diguna pakai oleh beberapa universiti antarabangsa seperti McMaster di Kanada, Nottingham di England dan New Castle di Australia. Walau bagaimanapun, jika pengawalan dan pemantauan tidak dilakukan ke atas IPT yang terlibat, dikhuatiri akan menjelaskan kualiti graduan perubatan yang terhasil. Pelaksanaan moratorium merupakan salah satu pendekatan untuk mengawal dan mengekalkan kualiti bidang perubatan negara.

Berdasarkan kepada kadar pengeluaran graduan perubatan dari IPT sedia ada, negara akan berupaya mencapai sasaran 1:400 tersebut secara berperingkat tanpa perlu penambahan kursus perubatan baharu. Apa yang lebih penting adalah satu bentuk kawalan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan bilangan graduan perubatan yang dihasilkan ini dapat menjalani latihan siswazah supaya mereka dapat menjadi seorang doktor yang kompeten dan selamat untuk mengamal.

Sehingga 31 Januari 2011, terdapat sebanyak 33 buah IPT yang

menawarkan kursus pengajian Perubatan peringkat sarjana muda. namun jumlah keseluruhan kursus perubatan adalah 47. Ini kerana terdapat IPT yang menawarkan lebih daripada satu (1) program. Sebagai contoh; kursus berkembar yang ditawarkan oleh Royal Perak Medical College dengan Universiti Sheffield dan juga Universiti Malaya,

Pelaksanaan moratorium bagi penawaran kursus baharu perubatan di IPT telah dilaksanakan berdasarkan kepada justifikasi-justifikasi seperti berikut:

- i. peningkatan ketara bilangan graduan perubatan yang dikeluarkan oleh IPT;
- ii. kompetensi pegawai perubatan siswazah (*housemanship*);
- iii. tenaga pengajar; dan
- iv. Hospital Pengajar (*Teaching Hospital*)

Pada masa ini, IPT yang menawarkan kursus perubatan mempunyai kesukaran untuk mendapatkan tenaga pengajar yang berkualiti dari segi kelayakan akademik dan berpengalaman dalam bidang perubatan. Bagi menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pengajar tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman serta dapat bertugas secara sepenuh masa, beberapa IPT terpaksa mengambil tenaga pengajar yang kurang berpengalaman dalam bidang perubatan daripada negara-negara lain seperti dari Myanmar, India, Pakistan, Bangladesh dan lain-lain. Pelantikan tenaga pengajar luar ini menimbulkan pelbagai masalah antaranya masalah komunikasi dengan pelajar dan juga pesakit. Selain itu, pensyarah luar negara juga rata-rata adalah lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang seterusnya memberi kesan

terhadap tahap kefahaman pelajar.

Salah satu syarat utama bagi IPT mengendalikan kursus perubatan adalah keperluan Hospital Pengajar. Pada masa ini, IPT mendapat kerjasama padu dari KKM untuk menggunakan kemudahan hospital dan klinik kesihatan KKM bagi tujuan latihan klinikal pelajar perubatan. Walaupun hospital KKM masih lagi mampu menerima pelajar perubatan untuk latihan klinikal, penambahan bilangan pelajar atau bilangan IPT melebihi 33 buah dikhuatiri akan menyebabkan kesesakan di wad-wad hospital yang boleh menimbulkan ketidakselesaan kepada pesakit yang secara tidak langsung boleh menjaskam kualiti latihan dan rawatan kepada pesakit. Secara tidak langsung, sepanjang tempoh moratorium dikenakan, pemantapan latihan klinikal di semua fasiliti KKM dapat dilakukan.

SOALAN NO:309

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]**

SOALAN

DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk menyiasat Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Haji Abdul Taib

Mahmud yang didakwa memiliki harta berjumlah berbillion ringgit yang diperolehi melalui amalan rasuah dan sumber-sumber yang tidak sah.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam tindakan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam persoalan yang ditimbulkan ini, SPMR adalah tertakluk kepada Seksyen 29 (4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 310

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN SIM TONG HIM

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang bantuan Kementerian kepada ibu tunggal melalui program “*Work at home*”

- (a) nyatakan jenis perniagaan dan perkhidmatan yang digalakkan oleh Kementerian untuk ibu tunggal menjalankannya dalam rumah kediaman mereka ; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian dapat membantu ibu tunggal ini untuk dapat lesen perniagaan dari KPT.

PR-1242-T44457

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah mengadakan program “*Home Working*” bagi membantu golongan ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), suri rumah dan keluarga miskin bagi mendapatkan pendapatan tambahan melalui peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak syarikat.

2. “*Home Working*” merujuk kepada ***“kerja-kerja yang ditawarkan oleh syarikat sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga, yang dijalankan secara individu atau kumpulan di premis yang tertentu yang digunakan untuk menjalankan operasi pekerjaan.”***

3. Kementerian memperkenalkan program ini bertujuan untuk membantu golongan tersebut mendapat pekerjaan dan seterusnya menjana pendapatan memandangkan adalah sukar bagi mereka untuk keluar berkerja secara formal kerana halangan-halangan tertentu seperti menguruskan rumah tangga dan juga pergerakan yang terbatas.

4. Pihak jabatan menggalakkan penyertaan syarikat untuk menawarkan atau "outsource" kerja yang bersesuaian bagi dijalankan di rumah kediaman peserta ataupun mana-mana premis yang bersesuaian. Pihak jabatan tidak mengkhususkan untuk sesuatu pekerjaan sahaja. Sehingga kini terdapat 177 syarikat / perusahaan yang terlibat dengan tawaran pekerjaan seperti di jadual di bawah.

BI L	NEGERI	JENIS PERUSAHAAN										JUMLAH
		Makanan	Pembuatan	Pembungkusan	Pemasangan	Pakaian	Elektronik	Butik	Perkhidmatan	Percetakan	Pertanian	
1	PERLIS		1									1
2	KEDAH	1	10	5		7		1				24
3	P.PINANG	5				4			1			10
4	PERAK	5	6	1	1	3	1					17
5	K. LUMPUR			1		2		2				5
6	SELANGOR	10	2			6	4			4	1	27
7	N. SEMBILAN	1				4			1		1	7
8	PAHANG	13				4						17
9	MELAKA		2			5					1	8
10	JOHOR	4	14	2	2	9	3					34
11	KELANTAN					3						3
12	TERENGGANU	12	1	1		7		3				24
	JUMLAH	51	36	10	3	54	8	6	2	4	2	177

5. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, mana-mana ibutunggal yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan dan perkhidmatan di kediaman mereka, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPCT) telah mengeluarkan buku panduan pejabat / rumah. Ia telah menggariskan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan untuk pengecualian permit dan memerlukan permit serta aktiviti yang tidak dibenarkan.

6. Jenis aktiviti yang dibenarkan untuk pengecualian permit:

- a. Perkhidmatan kewangan seperti menyimpan buku kira-kira, mengaudit, cukai pendapatan dan pelaburan
- b. Perkhidmatan setiausaha syarikat
- c. Pengurusan dan penjualan hartanah
- d. Penterjemahan
- e. Penulisan
- f. Mencipta dan menjalankan pengurusan kandungan laman web serta perkhidmatan ICT dan *e-commerce*
- g. Perunding latihan
- h. Rekabentuk grafik dan melukis pelan
- i. Perkhidmatan insurans
- j. Perkhidmatan penyediaan wasiat
- k. Perkhidmatan *event manager*/perhubungan awam (PR) / pengiklanan / pemasaran
- l. Perkhidmatan jahitan secara kecil-kecilan

7. Sekiranya menjalankan aktiviti seperti di atas ingin memohon permit, mereka bolehlah berbuat demikian dengan mengemukakan permohonan kepada PBT. Jenis-jenis aktiviti yang dibenarkan dan memerlukan permit:

- a. Tuisyen dan latihan kemahiran ;
- b. Perkhidmatan rawatan/salun kecantikan ;
- c. Perkhidmatan urut dan refleksologi;

- d. Penyediaan produk-produk makanan dan minuman secara kecil-kecilan tanpa melibatkan mesin-mesin berat; dan
- e. Lain-lain aktiviti yang tidak menimbulkan masalah gangguan .

Jenis-jenis aktiviti yang tidak dibenarkan;

- a. Catering/restoran ;
- b. Agensi pekerjaan ;
- c. Sekolah muzik;
- d. Perniagaan kenderaan ; dan
- e. Lain-lain aktiviti yang boleh menimbulkan masalah gangguan.

(D<R{13-28Jun2011)/has. ..31.5.1 I/Smi^cTongHvm^cT44457

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)

TARIKH 13 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan institusi dan pusat bantuan OKU di seluruh negara

SOALAN NO. 311

- (a) nyatakan jenis latihan kecacatan dapat diberikan oleh institusi dan pusat ini dan
(b) setakat ini berapakah bilangan peserta dapat menjalani latihan ini dan sila nyatakan jenis kecacatan yang dapat dikategorikan sebagai seorang OKU.

JAWAPAN

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan 11 buah institusi Orang Kurang Upaya yang memberikan perkhidmatan jagaan, pemulihan, latihan serta

peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7 buah adalah Taman Sinar Harapan, 2 buah Bengkel Daya/Terlindung, sebuah Pusat Harian di Bukit Tunku dan sebuah Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihhan di Bangi.

Jenis-jenis latihan yang dijalankan di institusi-institusi ini adalah Kursus Vokasional seperti elektrikal dan elektronik, Kursus Pra-Vokasional seperti komputer dan jahitan, kemahiran pekerjaan seperti bakeri dan dobi, dan rawatan pemulihhan bagi membantu mereka mengembalikan keupayaan atau kebolehan untuk hidup selesa dan berdikari dalam masyarakat.

Pada masa ini terdapat seramai 927 orang OKU yang sedang menjalani latihan di 11 buah institusi yang disebutkan di atas. Pecahannya adalah seperti berikut:

BIL	NAMA INSTITUSI	BILANGAN PELATIH
	Taman Sinar Harapan (TSH)	
1	- TSH Cheras, Selangor	38
2	- TSH Kuala Kubu Baru, Selangor	219
3	- TSH Tuanku Ampuan Najihah, N.Sembilan	76
4	- TSH Tampoi, Johor	134
5	- TSH Jubli, Johor	163
6	- TSH Jitra, Kedah	53
7	- TSH Bukit Besar, Terengganu	59
8	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan	94
	Bangi	
	Bengkel Daya/Terlindung	
9	- Bengkel Daya Sungai Petani	28
10	- Bengkel Daya Kelang	49
11	Pusat Harian Bukit Tunku	14
	Jumlah	927

Terdapat 7 kategori OKU yang diperakukan di negara ini iaitu;

1. Kurang Upaya Penglihatan

Kurang upaya penglihatan adalah individu yang tidak dapat melihat atau

mengalami penglihatan terhad sama ada di sebelah atau di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.

2. Kurang Upaya Pendengaran

Kurang upaya pendengaran bermaksud tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.

3. Kurang Upaya Pertuturan

Kurang upaya pertuturan bermaksud individu yang mengalami masalah pertuturan tetapi boleh mendengar.

4. Kurang Upaya Fizikal

Kurang upaya fizikal bermakna seseorang yang mengalami ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan fungsi atau tidak mempunyai satu anggota di mana-mana bahagian anggota badan termasuklah keadaan anggota yang tidak sempurna yang mana keadaan ini akan menjelaskan keupayaannya.

5. Masalah Pembelajaran

Masalah pembelajaran adalah satu keadaan di mana seseorang itu menghadapi masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Mereka yang tergolong dalam kategori ini ialah lembam, sindrom down, kurang upaya intelektual, autisme, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), masalah pembelajaran spesifik (*dyslexia*, *dyscalculia*, *dygraphia*) dan lewat perkembangan global (*global developmental delay*).

6. Kurang Upaya Mental

Kurang upaya mental dalam kategori ini bermaksud seseorang yang menghadapi penyakit mental yang teruk yang telah menjalani rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya 2 tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat walaupun setelah menjalani rawatan psikiatri.

7. Kurang Upaya Pelbagai (*Multiple Disabilities*)

Kurang upaya pelbagai bermaksud individu yang mengalami lebih daripada satu jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan di bawah mana-mana lima (5) kategori lain yang sedia ada.

NO SOALAN :312

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA: Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**
PERTANYAAN ; BERTULIS

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :

- a) jawatan-jawatan tertinggi badan berkanun dan agensi Kerajaan Persekutuan yang dipegang oleh bekas Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara; dan
- b) berikan nama pertubuhan, jawatan mereka dan gaji pokok dan elaun bulan mereka.

JAWAPAN

Adalah dimaklumkan bahawa pelantikain ahli lembaga pengarah bagi badan»badan berkanun/ agensi Kerajaan di kalangan bekas Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah di luar bidang tugas Kementerian Kewangan. Pelantikan Pengurus, Timbalan Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun / Agensi Kerajaan, diluluskan oleh Menteri bagi badan berkanun / agensi berkenaan berdasarkan akta tubuh masing-masing.

Pembayaran elaun bagi Pengurus, Timbalan Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun telah ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 1994.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

SOALAN:

TUAN SIM TONG HIM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemilih setiap kawasan DUN di negeri Melaka:

- (a) perbezaan jumlah pemilih dari Disember 2008 dengan Disember 2010 mengikut setiap kaum; dan
- (b) masih terdapat beberapa orang rakyat Melaka yang cukup umur tetapi masih tidak daftar sebagai pemilih dan adakah SPR bercadang menambah kawasan Parlimen dan DUN di Melaka.

JAWAPAN:

**YB DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih berdaftar bagi setiap Bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Melaka seperti mana pada Daftar Pemilih Terkini Sehingga Suku Tahun Pertama Tahun 2011 adalah seperti pada Jadual 1.

^3
SOALAN NO.pff

Jadual 1

Bil.	Bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri	Jumlah Pemilih
1.	N.01 Kuala Linggi	9,377
2.	N.02 Tanjung Bidara	8,104
3.	N.03 Ayer Limau	9,136
4.	N.04 Lendu	8,406
5.	N.05 Taboh Naning	7,610
6.	N.06 Rembia	12,005
7.	N.07 Gadek	11,227
8.	N.08 Machap	11,019
9.	N.09 Durian Tunggal	9,847
10.	N.10 Asahan	13,818
11.	N.11 Sungai Udang	18,144
12.	N.12 Pantai Kundor	12,425
13.	N.13 Paya Rumput	19,836
14.	N.14 Kelebang	17,828
15.	N.15 Bachang	25,318
16.	N.16 Ayer Keroh	29,512
17.	N.17 Bukit Baru	18,170
18.	N.18 Ayer Molek	13,689
19.	N.19 Kesidang	17,146
20.	N.20 Kota Laksamana	19,424

50
SOALAN NO.pS'

Bil.	Bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri	Jumlah Pemilih
21.	N.21 Duyong	16,895
22.	N.22 Bandar Hilir	18,898
23.	N.23 Telok Mas	16,480
24.	N.24 Bemban	14,849
25.	N.25 Rim	9,664
26.	N.26 Serkam	14,554
27.	N.27 Merlimau	11,615
28.	N.28 Sungai Rambai	9,728
JUMLAH KESELURUHAN NEGERI MELAKA		404,724

- (a) Jumlah penambahan/pengurangan pemilih bagi setiap Bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Melaka, mengikut pecahan kaum, sejak tahun 2008 sehingga tempoh Suku Tahun Pertama Tahun 2011 yang berakhir pada 31 Mac 2011, adalah seperti pada Lampiran 1; dan
- (b) Mengenai warganegara Malaysia, khususnya rakyat Melaka yang telah berkelayakan tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sebenarnya sentiasa berusaha untuk menggalakkan pendaftaran pemilih di kalangan mereka ini melalui urusan pendaftaran pemilih yang dibuat

SOALAN NO.\$M

sepanjang tahun. SPR kini menyediakan pelbagai saluran pendaftaran untuk memudahkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih, menyemak maklumat pendaftaran mereka dan memaklumkan SPR berhubung maklumat kematian pemilih. Permohonan pendaftaran baru dan pendaftaran tukar alamat pusat mengundi boleh dibuat di kaunter statik SPR di Ibu Pejabat SPR dan di semua Pejabat Pilihan Raya Negeri, di 702 kaunter pejabat pos di seluruh negara, melalui lebih 9,400 orang Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik daripada wakil pelbagai parti politik, wakil di jabatan-jabatan kerajaan, wakil pelbagai pertubuhan bukan kerajaan dan wakil di universiti tempatan, kolej universiti dan kolej-kolej. SPR juga sering mengadakan Program-Program *Outreach* yang dilaksanakan oleh Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) di tempat-tempat tumpuan orang ramai. Untuk makluman Ahli Yang BerhORMAT yang selanjutnya, SPR sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan urusan kajian semula persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Negeri- Negeri Tanah Melayu dan Negeri Sabah termasuklah Negeri Melaka. Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan laporan

SOALAN NO.318

awal urusan kajian semula persempadan.

SPR masih tidak dapat memastikan lagi bahagian-Bahagian Pilihan Raya yang terlibat dengan pertambahan Bahagian Parlimen atau DUN kerana urusan kajian semula persempadan masih di peringkat persiapan awal. Walau bagaimanapun, SPR akan menyiaran syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya dalam Warta dan juga dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang diedarkan dalam Bahagian Pilihan Raya itu apabila SPR memutuskan untuk memulakan kajian semula. Mengikut peruntukan Seksyen 4, Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan, jika SPR telah memutuskan untuk membuat syor di bawah Fasal (2) Perkara 131 berhubung dengan mana-mana Bahagian Pilihan Raya, SPR akan memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri. SPR seterusnya menyiaran dalam Warta dan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang diedarkan dalam Bahagian Pilihan Raya itu suatu notis yang menyatakan antara lain kesan syor SPR tersebut dan representasi mengenai syor tersebut boleh dibuat kepada SPR dalam tempoh satu bulan selepas penyiaran notis itu

Sekian, terima kasih.

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

JUMLAH PERTAMBAHAN PENGUNDI BIASA DAN PENGUNDI POS BAHAGIAN-BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BAGI NEGERI MELAKA

BAHAGIAN PILIHAN RAYA / DEWAN UNDANGAN NEGERI	JUMLAH PERTAMBAHAN PENGUNDI BIASA DAN PENGUNDI POS BAHAGIAN-BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BAGI NEGERI MELAKA										PERBEZAAN (TAMBANGURANG)										PERBEZAAN (TAMBANGURANG)				
	JUMLAH PERTAMBAHAN PENGUNDI BIASA DAN PENGUNDI POS BAHAGIAN-BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BAGI NEGERI MELAKA					JUMLAH PERTAMBAHAN PENGUNDI BIASA DAN PENGUNDI POS BAHAGIAN-BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BAGI NEGERI MELAKA					PERBEZAAN (TAMBANGURANG)					PERBEZAAN (TAMBANGURANG)					PERBEZAAN (TAMBANGURANG)				
	MELAYU	CINA	INDIA	BIPA SABAH	BIPA SARAWAK	ORANG ASLI	LAIN LAIN	JUMLAH KESELURUHAN	MELAYU	CINA	INDIA	BIPA SABAH	BIPA SARAWAK	ORANG ASLI	LAIN LAIN	JUMLAH KESELURUHAN	MELAYU	CINA	INDIA	BIPA SABAH	BIPA SARAWAK	ORANG ASLI	LAIN LAIN	JUMLAH KESELURUHAN	
N.01 KUALA LINGGI	6,166	2,403	166	1	5	1	133	8,679	6,581	2,484	174	3	5	1	129	9,377	413	81	6	2	0	0	-4	498	
N.02 TANJUNG BIDARA	7,118	395	114	4	5	0	4	7,640	7,559	395	137	5	4	0	4	8,104	441	0	23	1	-1	0	0	484	
N.03 AYER LIMAU	7,753	459	483	3	7	0	7	8,712	8,147	465	503	3	8	0	10	9,136	394	6	20	0	1	0	3	424	
N.04 LENDU	5,845	1,579	448	15	41	0	20	7,348	6,265	1,589	465	23	48	0	16	8,498	420	10	17	8	7	0	-4	458	
N.05 TABOH NANING	5,681	1,075	434	3	4	94	8	7,299	5,945	1,086	455	3	4	109	5	7,610	264	11	21	0	0	15	0	311	
N.06 REMBIA	6,807	2,517	1,597	4	15	0	25	10,865	7,430	2,774	1,758	8	0	24	12,005	623	257	159	4	-2	0	-1	1,040		
N.07 GADEK	5,880	3,399	1,372	0	7	11	20	10,689	6,262	3,420	1,504	2	7	12	20	11,227	382	21	132	2	0	1	0	538	
N.08 MACHAP	3,952	4,728	1,555	4	2	95	17	10,353	4,260	4,966	1,861	7	3	109	13	11,019	308	238	106	3	1	14	-4	686	
N.09 DURIAN TUNGGAL	6,083	2,081	793	6	5	1	5	8,984	6,539	2,409	880	6	8	2	5	9,847	456	318	87	0	1	1	0	863	
N.10 ASAHAH	7,834	3,615	1,545	4	8	77	18	13,101	8,257	3,756	1,673	7	8	99	18	13,815	423	141	128	3	0	22	0	717	
N.11 SUNGAI UDANG	12,472	852	252	484	910	118	174	15,260	14,666	987	262	665	1,232	106	186	18,144	2,184	135	10	181	382	-10	-8	2,884	
N.12 PANTAI KUNDOR	8,560	2,019	107	76	26	1	74	11,853	10,118	2,016	117	77	27	1	69	12,425	568	-3	10	1	1	0	-5	572	
N.13 PAYA RUMPUT	9,405	5,998	1,363	11	17	3	97	16,894	10,879	7,297	1,519	20	20	2	98	19,836	1,474	1,299	156	9	3	-1	2	2,942	
N.14 KELEBANG	9,276	6,441	419	21	25	1	71	16,254	10,407	5,865	427	29	33	2	65	17,828	1,131	424	8	8	8	1	-6	1,574	
N.15 BACHANG	11,236	10,813	1,148	36	21	1	112	23,368	11,894	11,987	1,160	43	20	1	113	25,318	758	1,184	1	7	-1	0	1	1,950	
N.16 AYER KEROH	8,617	14,225	2,081	33	31	2	161	25,130	9,946	17,017	2,296	41	35	2	175	29,512	1,328	2,792	235	8	4	0	14	4,382	
N.17 BUKIT BARU	9,402	5,792	724	16	25	0	88	18,047	10,610	6,591	824	19	29	0	97	18,170	1,208	799	100	3	4	0	9	2,123	
N.18 AYER MOLEK	10,538	1,172	530	6	4	0	36	12,288	11,843	1,239	560	8	5	0	34	13,889	1,395	87	30	2	1	0	-2	1,403	
N.19 KESIDANG	5,251	10,887	436	7	10	1	84	16,478	5,801	10,997	441	14	11	2	80	17,146	350	310	5	7	1	1	-4	670	
N.20 KOTA LAKSAMANA	2,328	15,828	652	11	4	0	52	18,873	2,472	16,212	665	16	4	0	55	19,424	144	386	13	5	0	0	3	561	
N.21 DUYONG	7,428	7,335	796	7	14	0	56	15,626	8,262	7,723	837	9	11	0	53	18,895	824	398	51	2	-3	0	-3	1,269	
N.22 BANDAR HILIR	2,136	14,584	885	15	19	2	975	18,729	2,175	14,722	994	17	23	2	985	18,888	39	128	9	2	4	0	-13	169	
N.23 TELOK MAS	10,684	4,080	307	4	12	0	68	15,135	11,716	4,357	318	6	14	0	68	16,480	1,052	277	11	2	2	0	1	1,345	
N.24 GEMBAN	7,912	3,525	2,123	6	12	31	20	13,629	8,604	3,825	2,342	9	12	41	16	14,849	692	300	219	3	0	10	-4	1,220	
N.25 RIM	5,243	2,437	1,497	2	0	49	18	9,246	5,499	2,559	1,532	5	0	54	15	9,664	256	122	35	3	0	5	-3	418	
N.26 SERKAM	12,043	1,052	482	8	13	2	29	13,629	12,885	1,100	537	10	11	2	29	14,554	822	48	55	2	-2	0	0	925	
N.27 MERLIMAU	8,657	2,228	1,509	7	12	1	17	10,431	7,509	2,460	1,605	10	14	1	16	11,815	852	232	96	3	2	0	-1	1,184	
N.28 SUNGAI RAMBAI	7,390	1,498	272	4	3	0	6	9,173	7,844	1,595	275	4	3	0	6	9,728	454	98	3	0	0	0	0	555	
JUMLAH	10,658	13,855	14,163	736	1,257	480	2,306	372,809	230,255	17,504	25,006	1,092	1,670	548	2,369	404,724	19,486	10,069	1,748	271	413	59	-29	32,115	

NO SOALAN : 314
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kedudukan dan keistimewaan tentera British berwarga Malaysia

- (a) bilangan yang telah dikenapasti di seluruh negara; dan**
- (b) usaha dan bantuan yang telah diambil oleh Kementerian kepada mereka demi sumbangan mereka kepada negara dan adakah layanan kepada mereka bersama dengan layanan kepada bekas tentera Malaysia.**

JAWAPAN:

Veteran didefinisikan sebagai warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dalam mana-mana pasukan keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pasukan Simpanan ATM yang dikerah sepenuh masa tanpa mengira tempoh khidmat, Force 136, Tentera British (*British Forces*) yang berkhidmat di Malaya, Malaysia, Singapura serta Sarawak Rangers. Sehingga 31 Disember 2010, jumlah veteran Tentera British yang berdaftar adalah seramai 1,200 termasuk 679 veteran berpencen.

Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) bertanggungjawab untuk menjaga kebijakan dan perubatan Veteran termasuk warganegara Malaysia yang pernah berkhidmat dengan Tentera British. Veteran Tentera British ini secara automatik juga dikenali sebagai Veteran

dan segala keistimewaan dan kemudahan yang wujud sebagai Veteran adalah dipanjangkan juga kepada golongan ini.

Salah satu keistimewaan yang dinikmati oleh Veteran Tentera British ialah pembayaran pencen. Pencen ini dibayar oleh Kerajaan British berdasarkan tempoh perkhidmatan mereka terdahulu di dalam *Imperial Army*. Walau bagaimanapun, berdasarkan amalan semasa, pembayaran akan didahulukan oleh JHEV ATM sebelum dituntut kembali daripada Kerajaan British. Jumlah pembayaran pencen pada tahun 2010 adalah sebanyak RM293,563.80 setahun bagi 679 penerima pencen.

Veteran Tentera British juga layak untuk menerima Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV. Walau bagaimanapun, bantuan tersebut hanya akan diberikan sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Mereka hanya perlu mendaftarkan diri dengan JHEV dan memohon skim-skim bantuan kebajikan yang telah disediakan. Terdapat lima skim kebajikan yang boleh dipohon iaitu :

- a. **Bantuan Sara Hidup;**
- b. **Bantuan Kemasukan ke IPTA;**
- c. **Bantuan Persekolahan bagi anak Veteran di peringkat rendah dan menengah;**
- d. **Bantuan Peralatan Pesakit; dan**
- e. **Bantuan Bencana Alam**

Selain itu, JHEV juga menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk bayaran perubatan termasuk rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan ubat-ubatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**BUKAN LISAN
TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN

DARIPADA

TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sebab mengapa Syed Mokhtar menguasai begitu banyak perniagaan di Malaysia dan adakah perkara ini melanggar Akta Persaingan 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak menghalang mana-mana pihak atau individu untuk memiiiki dan menguasai banyak perniagaan di Malaysia ataupun di luar negara. Akta Persaingan 2010 digubal untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Oleh yang demikian, walaupun Syed Mokhtar ataupun mana-mana individu menguasai banyak perniagaan di Malaysia, ianya tidak melanggar peruntukan undang-undang persaingan.

Pelanggaran hanya berlaku jika Syed Mokhtar atau syarikatnya mengamalkan aktiviti bersifat anti-kompetitif seperti aktiviti kartel dalam penetapan harga, mengawal atau membataskan punca pengeluaran, berkongsi pasaran atau punca bekalan, dan melakukan tipuan bida (*bid rigging*). Pelanggaran juga

berlaku sekiranya Syed Mokhtar atau syarikatnya yang menjadi kuasa monopoli dalam sesuatu industri, bertindak menyalahgunakan kedudukan dominan tersebut seperti membataskan atau mengawal pengeluaran sehingga memudaratkan pengguna, atau bertindak mengamalkan *predatory pricing* terhadap pesaing.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)

TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sebab mengapa harga gula sering meningkat selepas diambil alih Syed Mokhtar sedangkan ianya merupakan komoditi yang stabil semasa berada di bawah pengurusan Robert Kwok.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu Kementerian ini ingin membetulkan fakta bahawa kilang gula bukan diambil alih oleh Syed Mokhtar. Hakikat sebenarnya ialah kilang gula telah dimiliki oleh Felda Holding Sdn. Bhd dimana Felda telah mengambil alih kilang gula Malayan Sugar Manufacturing (MSM), Kilang Gula Felda Perlis (KGFP) dan 1/5 daripada kilang gula Central Refinery Sugar (CSR).

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, spekulasi bahawa beberapa kawasan di Malaysia seperti Pulau Pinang akan tenggelam pada tahun 2020 adalah tidak tepat.

Ini ialah kerana kajian-kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Ukur dan Pemetaan

(JUPEM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) menunjukkan kadar peningkatan aras laut negara yang jauh lebih rendah iaitu, di antara 0.2 mm hingga 7.0 mm setahun. Kajian-kajian ini dijalankan menggunakan beberapa kaedah termasuk data tolok pasang surut dan data satelit altimeter.

Hasil kajian di atas adalah selaras dengan kenyataan yang dibuat oleh *United Nations Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC)* iaitu, peningkatan aras laut global terkini adalah sebanyak 1.8 mm hingga 3.1 mm setahun. Kadar kenaikan ini adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain, bergantung kepada pelbagai faktor, antaranya perubahan suhu, tekanan atmosfera, angin dan peredaran laut di lokasi tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan di atas diramal wujud jika tindakan mitigasi untuk menangani fenomena perubahan iklim tidak dilaksanakan. Justeru, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sebagai persiapan untuk menghadapi kemungkinan berlaku bencana kenaikan aras laut adalah seperti berikut:-

Kajian Impak Perubahan Iklim ke atas Peningkatan Aras Laut di Malaysia telah disiapkan pada akhir 2010 oleh NAHRIM yang telah menghasilkan unjuran peningkatan aras laut di sepanjang pantai negara bagi tahun 2020 hingga 2100. Unjuran peningkatan aras laut berkenaan akan digunakan untuk penilaian impak kepada infrastruktur sedia ada melalui kaedah *Coastal Vulnerability Index (CVI)* dan *Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)*;

Menjalankan kajian Indeks Kerentanan Pantai (atau CVI) untuk mengenai pasti kawasan pantai yang terdedah kepada kesan kenaikan aras laut. Hasil kajian ini akan digunakan untuk menyediakan CVI dengan aras dedahan zon pantai bagi mengelakkan pembangunan di kawasan ini. Pada masa yang sama, CVI juga boleh dijadikan asas untuk melaksanakan langkah-langkah bagi melindungi kawasan pantai daripada kesan kenaikan aras laut. Pembangunan CVI yang menyeluruh akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Fasa pertama kajian CVI telah siap pada bulan Disember 2007 dan meliputi dua (2) tapak rintis iaitu Tanjung Piai, Johor dan Pulau Langkawi, Kedah;

Melaksanakan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan - ISMP*). Tujuan ISMP adalah untuk membantu dalam perumusan dasar, garis panduan dan strategi

supaya pembangunan di kawasan pantai dilaksanakan secara mapan;

- iv. **Memantau secara berterusan kesan perubahan iklim terhadap struktur dan infrastruktur banjir sedia dan melakukan pengubahsuaian sekiranya perlu. Pada masa yang sama, bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang baru, peningkatan nilai hujan tadahan dan aliran banjir yang dijangkakan akan diambil kira, khususnya dalam peringkat perancangan dan reka bentuk projek- projek tersebut; dan**

- v. Menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk melaksanakan projek pengukuhan ban yang merangkumi pembinaan benteng batu dan meninggikan ban.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN BUKAN LISAN

**DARIPADA DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]**

SOALAN:

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah nilai ekuiti Bumiputera melalui empat pelaburan langsung EKUINAS bagi tahun pertama penubuhannya.

JAWAPAN:

EKUINAS telah menerima dana permulaan sebanyak RM500 juta daripada Kerajaan dan berbekalkan modal awal ini, EKUINAS

telah menujuhkan dua tabung pertamanya, EKUINAS Direct Fund untuk pelaburan langsung dan EKUINAS Outsourced Fund untuk program pelaburan penyumberan luar, masing-masing dengan saiz dana terikat sebanyak RM1 bilion dan RM400 juta.

Sejak beroperasi pada bulan September 2009, EKUINAS telah membuat empat (4) pelaburan langsung dengan jumlah sebanyak RM483 juta, yang membolehkan suntikan modal pelaburan sebanyak RM603 juta ke dalam ekonomi negara. Dalam masa yang sama, program penyumberan luar EKUINAS telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM513 juta menerusi tiga (3) firma ekuiti persendirian yang dilantik dan ini termasuk RM113 juta yang telah berjaya dikumpul dari pelabur-pelabur persendirian di mana sebahagian besarnya diperolehi dari luar negara. Perkembangan ini menunjukkan pendekatan kerjasama awam-swasta (“private/public” partnership) yang dialu-alukan oleh pihak Kerajaan.

Dari segi pencapaian objektif sosial EKUINAS, pelaburan yang dilaksanakan telah berjaya menjana manfaat serta merta. Berdasarkan pelaburan ekuiti berjumlah RM381 juta yang disempurnakan pada akhir tahun 2010, EKUINAS berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM483 juta, iaitu 1.28 kali ganda modal yang dilabur. Dalam pada itu, syarikat-syarikat penerima pelaburan EKUINAS memberikan peluang

NO SOALAN: 320

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

pekerjaan kepada 1,861 orang warga Malaysia pada masa ini.

Berdasarkan prestasi pada tahun 2010, Kerajaan berkeyakinan bahawa pelaburan-pelaburan EKUINAS berada pada landasan yang betul dan berupaya meraih pulangan yang disasarkan serta akan membantu meningkatkan penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi negara menerusi pengwujudan syarikat-syarikat peneraju generasi bam Malaysia yang mampu bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

RTANYAAN

RIPADA

ALAN

JAWAPAN

BERTULIS

Datuk Abd. Rahman bin Bakri (Sabak
Bernam)

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilangan petani yang
telah dibawa menunaikan umrah oleh BERNAS semenjak 2006
menerusi Program Rakan Ladang (PRL).

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI

Yang Berhormat,

Untuk Makluman Ahli

Semenjak tahun 2006 sehingga 2011, BERNAS telah menghantar seramai 600
petani setia BERNAS orang bagi menunaikan umrah. Ianya melibatkan seramai
petani setahun. 100 orang

NO SOALAN : 321
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

SOALAN:

TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pemegang Biasiswa JPA yang tidak ditawarkan jawatan oleh Kerajaan selepas tamat pengajian, mengikut kategori bidang pengajian, jantina dan kaum, pada tahun 2001, 2002,

NO. SOALAN : 322

2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2001 hingga 2010, seramai 8,260 graduan tajaan JPA telah berkhidmat dalam pelbagai skim perkhidmatan lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

NO SOALAN : 321

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]**

TARIKH

RUJUKAN **3841**

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) jumlah anggota Pasukan Gerakan Am dan Pasukan Simpanan persekutuan diaturgerak ke tugas pembasmian jenayah dari
2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011; dan
- (b) kenapa cuma 7402, bukan 20,000 polis beruniform diaturgerak ke tugas utama kepolisian seperti dicadang oleh Laporan Suruhanjaya Diraja.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Penugasan pegawai dan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM yang diaturgerak ke tugas pembasmian jenayah adalah melibatkan kelima-lima Brigade PGA, iaitu Utara, Tengah, Tenggara, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2004 bilangan pegawai dan anggota PGA yang terlibat dalam penugasan tersebut adalah seramai 8,331 orang.

Pada tahun 2005, jumlah ini berkurangan kepada 6,566 orang, diikuti pada tahun 2006 seramai 5,838 orang, tahun 2007 (5,872 orang) dan tahun 2008 (6,524 orang)

Berikut pelaksanaan inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah yang dilancarkan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada tahun 2009, penglibatan pegawai dan anggota PGA dalam pembasmian jenayah telah ditingkatkan kepada seramai 8,118 orang pada tahun 2009.

Jumlah ini telah ditambah kepada 12,795 orang pada tahun 2010 khususnya di 4 buah negeri hotspot iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang di bawah Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah. Sehingga Mei 2011, seramai 6,475 pegawai dan anggota PGA telah diaturgerak ke tugas pembasmian jenayah.

Anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) sentiasa membantu pihak Kontinjen dan Daerah dari masa ke semasa dalam

mengurangkan jenayah. Jumlah anggota yang diaturgerak ke tugas pembasmian jenayah bagi tahun 2007 hingga bulan Mei 2011 adalah seperti berikut:

Pada tahun 2007, seramai 5,766 orang ditugaskan.

Pada tahun 2008, seramai 2,493 orang ditugaskan.

Pada tahun 2009, seramai 1,643 orang ditugaskan.

Pada tahun 2010, seramai 7,862 orang ditugaskan.

Pada tahun 2011 sehingga Mei, seramai 3,426 orang ditugaskan.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Bukit Bendera mengenai 7,402 sahaja dan bukannya 20,000 polis beruniform diaturgerak ke tugas utama kepolisan seperti dicadang oleh Laporan Suruhanjaya Diraja, sukalah saya maklumkan iaitu dalam Buku Laporan Suruhanjaya Diraja Mengenai Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak menyatakan secara spesifik berkenaan jumlah pegawai uniform yang boleh diaturgerak ke tugas-tugas kepolisan berdasarkan Cadangan Lapan, Bab 6 iaitu menumpukan sumber kepolisan profesional kepada fungsi utama polis, mengawamkan atau menyalurkan keluar (*outsource*) fungsi utama bukan polis dan Cadangan Tiga, Bab 12 iaitu mengawamkan atau menawarkan keluar fungsi kepolisan bukan utama dan fungsi bukan kepolisan yang tidak memerlukan kecekapan polis profesional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 7,402 pegawai polis

beruniform yang digerakkan untuk melaksanakan tugas-tugas kepolisan tidak melibatkan kesemua jabatan di dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM). Daripada 8 buah jabatan, jumlah ini hanya melibatkan sebilangan Jabatan Pengurusan, Jabatan Logistik dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam sahaja yang dikenalpasti boleh ditukar ganti tugas mereka dengan anggota awam manakala lain-lain jabatan masih dalam peringkat kajian oleh pihak PDRM dan Agensi Pusat, samada tugas mereka sesuai untuk dilaksanakan oleh anggota awam atau sebaliknya.

-N@rAtHt : 32S* S

NOrAUP.-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]**

TARIKH

RUJUKAN : **3842**

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM

NEGERI menyatakan statistik terperinci kekuatanpolis beruniform
dari 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan
2010. Pecahan Jabatan KDN/KA mengikut pasukan atau
komponen seperti PGA, PGK, Marin, PSP, unit udara dan
sebagainya.

Jawapan

Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kekuatan pegawai beruniform Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak termasuk pegawai awam dari tahun 2001 hingga 2010 adalah seperti di Lampiran A.

Pecahan perjawatan pegawai beruniform di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA) bagi tahun 2010 adalah seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN B

TAHUN	SKIM PERKHIDMATAN	JABATAN PENGURUSAN	JABATAN KDN/KA	JABATAN LOGISTIK	JABATAN SIASATAN JENAYAH	CAWANGAN KHAS	JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK	JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERS1L	PASUKAN PETUGAS KHAS	JUMLAH BESAR
2001	Uniform	31,025	25,965	10,325	7,340	4,775	2,705	0	0	82,135
2002	Uniform	32,876	26,005	10,153	7,417	4,909	2,846	0	0	84,206
2003	Uniform	33,757	26,717	10,145	8,007	5,080	2,981	0	0	86,687
2004	Uniform	32,349	30,178	10,299	8,140	5,049	3,096	0	0	89,111
2005	Uniform	33,884	30,438	10,350	7,792	4,849	3,050	717	0	91,080
2006	Uniform	34,917	30,137	10,215	8,188	4,851	3,256	991		92,555
2007	Uniform	35,638	32,067	11,073	8,404	4,907	3,336	1,090	0	96,515
2008	Uniform	38,704	32,510	10,585	8,918	5,094	3,615	1,309	0	100,735
2009	Uniform	39,354	34,059	10,879	8,900	5,193	3,821	1,343	69	103,618
2010	Uniform	43,126	32,815	10,097	9,335	5,102	4,014	1,420	170	106,079

Pecahan kekuatan anggota beruniform Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA) bagi tahun 2010

	PECAHAN,KOMPONEN	
1	BukitAman	73
2	Pasukan Gerakan Am (PGA)	14,551
3	Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU)	2,393
4	Unit Keselamatan Kawasan	1,174
5	Unit Pencegahan Penyeludupan/Sempadan	628
6	Marin	2,450
7	Unit Udara Polis	486
8	Trafik	5,151
9	Pasukan Gerakan Khas (PGK)	1,096
10	Ketenteraman Awam	11,370
	JUMLAH KESELURUHAN PERJAWATAN	39,372

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

BERTULIS

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan

- (a) statistik terperinci pungutan cukai pendapatan individu bagi tahun 2010, mengikut pecahan kaum, jantina dan umur; dan
- (b) statistik terperinci pungutan cukai pendapatan korporat dan syarikat bagi tahun 2010, mengikut pecahan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Badan Berkanun, syarikat milikan bumiputera dan syarikat milikan bukan bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, borang yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi maksud pendaftaran dan pembayaran cukai pendapatan oleh rakyat Malaysia tidak mempunyai butiran kaum dan kategori umur. Ini memandangkan prinsip yang diguna pakai dalam mengenakan cukai pendapatan individu adalah berkenaan individu yang memperolehi pendapatan daripada Malaysia sama ada pendapatan penggajian, perniagaan

atau lain-lain punca seperti pendapatan dividen, sewa dan sebagainya. Di samping itu, taraf sama ada individu bermastautin di Malaysia atau sebaliknya juga adalah penting untuk menentukan individu berkenaan layak menuntut pelepasan cukai individu yang dihadkan kepada pemastautin di Malaysia sahaja. Sehubungan dengan itu, bilangan pembayar cukai pendapatan individu mengikut pecahan kaum dan umur tidak dapat dikemukakan.

2. Berhubung jumlah pembayar cukai pendapatan individu bagi tahun 2010 mengikut pecahan jantina, ia adalah seperti berikut:

Tahun	Lelaki		Perempuan		Lain-lain	
	Bil.	Amaun (RM'juta)	Bil.	Amaun (RM'juta)	Bil.	Amaun (RM'juta)
2010	1,654,355	RM 12,587	817,152	RM 3,455	262	RM2.4

Nota: Gender tidak dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, borang yang disediakan oleh LHDN bagi maksud pendaftaran dan pembayaran cukai pendapatan oleh syarikat tidak mempunyai butiran sama ada ia adalah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), badan berkanun, syarikat milikan Bumiputera atau syarikat bukan Bumiputera. Secara asasnya, pengenaan cukai pendapatan syarikat yang digunakan adalah sama ada pendapatan perniagaan berkenaan adalah berkaitan dengan operasi perniagaan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, maklumat jumlah cukai pendapatan syarikat bagi tahun 2010 mengikut pecahan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), badan berkanun dan syarikat milikan Bumiputera atau bukan Bumiputera yang dipohon turut tidak dapat dikemukakan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pungutan cukai pendapatan syarikat bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM43.7 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi yang terlibat dalam perkhidmatan wajib, mengikut kategori jantina dan kaum, pada tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi yang berkhidmat di KKM yang terlibat dalam perkhidmatan wajib mengikut kategori jantina dan kaum, pada tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di Lampiran 1.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tempoh perkhidmatan wajib bagi Pegawai Perubatan adalah selama 2 tahun dan akan bermula setelah mereka menamatkan Latihan Siswazah dan mendapat pendaftaran penuh daripada Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Tempoh Latihan Siswazah boleh dilanjutkan selama 6 tahun bergantung kepada prestasi pegawai.

Perkhidmatan wajib bagi Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi diperkenalkan pada tahun 2001 dan 2004. Bagi Pegawai Pergigian dan

Pegawai Farmasi tempoh perkhidmatan wajib adalah selama 3 tahun.

Bilangan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian Dan Pegawai Farmasi Yang Berkhidmat Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Yang Terlibat Dalam Perkhidmatan Wajib Mengikut Kategori Jantina Dan Kaum Pada Tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 Dan 2010

TAHUN	PEGAWAI PERUBATAN*								PEGAWAI PERGIGIAN**								PEGAWAI FARMASI***								
	JANTINA		JUMLAH	KAUM				JUMLAH	JANTINA		JUMLAH	KAUM				JUMLAH	JANTINA		JUMLAH	KAUM				JUMLAH	
	L	P		M	C	I	LL		L	P		M	C	I	LL		L	P		M	C	I	LL		
2001	225	357	582	357	108	92	25	582	6	5	11	6	2	2	1	.11									
2002	221	427	648	420	132	72	24	648	26	84	110	77	21	9	3	110									
2003	250	440	690	411	128	107	44	690	28	106	134	101	19	7	7	134									
2004	263	483	746	398	171	141	36	746	44	114	158	101	36	15	6	158									
2005	305	437	742	381	182	144	35	742	33	120	153	95	39	14	5	153									
2006	385	558	V 943 :	420	262	222	39	943	39	184	223	159	42	17	5	223	80	330	410	164	226	18	2	410	
2007	442	680	1122	571	312	198	41	1122	49	178	227	136	78	9	4	227	121	391	512	159	346	7	0	512	
2008	673	957	1630	766	431	393	40	1630	52	211	263	175	69	8	11	263	149	462	611	195	403	12	0	610	
2009	891	1297	2188	966	591	504	127	2188	72	159	231	128	82	21	0	231	149	537	686	221	435	26	3	685	
2010	841	1204	2045	1022	525	362	136	2045	89	232	321	177	97	44	3	321	197	546	743	318	398	22	5	743	

Sumber:-

* Data HRMIS pada 27 Mei 2011 dengan peratus pengisian sebanyak 97.82%. ** Majlis Pergigian Malaysia, Bahagian Perkembangan dan Dasar Pergigian *** Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi

Nota:-

L= Lelaki, P = Perempuan, M = Melayu, C = Cina, I = India, LL = Lain-lain

NO SOALAN :326

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.TUAN JEFF 001 CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan memberikan statistik selengkapnya, jumlah penarikan balik semua jenis subsidi harga barang dan perkhidmatan berbanding:-

- a) jumlah pemberian subsidi gas kepada Penjana Tenaga Bebas (IPP);
dan
- b) pengurangan defisit perbelanjaan Kerajaan antara 2008 hingga 2011.

**Puan, sila hubungi En. Shahrizal@epu.gov.my untuk keterangan lanjut.
JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak memberikan subsidi melalui perbelanjaan mengurus kepada pihak Penjana Tenaga Bebas (IPP). "Subsidi Gas" yang dimaksudkan tersebut adalah jumlah hasil yang dilepaskan atau *revenue foregone* dengan Izin oleh pihak Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menetapkan harga gas kepada sektor penjanaan elektrik bagi mengekalkan kadar tarif elektrik yang rendah. Sekiranya tenaga elektrik dihasilkan berdasarkan harga gas pasaran, sudah tentu kos penjanaan elektrik akan meningkat dan seterusnya menyebabkan kenaikan kadar tarif elektrik. Oleh kerana kos

bahan api adalah komponen *pass-through* kepada pengguna, penetapan harga gas yang dibuat oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk mengekalkan kadar tarif pengguna yang rendah. Oleh itu, keputusan Kerajaan dalam penetapan harga gas kepada sektor elektrik tidak menghasilkan sebarang pendapatan tambahan kepada pihak IPP.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2008, harga komoditi dunia termasuk minyak mentah telah meningkat tinggi. Harga minyak mentah (Tapis Blend) telah melambung tinggi kepada USD104 setong pada tahun 2008 berbanding dengan USD78 setong pada tahun 2007. Ini seterusnya meningkatkan perbelanjaan subsidi bahan api Kerajaan daripada RM7.5 bilion pada tahun 2007 kepada RM17.6 bilion pada tahun 2008. Kos subsidi petrol yang lebih tinggi ini merupakan penyumbang terbesar kepada kenaikan defisit fiskal Kerajaan kepada 4.8% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun 2008 berbanding 3.2% pada tahun 2007.

Pada tahun 2009 pula, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada 7.0%. Ini adalah berikutan langkah Kerajaan melaksanakan dua pakej rangsangan ekonomi untuk membantu mencergaskan pertumbuhan ekonomi negara kesan daripada kedudukan ekonomi luar yang lebap akibat krisis kewangan yang meienda Amerika Syarikat. Sementara itu, kutipan hasil Kerajaan pula menurun.

Pada tahun 2010, harga purata minyak mentah meningkat kepada USD84 setong daripada USD65 setong pada tahun 2009. Kerajaan telah mengapungkan secara terkawal harga runcit petrol RON97 kepada RM2.30 seliter berbanding dengan RM1.80 seliter pada tahun 2009, Harga runcit RON95 dan gas petroleum cecair (LPG) juga telah disemak semula sebanyak dua kali kepada RM1.90 seliter. Harga diesel pula telah disemak semula daripada RM1.70 seliter pada tahun 2009 kepada RM1.75 seliter pada tahun 2010. Ini turut menyumbang kepada pengurangan defisit fiskal pada tahun

2010 kepada 5.6%. Subsidi bahan api merupakan komponen terbesar subsidi meliputi 42% daripada jumlah keseluruhan subsidi.

Pada tahun 2011, harga runcit petrol RON97 telah berubah sebanyak empat kali kepada RM2.80 sen seliter selaras dengan langkah pengapungan terkawal. Sementara itu, harga runcit RON95 masih kekal pada RM1.90 seliter, Harga minyak mentah dunia mencatatkan paras purata USD122 setong pada bulan Jun 2011. Sehubungan itu, peruntukan bagi subsidi petroleum, diesel dan LPG bagi tahun 2011 telah ditambah sebanyak RMS.6 bilion menjadi RM15.9 bilion berbanding peruntukan asal sebanyak RM10.3 bilion. Walau bagaimanapun, kerajaan yakin dapat mengurangkan defisit fiskal kepada 5.4% daripada KDNK pada tahun ini.

Di samping itu juga, pada bulan Mei 2011, subsidi gula telah dikurangkan 20 sen yang dijangka memberi penjimatan sebanyak RM117 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih lagi menanggung subsidi gula sebanyak RM283 juta. Selain itu, pemansuhan diesel super subsidi bagi pengangkutan darat tertentu seperti *prime mover*, kargo am dan teksi limousin serta nelayan laut dalam (zon C2) mulai 1 Jun 2011 dijangka menghasilkan penjimatan sebanyak RM712 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah penstrukturkan semula subsidi bagi memastikan peruntukan sumber yang lebih cekap, pengurangan pembaziran dan peningkatan kecekapan. Rasionalisasi subsidi ini akan dilaksanakan secara teliti dan beransur-ansur agar ia memberi kesan yang minimum kepada pengguna dan perniagaan serta mengekang tekanan inflasi. Golongan miskin dan mudah terjejas akan terus menerima bantuan melalui pengukuhan jaringan keselamatan sosial.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN****BERTULIS****DARIPADA****YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]****SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menarik balik pemberian subsidi gas kepada semua Penjana Tenaga Bebas (IPP) yang meningkat kepada RM8.1 billion pada 2008 menurut Laporan Tahunan Petronas supaya sumber negara dapat disalur dengan betul untuk memanfaatkan rakyat jelata.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menjelaskan bahawa nilai RM8.1 billion pada 2008 menurut Laporan Tahunan Petronas bukanlah subsidi gas yang diperuntukkan kepada Penjana- penjana Tenaga Bebas (IPP). Kerajaan tidak pernah memperuntukkan subsidi kepada Penjana- penjana Tenaga Bebas (IPP). Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menetapkan harga gas di bawah paras harga pasaran dengan tujuan untuk mengekalkan kadar tarif elektrik yang rendah kepada pengguna. Penetapan harga gas yang rendah berbanding dengan harga pasaran tidak memberikan sebarang hasil kepada pendapatan pihak IPP. "Subsidi gas" yang dimaksudkan tersebut adalah jumlah hasil yang dilepaskan oleh pihak PETRONAS selaras

dengan keputusan Kerajaan untuk menetapkan harga gas kepada sektor penjanaan elektrik yang akan menghasilkan tarif elektrik yang rendah.

Ekoran kenaikan harga gas secara mendadak di pasaran antarabangsa pada tahun 2008, Kerajaan telah memutuskan untuk menyemak semula harga gas kepada sektor

elektrik di Semenanjung sehingga ia mencapai harga pasaran. Semakan setiap 6 bulan ini bermula pada bulan Jun 2011, selaras dengan usaha Kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi secara berperingkat-peringkat. Kenaikan secara berperingkat ini akan memberi kepastian kepada sektor swasta dalam merangka perbelanjaan operasi syarikat dan menggalakkan penggunaan sumber tenaga secara lebih cekap.

PERTANYAAN **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

RUJUKAN **3911**

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah menghidupkan semula siasatan jenayah komersial terhadap kes pembelian 13 juta saham ECM Libra oleh Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin ketika beliau seorang penganggur. Apakah cadangan terbaru Kalimullah Masheerul Hassan dan Lim Kian On menjualkan pegangan syer mereka dalam ECM Libra satu cara untuk melepaskan diri dalam penyelesaian ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jelutong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini pihak polis tidak menerima sebarang laporan polis berkenaan pembelian 13 juta unit saham ECM Libra dan tidak mempunyai maklumat berkenaan tindakan Kalimullah Masheerul

NO. SOALAN: 329

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

Hassan dan Lim Kian On sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat.

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH

RUJUKAN

3912

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan tidak akan menyiasat kes ECM Libra telah melanggari Section 131 dalam Akta Syarikat serta akta perbankan dan Institusi Kewangan (BAFIA) apabila Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin diberi pinjaman dalam syarikat sebanyak 9.2 juta untuk pembelian 13 juta saham ECM-Libra menerusi eksekutif syarikat bernama Kalimullah Masheerul Hassan, Lim Kian On dan Chua Ming Huat. Kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jelutong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, buat masa ini pihak polis tidak menerima sebarang laporan polis berkenaan pembelian 13 juta unit saham ECM Libra sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA: Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

(JELUTONG)

PERTANYAAN

: BERTULIS

Y.B. TUAN JEFF 001 CHUAN AUN [JELUTONG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah butiran lanjut dan jadual tepat untuk melaksanakan Akta Goods & Services Tax dengan tidak perlu membebankan rakyat berpendapatan rendah yang tidak perlu membayar cukai pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini belum lagi menetapkan tarikh pelaksanaan GST. Kerajaan tidak akan melaksanakan GST secara tergesa-gesa. Tempoh masa yang secukupnya akan disediakan kepada semua pihak terutamanya kepada peniaga agar mereka dapat menyiapkan diri mereka untuk melaksanakan GST.

2. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan terus mengadakan rundingan yang lebih inklusif dengan rakyat supaya semua kepentingan dan kebijakan masyarakat telah diambil kira dalam melaksanakan GST. Kerajaan berharap dengan adanya proses rundingan ini, GST dapat diterima dengan baik oleh semua pihak dan tidak membebangkan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)
PERTANYAAN : PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan 100 buah syarikat swasta yang terbanyak membayar cukai pendapatan syarikat dengan jumlah cukai yang dibayar mengikut pecahan tahun 2005-2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman yang berhormat, kedudukan maklumat perculaian secara spesifik bagi sesuatu syarikat adalah sulit dan dilindungi di bawah peruntukan seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967. Sehubungan dengan itu, maklumat bagi 100 buah syarikat swasta yang terbanyak membayar cukai pendapatan syarikat dan jumlah cukai yang dibayar mengikut pecahan dari tahun 2005 hingga 2010 adalah sulit dan tidak boleh dikemukakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

[33£]PR-1242-T44442

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

YB ER TECK HWA

[BAKRI]

NO. SOALAN

**3% ^
33i'**

SOALAN

YB ErTeck Hwa [Bakri] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah dijatuhkan hukuman penjara dan di hukum mati di luar negara mengikut jenis kesalahan, jantina, kaum dan negara dari tahun 2005-2010. Berapakah kes telah dibela dan dirayu oleh badan guaman Kerajaan Malaysia dalam tempoh yang sama.

Terima kasih Yang Berhormat Bakri di atas soalan yang dikemukakan.

2. Jumlah terkumpul rakyat Malaysia yang telah dipenjarakan dan dihukum mati di luar negara bagi tempoh 2005-2010 adalah seramai **46 orang** yang terdiri daripada 39 lelaki dan 7 perempuan. Pecahan jumlah tersebut mengikut negara, kesalahan dan kaum adalah seperti berikut:

JAWAPAN:

- 2.1. Seramai 20 orang telah dijatuhkan hukuman mati di Singapura, 14 orang di Thailand, 11 orang di Republik Rakyat China dan seorang di Indonesia.
- 2.2. Seramai 38 orang dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan dadah manakala baki 8 orang lagi atas kesalahan membunuh.
- 2.3. Seramai 30 orang dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan dadah adalah terdiri daripada kaum Cina, 8 orang terdiri daripada kaum Melayu, 6 terdiri daripada kaum India dan baki 2 orang terdiri daripada kaum lain.
3. Bagi tempoh 2005 - 2010 dan sehingga masa kini, belum terdapat sebarang kes yang dibela dan dirayu oleh badan guaman Kerajaan Malaysia. Adalah menjadi amalan di negara asing bahawa sebarang rayuan pembelaan hanya dilakukan melalui badan guaman tempatan. Sebagai contoh, Republik Singapura menetapkan bahawa sekiranya sesuatu rayuan kepada Mahkamah Rayuan Republik Singapura tidak berjaya, rayuan pengampunan selanjutnya kepada Presiden Singapura (Petition for Clemency) boleh dikemukakan melalui

badan guaman tempatan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh notis keputusan penolakan oleh Mahkamah Rayuan.

4. Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin dan berusaha untuk menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia yang menghadapi hukuman mati mandatori di luar negara. Namun begitu, usaha-usaha Kerajaan adalah sentiasa berlandaskan prinsip-prinsip menghormati kedaulatan dan keluhuran undang-undang negara asing termasuk sistem perundangan antarabangsa. Sebarang usaha yang melampaui prinsip-prinsip yang telah dinyatakan boleh disalah-tafsirkan sebagai mencampuri urusan pengendalian pengadilan serta perundangan negara-negara lain yang berdaulat.

5. Maklumat statistik tentang jumlah rakyat Malaysia yang telah dijatuhan hukuman penjara dan dihukum mati di luar negara mengikut jenis kesalahan, jantina, kaum dan negara dari tahun 2005-2010 adalah seperti yang dikepikan.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Perangkaan Warganegara Malaysia Yang Dijatuhan Hukuman Mati di Luar Negara Bagi Tempoh 2005 - 2010

1	2005	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
2	2005	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
3	2005	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
4	2006	Singapura	Lelaki	Melayu	Dadah
5	2006	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
6	2006	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
7	2007	China	Lelaki	Cina	Dadah
8	2007	China	Lelaki	Melayu	Dadah
9	2007	China	Lelaki	Lain-lain	Dadah
10	2007	China	Perempuan	India	Dadah
11	2007	China	Perempuan	Melayu	Dadah
12	2007	Singapura	Lelaki	Melayu	Dadah
13	2007	Singapura	Lelaki	India	Dadah
14	2007	Singapura	Lelaki	Cina	Membunuh
15	2007	Thailand	Lelaki	Cina	Membunuh
16	2007	Thailand	Lelaki	Cina	Membunuh
17	2007	Thailand	Lelaki	Cina	Membunuh
18	2007	Thailand	Lelaki	Lain-lain	Membunuh
19	2007	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
20	2007	Thailand	Perempuan	Cina	Dadah
21	2008	China	Lelaki	Cina	Membunuh
22	2008	China	Lelaki	Cina	Membunuh
23	2008	China	Perempuan	Melayu	Dadah
24	2008	Singapura	Perempuan	Cina	Dadah
25	2008	Singapura	Lelaki	India	Dadah
26	2008	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
27	2008	Singapura	Lelaki	India	Dadah
28	2008	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
29	2008	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
30	2008	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
31	2008	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
32	2008	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
33	2008	Thailand	Lelaki	Cina	Dadah
34	2008	Thailand	Lelaki	Melayu	Dadah
35	2009	China	Lelaki	India	Dadah
36	2009	China	Lelaki	Cina	Dadah
37	2009	China	Lelaki	Cina	Dadah
38	2009	Indonesia	Lelaki	Cina	Dadah
39	2009	Singapura	Perempuan	Melayu	Membunuh
40	2009	Singapura	Perempuan	Pino WIIICt	Horloh
41	2009	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
42	2009	Singapura	Lelaki	India	Dadah
43	2009	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
44	2010	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah
45	2010	Singapura	Lelaki	Melayu	Dadah
46	2010	Singapura	Lelaki	Cina	Dadah

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

SOALAN NO: 334

DARIPADA

TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pelajar SMK yang telah berjaya memperolehi komputer notebook dalam program 1 Malaysia mengikut pecahan nama sekolah dan pelajar di daerah Muar dan apakah penilaian untuk menentukan seseorang pelajar layak menerima komputer notebook dan siapakah yang berkuasa dalam membuat keputusan terakhir.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Sebanyak 20 sekolah di dalam daerah Muar terlibat dalam Program Pengagihan Komputer 1 Malaysia dan melibatkan 6,364 pelajar. Pecahan bilangan pelajar mengikut sekolah ialah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Kawasan	Parlimen	Sekolah	Bil. pelajar
1	Muar	Lenga	Pagoh	SMK Lenga	500
2	Muar	Jorak	Pagoh	SMK Bukit Pasir	370
3	Muar	Jorak	Pagoh	SMK Sultan Alauddin Riayat Shah 1	512
4	Muar	Muar Bandar	Bakri	SMK Dato' Sri Amar Di Raja (INTEG)	420
5	Muar	Muar Bandar	Bakri	SMK Tun Perak	535
6	Muar	Muar Bandar	Muar	Sekolah Tinggi Muar	250

SOALAN NO. 3.3.3

7	Muar	Muar Bandar	Muar	SMK Sri Muar	250
8	Muar	Muar Bandar	Bakri	SMK St. Andrew	245
9	Muar	Bandar	Muar	SMK(P) Sultan Abu Bakar	250
10	Muar	Bandar	Bakri	SMK Sungai Abong	421
11	Muar	Bandar	Muar	SMK Jalan Junid	212
12	Muar	Bandar	Muar	SMKA Maahad Muar	250
13	Muar	Bakri	Bakri	SMK Bandar Maharani	236
14	Muar	Bakri	Bakri	SMK Tun Dr Ismail (STUDI)	517
15	Muar	Bakri	Bakri	SMK Bukit Naning	208
16	Muar	Bakri	Muar	SMK Convent (M)	250
17	Muar	Pt. Bakar	Muar	SMK Tengku Mahkota	252
18	Muar	Seri Menanti	Muar	SMK Seri Menanti	186
19	Muar	Parit Jawa	Muar	SMK Raja Muda	250
20	Muar	Sungai Balang	Muar	SMK Pekan Baru Muar	250
				JUMLAH	6,364

Syarat-syarat yang ditetapkan untuk penerima Komputer 1 Malaysia ialah seperti berikut:

- (i) Penerima mestilah warganegara Malaysia;
- (ii) Pendapatan bulanan isi rumah untuk penerima tidak melebihi RM3.000 sebulan;
- (iii) Penerima dikehendaki melanggan pakej langganan jalur lebar selama setahun;
- (iv) Setiap kediaman (rumah) hanya diperuntukkan sebanyak 1 komputer sahaja;
- (v) Penerima dengan status pelajar perlu mendapatkan pengesahan daripada ibu bapa;

SOALAN NO: 333

- (vi) Penerima diwajibkan hadir dan borang permohonan perlu mendapat pengesahan dari Guru Besar/Pengetua/Dekan;
- (vii) Penerima harus memastikan penggunaan komputer tidak disalah gunakan dan bebas daripada penyebaran virus, pornografi, perkauman, kebencian dan hasutan, bahan yang diharamkan, politik atau isi kandungan yang menyalahi undang-undang Malaysia; dan
- (viii) Komputer yang diterima tidak boleh dijual beli.

Berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan di atas, pecahan senarai bagi setiap sekolah ditentukan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), manakala pengesahan ke atas pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan akan dilakukan oleh pihak sekolah.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS [2011]

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah zakat yang dikutip mengikut pecahan tahun 2005-2010. Berapakah jumlah bantuan yang telah diserahkan kepada penerima zakat dan bentuk bantuan yang telah dihulurkan mengikut pecahan.

JAWAPAN : **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada laporan Majlis Agama Islam Negeri, bahawa jumlah kutipan zakat bagi seluruh negeri di Malaysia dari tahun 2005 hingga 2010 adalah sebanyak RM5.62 billion. Bagi tahun 2010 sahaja, jumlah kutipan ialah sebanyak RM1.34 billion iaitu

peningkatan sebanyak 12.08% dari tahun sebelumnya yang berjumlah RM1.19 billion.

Jumlah bantuan atau agihan yang telah diserahkan kepada penerima iaitu asnaf yang layak dari tahun 2005 hingga 2010 adalah sebanyak RM4.39 billion mengikut skim bantuan yang telah disediakan oleh negeri masing-masing. Bagi tahun 2010 sahaja, jumlah agihan ialah sebanyak RM1.12 billion iaitu peningkatan sebanyak 14.33% dari tahun sebelumnya yang berjumlah RM1.02 billion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

TUAN ER TECK HWA

KAWASAN

BAKRI

NO. SOALAN :

335

SOALAN :

TUAN ER TECK HWA IBAKRI1 minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jenis barang import yang dikawal oleh sistem AP dan agensi yang menguasai kuota AP ke atas barang import tertentu. Bilakah sistem AP ini akan dimansuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengeluaran Lesen Import telah diperkenalkan bertujuan bagi memenuhi obligasi negara dalam perjanjian antarabangsa bagi penguatkuasaan standard, memastikan bekalan tempatan mencukupi, menjamin keselamatan negara, memberi perlindungan kepada industri tempatan dan sebagai mekanisme pemantauan dan pengumpulan data. Pada masa ini terdapat 1,064 barisan tarif/produk yang dikenakan syarat Lesen Import di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 yang ditadbir oleh 6 kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (576 tarif/produk), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (248 tarif/produk), Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi (120 tarif/produk), Kementerian Dalam Negeri (90 tarif/produk), Kementerian Kesihatan (22 tarif/produk) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (8 tarif/produk). Antara produk-produk dibawah kawalan MITI adalah merangkumi

- **produk automotif;**
- **produk mesin dan jentera;**
- **produk besi dan keluli;**

- produk barang keperluan seperti gula, tepung dan susu;
- sisa plastik; dan
- tayar terpakai.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menyemak semula dasar pengeluaran AP ke atas pelbagai barang dengan membuat penilaian bagi memansuhkan syarat AP untuk meningkatkan daya saing industri tempatan selaras dengan dasar liberalisasi pasaran global dan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Duahala dan Pelbagaihala. Sebarang pemansuhan akan mengambil kira kesan ke atas usahawan tempatan dalam memastikan mereka tidak terjejas dan terus berdaya saing.

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF

(BALIK PULAU)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah nisbah hutang isi rumah yang dikatakan antara tertinggi di dunia sebagai contoh nisbah hutang isi rumah kepada pendapatan boleh guna rakyat negara ini merupakan antara yang tertinggi di dunia dengan kadar 140, berbanding Singapura 105%, Amerika Syarikat 123.3%, Korea 101%, Thailand 52.7% dan Indonesia 38%. Pinjaman yang diambil bagi setiap isi rumah di negara ini pula adalah pada kadar 1.4 kali lebih tinggi berbanding pendapatan menyebabkan pendapatan boleh guna menjadi semakin sedikit. (Utusan, 27 April 2011).

JAWAPAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
Tuan Yang di-Pertua, DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang isi rumah di Malaysia masih lagi berada pada paras yang terurus. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK kekal stabil pada 75.9% pada tahun 2010 (2009: 76%).
3. Jumlah hutang isi rumah telah meningkat pada kadar yang perlahan iaitu sebanyak 12.2% pada akhir Mac 2011 berbanding peningkatan 12.6% pada tahun 2010. Hampir separuh daripada hutang isi rumah pula merupakan pinjaman bercagar yang melibatkan aset seperti harta kediaman. Pada masa yang sama, kenaikan jumlah hutang isi rumah ini telah disokong oleh kenaikan jumlah aset kewangan sektor isi rumah yang lebih tinggi, iaitu pada kadar 13.1% kepada RM1,429.7 bilion (2010: 12.5% atau RM1,379.2 bilion). Jumlah aset kewangan sektor isi rumah ini adalah melebihi dua kali jumlah hutang dan mencukupi untuk memberikan sektor tersebut ruang bagi menguruskan hutangnya. Ini dapat dilihat daripada nisbah pinjaman tak berbayar sektor isi rumah yang semakin menurun iaitu pada paras 2.2% berbanding 2.3% pada akhir 2010. Keadaan ini menunjukkan bahawa sektor tersebut kekal berdaya tahan dan fleksibel.
4. Bagi memastikan sektor isi rumah kekal berdaya tahan dan tahap keberhutangan berada pada paras yang pruden, beberapa langkah telah diambil. Antaranya ialah:
- i. Mengenakan syarat yang lebih ketat bagi pemilikan kad kredit;
 - ii. Memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!), yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman pengurusan kewangan dan kemahiran bagi peminjam baru dan golongan muda; dan
 - iii. Menyediakan khidmat nasihat dan pertolongan dalam menguruskan kredit dan kewangan kepada peminjam, serta menstruktur semula hutang mereka dengan pihak bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

5. Selain itu, penetapan standard pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab oleh institusi perbankan juga dilaksanakan dengan memastikan produk kewangan yang ditawarkan menepati keperluan dan mengambil kira keupayaan membayar balik pinjaman oleh individu. Hubungan yang berterusan antara Bank Negara Malaysia dengan institusi perbankan turut dijalin dalam usaha menggalakkan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan standard pengunderaitan (*underwriting standards*) lebih tegas. Melalui aktiviti penyeliaan seperti ini, didapati amalan pengurusan risiko di kalangan institusi perbankan adalah semakin kukuh.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, arah aliran dan perkembangan pinjaman kepada sektor isi rumah termasuk pinjaman bagi rumah kediaman akan sentiasa dipantau dan Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang mapan dan keupayaan bayar balik hutang kekal teguh.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF
[BALIK
PULAU]

SOALAN:

TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah rakyat Malaysia yang menetap di luar Negara dibenarkan untuk mengundi dan sekiranya tidak, apakah cadangan untuk menggubal undang-undang untuk membolehkan mereka mengundi kerana ianya merupakan hak-hak yang telah dipersetujui oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang dan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

peraturan Pilihan Raya kini yang digunakan oleh Negara, telah

1

menetapkan hak mengundi setiap warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun dan telah mendaftar menjadi pemilih yang sah serta layak mengundi di bahagian pilihan raya tertentu dan perlu hadir mengundi di mana-mana pusat mengundi yang telah diwartakan.

Bagaimanapun bagi warganegara Malaysia di luar negara, seperti yang sering dijelaskan, Perkara 119 (1) (a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan, Peraturan 2 (c), (d) dan (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, dan Peraturan 3 (1) (a) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 telah menetapkan hanya warganegara Malaysia vana meniadi anggota Perkhidmatan Awam Malaysia yang sedang berkhidmat di luar Negara serta pasanoan mereka dan para pelajar vang menuntut sepenuh masa di luar Negara serta pasangan mereka sahaja, jika telah mendaftar sebagai pemilih, berhak mengundi, mengikut kaedah pengundian yang sedia ada iaitu pengundian secara pos.

SOALAN NO. 337

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF
[BALIK
PULAU]**

SOALAN:

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF minta PERDANA
MENTERI menyatakan berapa ramai warganegara Malaysia yang
menetap di luar negara dibenarkan mengundi di kedutaan Malaysia
pada Pilihanraya Umum ke 12 yang lepas.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Daftar
Pemilih Induk 2008 yang diwartakan pada 19 Februari 2009,
jumlah pengundi atau Pemilih Tidak Hadir (PTH) ialah seramai 1.944**

SOALAN NO. 338

orang. Maklumat lanjut berhubung statistik PTH mengikut kategori dan negeri adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

PTH Iavak mengundi secara pos berdasarkan Perkara 119 (1)(a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan. Peraturan 2 (c). (d) dan (e) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan Peraturan 3 (1)(a) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Jadual 1: STATISTIK PEMILIH TIDAK HADIR (PTH)
(DAFTAR PEMILIH INDUK 2008 YANG DI WARTAKAN PADA 19 FEBRUARI 2009)

SOALAN NO. 338

BIL.	NEGERI	PEMILIH TIDAK HADIR		JUMLAH
		TENTERA	LUAR NEGARA	
1.	PERLIS	1,239	14	1,253
2.	KEDAH	7,914	97	8,011
3.	KELANTAN	7,396	25	7,421
4.	TERENGGANU	1,500	31	1,531
5.	PULAU PINANG	4,030	46	4,076
6.	PERAK	20,602	379	20,981
7.	PAHANG	9,639	72	9,711
8.	SELANGOR	5,147	402	5,549
9.	W.P KUALA LUMPUR	22,797	471	23,268
10.	W.P PUTRAJAYA	0	18	18
11.	NEGERI SEMBILAN	11,788	80	11,868
12.	MELAKA	10,689	58	10,747
13.	JOHOR	11,572	191	11,763
14.	W.P LABUAN	1,354	0	1,354
15.	SABAH	6,530	26	6,556
16.	SARAWAK	8,957	34	8,991
		131.154 ,ySV*		iKSNMM

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang kini digunakan dengan butiran terperinci untuk menyelesaikan isu Imigresen dan pendatang asing di Sabah dan berapa orang telah diberikan kerakyatan Malaysia dari tahun 1998 sehingga Mei 2011 mengikut negara asal dan berapa orang kerakyatannya dibatalkan mengikut kaum.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMEDNAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan amat komited dalam menyelesaikan isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini termasuklah di negeri Sabah.

- 1) Antara mekanisme dan langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk

SOALAN NO : 339

menyelesaikan masalah imigresen dan pendatang asing tanpa izin di Sabah ialah:

- i) mengadakan langkah kawalan dan pemantauan keselamatan di kawasan perairan, kepulauan, sempadan darat dan pintu-pintu masuk ke negeri ini. Operasi-operasi tetap dan berterusan ini dilaksanakan secara 24 jam, iaitu Ops PASIR yang dipertanggungjawabkan kepada pasukan tentera dari Markas Angkatan Bersama (MAB) dan menempatkan anggotanya di semua pulau-pulau kecil dan besar yang strategik sepanjang perairan Pantai Timur Sabah dari Pulau Sipadan sehingga Pulau Balimbangan. Mereka turut dilengkapkan dengan radar yang dipasang ditempat-tempat yang strategik untuk memantau sempadan negara. Di sepanjang sempadan darat antara Sabah dan Indonesia, Tentera Darat Malaysia telah melaksanakan Operasi Balasahan secara berterusan untuk membuat operasi pengawalan dan pencegahan PATI. Selain daripada itu, agensi-agensi lain yang terlibat mengawal perbatasan dari dicerobohi ialah

TLDM, APMM, TUDM, Polis Marin, Jabatan Imigresen, Pasukan Petugas Khas (Sabah/Labuan) dan lain-lain agensi penguatkuasa;

- ii) mempergiatkan langkah-langkah menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan melalui ceramah dan program bersama masyarakat dalam usaha membantu pihak kerajaan menangani masalah kehadiran PATI khasnya dari segi penyaluran maklumat akan kehadiran mereka yang disyaki sebagai PATI;

Tuan Yang Dipertua

- 2) Jumlah warga asing yang bertaraf Pemastautin Tetap dan telah dianugerahkan Taraf Kewarganegaraan Malaysia dari tahun 1998 sehingga April 2011 adalah sebanyak **17,676 orang**. Manakala jumlah Taraf Kewarganegaraan Malaysia yang telah dibatalkan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak **48,808 orang**.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEAN
[SELAYANG]**

SOALAN

Tuan William Leong Jee Kean [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah penjawat awam yang diisyiharkan muflis dan apakah

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

langkah Kerajaan untuk membantu penjawat awam yang muflis.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dari tahun 2005 sehingga Mac 2011 terdapat seramai 1,438 orang penjawat awam yang telah diisyiharkan bankrap. Ini merupakan 1.5% daripada jumlah kes kebankrapan yang didaftarkan dalam tempoh tersebut.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) untuk membantu penjawat awam antaranya termasuk:

- (i) mengadakan program kesedaran melalui ceramah di agensi-agensi Kerajaan mengenai kebankrapan dan cara-cara untuk keluar daripada kebankrapan. Setakat suku pertama 2011 sebanyak 8 sesi taklimat telah dijalankan bersama agensi-agensi kerajaan;
- (ii) memberi taklimat kepada penjawat awam yang terdiri daripada ahli-ahli CUEPACS melalui program yang dijalankan mengikut zon tentang kesan kebankrapan terhadap penjawat awam yang sedang berkhidmat dan selepas persaraan serta memberi nasihat tentang langkah-langkah pencegahan bagi mereka yang belum memasuki perkhidmatan awam. Manakala bagi penjawat awam yang telah bankrap mereka diberi penerangan mengenai cara keluar daripada kebankrapan;
- (iii) program berjumpa dan berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan potongan gaji bulanan dan

ganjaran/pencen yang bersesuaian supaya dapat membantu penjawat awam yang berkenaan keluar daripada status kebankrapan dengan secepat mungkin;

- (iv) mengeluarkan surat kepada Ketua Jabatan untuk memaklumkan kebankrapan sebaik sahaja seseorang penjawat awam diisyiharkan bankrap supaya kawal seliaan ke atas kelakuan dan hal ehwal kewangan bankrap tersebut dapat dilakukan dengan baik dan berkesan. Ia bertujuan untuk memastikan bankrap tersebut memberi kerja sama kepada KPI dalam pentadbiran kes kebankrapannya dan dapat dikeluarkan daripada kebankrapan dalam tempoh yang singkat; dan
- (v) pembaharuan undang-undang insolvensi yang lebih menekankan kepada falsafah peluang kedua bagi bankrap yang jujur dan benar-benar ingin keluar dari kebankrapan dan memulakan hidup baru seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB TUAN WILLIAM LEONG
JEE KEEN (SELAYANG)**

TARIKH

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap ekonomi penghuni-penghuni desa sepanjang tahun 2006-2010 selain peruntukan yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan adalah prihatin dan akan terus berusaha untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap ekonomi penghuni-penghuni desa. Sebanyak **RM20.99 bilion** telah diperuntukkan kepada pelbagai

Kementerian dan Agensi Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) bagi tujuan pembasmian kemiskinan.

Di luar bandar, tumpuan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan adalah ke arah menyediakan peluang-peluang untuk menjana pendapatan serta penyediaan kemudahan asas yang selesa. Di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), sejumlah **RM1.62 bilion** telah disalurkan bagi program kemiskinan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dalam tempoh RMKe-9. Antara program-program tersebut ialah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP).

Tiada peruntukan lain yang disalurkan selain daripada peruntukan RMKe-9 bagi tujuan pembasmian kemiskinan luar bandar.

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**

DARIPADA **WILLIAM LEONG JEE KEEN**
 [SELAYANG]

SOALAN

WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pendapatan isi rumah yang dicatatkan oleh golongan yang terkeluar dari kemiskinan dan bagaimanakah pendekatan metodologi Kerajaan dalam mentakrifkan ‘terkeluar’ dari senarai kemiskinan.

JAWAPAN

Sesebuah isi rumah adalah dianggap **Miskin Tegar** sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat. PGK bagi Miskin Tegar adalah RM430.00 bagi Semanjung Malaysia, RM540.00 bagi Sabah dan RM520.00 bagi Sarawak. Manakala bagi PGK Perkapita Miskin Tegar adalah RM100.00 bagi Semenanjung, RM110.00 bagi Sabah dan RM115.00 bagi Sarawak.

Seterusnya sesebuah isi rumah dianggap **Miskin** sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat. PGK bagi miskin adalah RM720.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM960.00 bagi Sabah dan RM830.00 bagi Sarawak. Manakala PGK Perkapita Miskin adalah RM 180.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM200.00 bagi Sabah dan RM 190.00 bagi Sarawak. Perincian PGK bagi isi rumah dan perkapita mengikut kawasan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2007

Bil.	Kawasan	Miskin		Miskin Tegar	
		Isi Rumah (RM)	Perkapita (RM)	Isi Rumah (RM)	Perkapita (RM)
1	Semenanjung Malaysia	720.00	180.00	430.00	100.00
2	Sabah	960.00	200.00	540.00	110.00
3	Sarawak	830.00	190.00	520.00	115.00

Terdapat juga sedikit perbezaan PGK bagi kawasan luar bandar dan bandar berdasarkan kepada kos yang perlu ditanggung oleh sesebuah isi rumah untuk mendapatkan atau mencapai (access) kepada keperluan harian.

Golongan Mudah Miskin adalah isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi PGK bermaksud *threshold* di bawah RM1,500.00 bagi bandar dan RM1,000.00 bagi luar bandar.

Pendapatan perkapita ialah jumlah pendapatan kesemua ahli isi rumah sebulan dan dibahagikan dengan bilangan ahli isi rumah tersebut.

Berdasarkan kepada penerangan di atas, golongan yang TERKELUAR dari kemiskinan ditakrifkan sebagai isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi PGK Miskin iaitu RM720.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM960.00 bagi Sabah dan RM830.00 bagi Sarawak. Antara faktor-faktor mereka terkeluar (sama ada terkeluar daripada Miskin Tegar dan Miskin) adalah disebabkan oleh bantuan sara hidup, pengesahan oleh Mesyuarat *Focus Group* dan peningkatan pendapatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
 [SELAYANG]

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan individu, pengusaha dan sebagainya yang berjaya bangkit semula selepas diisyiharkan muflis dan apakah peruntukan perundangan sedia ada perlu dipinda untuk memudahkan proses tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh tahun 2005 hingga bulan April 2011, terdapat seramai 25,140 bankrap yang telah dikeluarkan daripada kebankrapan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12,661 (50.4%) bankrap telah dilepaskan melalui sijil pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi dan 12,479 (49.6%) bankrap telah dikeluarkan daripada kebankrapan melalui perintah mahkamah. Buat masa ini MdI tidak mempunyai statistik yang terperinci mengikut kategori pengusaha

yang dilepaskan atau rekod tentang berapa individu yang sebenarnya berjaya berbangkit semula selepas diisyiharkan bankrap.

Peruntukan yang sedia ada iaitu pelepasan melalui sijil pelepasan KPI di bawah seksyen 33A dan juga pelepasan melalui perintah mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360 telah memperuntukkan suatu mekanisma yang mencukupi untuk seseorang bankrap diberi pelepasan dalam tempoh yang singkat sekiranya beliau merupakan seorang bankrap yang jujur dan memberi kerja sama yang baik kepada KPI dalam pentadbiran kes kebankrapannya.

Bagaimanapun, selaras dengan trend insolvensi secara global pada masa kini yang bercorak lebih memudahkan dan kos efektif, Mdl juga telah membuat kajian terperinci dalam memperkenalkan kaedah-kaedah baru dalam membuat pelepasan bankrap.

Usaha Ini juga selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan ke arah memodenkan undang-undang insolvensi dalam memastikan kerangka kawal selia undang-undang insolvensi di Malaysia terus kekal kompetitif dan menarik pelaburan domestik dan asing.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

NO. SOALAN: 345

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI]**

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta PERDANA MENTERI menyatakan laporan terperinci tentang kadar perceraian bagi tahun 2010 mengikut negeri. Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perceraian dan tindakan penyelesaian yang diambil oleh Kementerian.

**JAWAPAN. (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO* SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), jumlah perceraian bagi negeri-negeri di Malaysia bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:-

BIL	NEGERI/TAHUN	2010
1	PERLIS	523
2	KEDAH	2623
3	P.PINANG	1044
4	PERAK	2223
5	SELANGOR	5342
6	K.LUMPUR	1721
7	N.SEMBILAN	1343
8	MELAKA	1138
9	JOHOR	2793
10	PAHANG	2140
11	TERENGGANU	1273
12	KELANTAN	2573
13	SARAWAK	1511
14	SABAH	1704
15	W.P.LABUAN	84
	MALAYSIA	28,053

* Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri

Bagaimanapun statistik jumlah pendaftaran perceraian pada tahun ini tidak boleh dirujuk kepada jumlah pendaftaran pernikahan/perkahwinan pada setiap tahun kerana tidak semua pendaftaran perceraian yang berlaku mewakili mereka yang berkahwin pada tahun berkenaan. Ini kerana ada kes perceraian didaftarkan pada tahun tersebut tetapi mereka sebenarnya bernikah pada tahun-tahun sebelumnya .

Mengenai faktor-faktor perceraian, kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), mendapati bahawa faktor pengabaian tanggungjawab merupakan salah satu faktor utama berlakunya sesebuah perceraian antara suami dan isteri . Manakala faktor kedua ialah masalah tiada persefahaman antara pasangan suami isteri dan faktor ketiga pula ialah masalah akhlak / sosial.

Terdapat juga faktor lain yang menyebabkan berlakunya perceraian

antaranya ialah masalah ekonomi , masalah pihak ketiga , masalah kesihatan dan seksual , masalah didikan agama yang salah serta masalah perbezaan budaya .

Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, JAKIM selaku institusi penyelaras isu-isu berkaitan Hal Ehwal Islam Di Malaysia serta Jabatan JAIN selaku institusi pelaksana dan penguatkuasa agama di negeri-negeri telah melaksanakan pelbagai program kekeluargaan dan penyelarasan isu-isu semasa Nikah Cerai Rujuk .

Sebagai contoh, pada tahun 2010 JAKIM dan JAIN telah melaksanakan lebih daripada 6,000 program pemerkasaan kekeluargaan meliputi program-program kekeluargaan kepada pasangan suami isteri , program ziarah kepada keluarga bermasalah, program hak-hak wanita sebelum dan selepas berkahwin, program Ibu Mithali , Seminar Bapa sebagai Wali, Forum Perdana mengenai isu-isu kekeluargaan, program kepada remaja dan anak-anak , program kepada ibu hamil di klinik-klinik kesihatan, bahan- bahan cetakan, program kekeluargaan di media elektronik dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

**DARIPADA MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
] SOALAN [JERAI**

MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemiskinan mengikut negeri-negeri dan tindakan mengatasi yang akan dijalankan sepanjang 2011 bagi mengurangkan kadar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kadar kemiskinan di Malaysia berpandukan kepada eKasih dibahagikan kepada Miskin dan Miskin Tegar. Kadar kemiskinan mengikut negeri-negeri di seluruh negara ini dikira berdasarkan kepada bilangan KIR dan AIR yang didaftarkan ke dalam eKasih dan dibahagikan dengan jumlah penduduk sesebuah negeri berdasarkan Banci Penduduk 2010. Sehubungan dengan itu, kadar kemiskinan ini bersifat berubah-ubah dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keadaan semasa ekonomi negara dan serantau. Di samping itu, isi rumah miskin yang baru dikenal pasti akan terus dibuat verifikasi dan dimasukkan dalam eKasih. Berdasarkan kepada perbandingan tersebut, kadar kemiskinan tertinggi adalah di negeri Sabah (6.62%), diikuti oleh Kelantan (6.54%) dan Sarawak (5.59%). Perincian kadar kemiskinan bagi semua negeri adalah seperti di jadual berikut:

KADAR PERATUSAN KEMISKINAN BERDASARKAN eKASIH PADA 10 JUN 2011

Bil	Negeri	Jumlah Penduduk Negeri	JUMLAH KIR & AIR MISKIN	JUMLAH KIR & AIR MISKIN TEGAR	KADAR KEMISKINAN (%)
1	W.P. Putrajaya*	67,964	34	22	0.08
2	Selangor	5,441,324	21,947	3,470	0.47
3	W.P. KL*	1,627,172	7,663	1,514	0.56
4	Pulau Pinang	1,520,143	8,885	99	0.59
5	Johor	3,233,434	19,405	952	0.63
6	Melaka	788,706	5,729	8	0.73
7	Pahang	1,443,365	17,979	508	1.28
8	Negeri Sembilan	997,071	10,844	2,232	1.31
9	Perak	2,258,428	30,612	5,507	1.6°
10	Kedah	1,890,098	31,572	2,544	1.80
11	W.P. Labuan*	85,272	2,662	607	3.83
12	Terengganu	1,015,776	47,418	2,759	4.94
13	Perlis	227,025	10,264	1,227	5.06'
14	Sarawak	... 2,420,009	128,481	15,457	: 5.95
15	Kelantan	'/• 1,459,994	82,750	12,748	6.54
16	Sabah	3,120,040.	168,666	37,830	6.62

*Nota - Wit ayah Persekutuan ada tiga kawasan

Bermula 2011 tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10), Kerajaan begitu komited dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan dengan meneruskan usaha pembasmian kemiskinan tegar RMKe9 dan perluasan skop yang beralih tumpuan (*shifting*) kepada golongan berpendapatan rendah atau *Low-Income Household* (LIH). Ini adalah bersandarkan kepada teras RMK-10 iaitu untuk Menangani Masalah Ketidakseimbangan Sosioekonomi yang Berterusan Secara Membina dan Produktif yang mana merangkumi Pembasmian Kemiskinan dan Peningkatan Pendapatan bagi Ibu rumah Berpendapatan 40% Terendah. Ini merupakan salah satu

daripada enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Results Area*) yang telah diperkenalkan dalam *Government Transformation Programme* oleh YAB Perdana Menteri.

Pelbagai inisiatif telah dirancang untuk tempoh RMKeO untuk membantu golongan 40% terendah menjana dan meningkatkan pendapatan sekali gus memastikan pendapatan yang berterusan dapat diperolehi oleh rakyat. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku kementerian peneraju (*lead agency*) bagi National Key Result Area - Low Income Household atau NKRA-LIH ini telah memperkenalkan Program 1AZAM di mana program ini dirancang bagi membantu isi rumah Miskin Tegar dan Miskin keluar daripada kepompong kemiskinan melalui penyediaan peluang pekerjaan, pembangunan keusahawanan, aktiviti ekonomi serta perkhidmatan.

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah siswazah yang menganggur sehingga Mei 2011 mengikut kelulusan dan nyatakan tindakan penyelesaian yang telah dan akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut data Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah siswazah yang menganggur mengikut kelulusan **tahun 2010** adalah seramai 65,500 orang. Dari jumlah tersebut seramai 33,800 berkelulusan ijazah dan seramai 31,700 orang berkelulusan diploma.

2. Dalam konteks Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan, penganggur dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu:

a) **Penganggur aktif** yang termasuk sebagai:

i. Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu tersebut

- b) **Penganggur tidak aktif** yang meliputi:
- i. Mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau tidak berkelayakan
 - ii. Mereka yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau cuaca buruk
 - iii. Mereka yang menunggu jawapan permohonan pekerjaan
 - iv. Mereka yang telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi membantu golongan siswazah menganggur mendapat pekerjaan dan menimba pengalaman melalui program-program latihan, *apprenticeship* dan *internship* bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah. Program-program yang dilaksanakan bukan sahaja memberi penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran siswazah, tetapi juga memfokuskan kepada pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan siswazah yang tidak hanya mengharap kepada pekerjaan sedia ada dalam sektor awam dan swasta, malah mampu untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai bidang pilihan kerjaya dan sumber pendapatan. Antara program yang dijalankan bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah adalah seperti berikut:

- a. **Program-Program Di Bawah Kementerian Sumber Manusia**
- i. Pada tahun 2010 KSM telah berjaya membuat penempatan pencari kerja sebanyak 110,239 menerusi 9 program seperti berikut:-

Rajah 1 : Program-Program Penempatan Oleh Kementerian Sumber Manusia

BIL	PENEMPATAN 2010	PENEMPATAN		Jumlah Penempatan
		SISWAZAH	BUKAN SISWAZAH	
1	Portal JobsMalaysia	6,504	10,783	17,287
2	3P / Karnival Pekerjaan	7,350	12,875	20,225
3.	Penempatan Dengan Kerjasama APS	3,522	4,238	7,760
4.	Temuduga Terbuka	2,386	6,719	9,105
5.	Penempatan Terus Oleh Majikan	2,938	14,895	17,833
6.	Program Khas			10,531
7.	Integrasi JobMalaysia Sektor Awam - SPA SPP	12,858	14,640	27,498
Jumlah		37,181	73,058	110,239

Dari jumlah 110,239 penempatan yang dibuat, seramai 37,181 adalah siswazah.

- ii. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tahun ini KSM telah berjaya membuat penempatan sebanyak 97,319 penempatan pencari kerja dan daripada jumlah itu seramai 35,801 (37%) adalah siswazah.

b. Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi,Jabatan Perdana Menteri

Pada 1 Jun 2011, Kerajaan telah melancarkan program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) yang bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Seramai 3,000 orang siswazah menganggur akan ditawarkan peluang latihan dibawah anjuran syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Di bawah skim tersebut, siswazah yang tidak mendapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian berpeluang menerima latihan dengan

syarikat-syarikat GLC selama setahun. Mereka juga ditawarkan elaun secara purata RM 1,000 sebulan sepanjang tempoh latihan tersebut. Selain didedahkan dengan kemahiran seperti 'soft skills', siswazah berkenaan turut diberi latihan dalam kerja dan akan dibantu untuk mencari kerja tetap selepas tamat latihan.

c. **MSC Malaysia Knowledge Worker Development Initiative Oleh MOSTI**

- i. MSC Malaysia KDI adalah inisiatif MDeC yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan relevan untuk memenuhi permintaan pihak industri. Antara program yang disediakan di bawah MSC Malaysia KDI 2011 adalah Program Kemahiran Siswazah (USP), Program Apprentis dan Pembangunan Siswazah (UGRAD), Program Latihan Graduan (GTP), Program Kem Kerjaya (Job Camp), Program Kerjasama antara Industri dan Akademia (IAC). Program-program ini menyediakan kursus latihan serta latihan dalam kerjaya kepada golongan siswazah dan lepasan graduan.
- ii. Antara fokus bidang dan kemahiran termasuklah Teknologi Maklumat, *Shared Services and Outsourcing* (SSO), Kejuruteraan Elektronik dan Multimedia Kreatif. Sehingga 31 Mac 2011, MDeC telah berjaya melatih seramai 36,318 graduan. Daripada jumlah graduan yang dilatih pada 2010, sekitar 93 peratus telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.

d. **Program Latihan Graduan industri pembinaan Oleh CIDB**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri pembinaan di Malaysia telah

menyediakan program “Latihan Graduan Industri pembinaan” khusus bagi melatih graduan-graduan IPTA dan IPTS bidang pembinaan yang masih menganggur. Program tersebut menawarkan kursus selama 2 bulan dibidang Pengurusan Projek, Keselamatan & Kesihatan Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina di mana ianya dijalankan di 6 Akademi Binaan Malaysia milik CIDB. Segala perbelanjaan kursus tersebut ditanggung sepenuhnya oleh CIDB termasuk penginapan, makan minum dan pakaian kursus. Malah setiap peserta diberi elauan bulanan sebanyak RM500. Setelah tamat kursus adalah diharapkan setiap para peserta dapat menyertai sektor pembinaan dengan mendapatkan pekerjaan dengan kontraktor dan yang berkaitan. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2007, sehingga Dis 2010 seramai 814 graduan telah menyertai program tersebut.

e. Sektor perkhidmatan awam

Melantik graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Singkat dan Guru sandaran sehingga Disember 2011 yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran;

f. Program Keusahawanan

Menempatkan siswazah terpilih di Perindustrian Kecil dan Sederhana melalui Program Perantisan Tunas Mekar selama setahun disamping menjalani kursus keusahawanan. Program ini dikendalikan oleh UiTM. Latihan-latihan juga disediakan oleh MDec melalui Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP) dan FAMA melalui program Pembangunan Usahawan Siswazah.

g. *Student Employment Experience Development (SEED)*

i. Program SEED terbahagi kepada tiga sub-program iaitu *Graduate Executive Training (GET)*, *Islamic Capital Market Graduate Training Scheme (ICMGTS)* dan *Graduate Development Programme (GDP)*. GET merupakan program khas bagi pengambilan pelatih pengurusan bagi agensi pengawalselia iaitu SC, Bursa Malaysia dan SIDC. ICMGTS pula merupakan program khas yang

dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal Islam dan disasarkan untuk melatih 200 modal insan sehingga

tahun 2011. Manakala *GDP* pula adalah program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal konvensional dan disasarkan untuk melatih 180 graduan dan seterusnya membuka peluang untuk mereka dilesenkan sebagai *dealer representative* ataupun *remisier*.

ii. Setakat ini CMDF telah memperuntukan sejumlah RM12.9 juta untuk membiayai program latihan graduan bagi tujuan membuka peluang pekerjaan di dalam industri sekuriti. Jumlah ini merangkumi program *GDP* dan *ICMGTS* di mana masing-masing diberi peruntukan sebanyak RM8.2 juta dan RM4.2 juta dan peruntukan untuk Persatuan Remisier Bumiputera (PRIBUMI) sebanyak RM500 ribu.

<D<R(13-28Jun2011)/bs...31.5. II/Mofd' Firfaus T43494

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI] SOALAN MOHD FIRDAUS BIN
JAAFAR [JERAI] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan bagi projek-projek pembangunan di kawasan Parlimen Jerai meliputi Dun Gurun, Dun Guar Chempedak dan Dun Sungai Limau bagi tahun 2011 dan senaraikan projek-projek yang dimaksudkan dengan perincian jumlah peruntukannya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN

Bagi tahun 2011, sebanyak RM11.318 juta telah diperuntukan untuk melaksanakan 11 projek pembangunan di Parlimen Jerai. Jumlah peruntukan ini adalah bagi melaksanakan 4 projek pembangunan di Dun Gurun yang bernilai RM0.287 juta, pelaksanaan 6 projek di Dun Guar Chempedak yang bernilai RM11.0 juta dan pelaksanaan 1 projek di Dun Sungai Limau yang bernilai RM30.0 ribu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kejayaan Koridor Utara dan senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) melaksanakan inisiatif pembangunan bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap pendapatan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Pembangunan dilaksana berdasarkan sektor-sektor teras iaitu pertanian, pembuatan, perkhidmatan yang merangkumi sektor pelancongan dan logistik, pendidikan dan modal insan serta infrastruktur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejumlah 31 program dan projek dilaksanakan di Koridor Utara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Daripada jumlah tersebut, 19 program dan projek telah siap manakala selebihnya sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Program dan projek yang telah siap dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Program Pembangunan Industri Akuakultur dan Perikanan di Sg Menghulu, Langkawi, Kedah.
2. Program Pertanian Bersepadu dan Pusat Latihan Amali Agropreneur di Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah.

3. Program Inkubator Bioteknologi (pengambilan tanah dan penyediaan rekabentuk) di Bukit Minyak, Pulau Pinang.
4. Pembangunan Institut Kemajuan Sains Gunaan dan Teknologi - Pusat Kecemerlangan Elektrik & Elektronik (Mikroelektronik) di Bayan Lepas, Pulau Pinang.
5. Menaiktaraf Kemudahan Menangani Kemalangan Industri di Hospital Kulim, Kedah.
6. Penyediaan Kemudahan Kenderaan Hazardous Material ("HAZMAT") Bagi Pasukan Bomba dan Penyelamatdi Kulim Hi Tech Park, Kedah.
7. Program Pemasaran Pelancongan Kesihatan di Pulau Pinang.
8. Program Menaiktaraf Jalan (Access Road) ke Kawasan Ladang di Pulau Pinang.
9. Projek Membaiki Pintu Air dan Infrastruktur Pengairan Lama MADA di Kedah dan Perlis.
10. Penyediaan Rekabentuk Kejuruteraan Bagi Program Mencegah Banjir di Kawasan Pertanian NCER di Perak.
11. Projek Menaiktaraf Skim Pengairan Kawasan Padi Luar MADA di Perak dan Pulau Pinang.
12. Projek Menaiktaraf Jalan Ladang MADA di Kedah dan Perlis.
13. Penyediaan Konsep Rekabentuk Bagi Membaikpulih dan Menaiktaraf Pengkalan Feri Kuala Perlis, Perlis.
14. Penyediaan Rekabentuk Kejuruteraan Bagi Jambatan dan Jalan Akses Bagi Inland Container Clearance Depot ("ICD") di Padang Besar, Perlis.
15. Program Pusat Sumber Digital ("CitaKU Labs") di Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.
16. Program Educational City Hostel ("Edu Citi-Tel") di Arau, Perlis; Sg Petani, Kedah dan Taiping, Perak.
17. Program BeliaKU Mahir di Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.
18. Program Membasmi Kemiskinan/ Melahirkan Usahawan Wanita (AlamKU) di Kulim, Kedah.
19. Program Pembangunan Fasiliti Bagi Ujian Mikroprosesor di Pulau Pinang.

Antara pencapaian Koridor Utara melalui program dan projek tersebut adalah memberi manfaat kepada pembangunan sosio-ekonomi dengan mewujudkan pelbagai peluang perniagaan kepada syarikat tempatan dan antarabangsa serta melatih lebih 8,000 peserta latihan kemahiran. Selain itu juga, NCIA sentiasa mempergiatkan usaha-usaha untuk menarik penglibatan sektor swasta tempatan dan luar negara di mana setakat April 2011, telah berjaya memangkin pelaburan sektor swasta sebanyak RM10.70 bilion.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO¹ NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO* NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) apakah peranan Yayasan Teach For Malaysia dalam melaksanakan program 'Mendidik Demi Malaysia' (Teach For Malaysia) yang dilancarkan KPM pada Disember 2010; dan
- (b) adakah latihan intensif selama lapan bulan yang akan diberikan di IAB kepada peserta-peserta program 'Mendidik Demi Malaysia' (Teach for Malaysia) mencukupi untuk mereka mendapatkan kemahiran-kemahiran spesifik proses pengajaran dan pembelajaran dan menjadi guru yang efektif.

JAWAPAN

- (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peranan Yayasan *Teach For Malaysia* (YTFM) adalah sebagai perkhidmatan (*service provider*) dalam mendapatkan calon guru-guru *Teach For Malaysia* (TFM) yang dipanggil Fellows TFM yang sesuai, berketrampilan dan memenuhi kriteria seperti yang digariskan oleh *Teach For All Network* (TFAN). Antara kriteria yang penting ialah pencapaian

akademik yang cemerlang, mempunyai ketrampilan sebagai pemimpin dan memahami misi dan visi program *Teach For Malaysia*. Setakat ini, bilangan calon Fellows TFM yang telah diperakuan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memenuhi kriteria seperti yang digariskan.

Fellows TFM akan diberi latihan perguruan selama 14 bulan iaitu lapan (8) minggu di Institut Aminuddin Baki, KPM secara sepenuh masa sebelum mereka ditempatkan di sekolah, dan 12 bulan semasa mereka berada di sekolah-sekolah yang telah ditempatkan (secara sepenuh masa). Latihan selama 12 bulan dilaksanakan pada hujung minggu dan semasa cuti sekolah, dan pada akhir tahun pertama, Fellows TFM yang memenuhi semua syarat latihan selama 14 bulan ini layak dianugerahkan *Post Graduate Diploma of Education* (PGDE) oleh satu universiti tempatan yang dipilih sebagai penyedia latihan (*training provider*) dalam program *Teach For Malaysia* ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA DATO¹ NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH

RUJUKAN 3845

SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI

DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kes penyeludupan dadah oleh warganegara Malaysia yang ditangkap di luar Negara.

TAWAPAN
Tuah Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Sulong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani aktiviti pengedaran dadah terutamanya yang melibatkan penangkapan warganegara Malaysia di luar negara atas kesalahan menyeludup dan mengedar dadah kerana ini akan menjasikan imej negara. Bagi membanteras kegiatan ini Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa dengan pelbagai agensi penguatkuasaan negara-negara asing untuk bertukar-tukar maklumat risikan dan kemahiran dalam menangani masalah ini;**
- (ii) Meningkatkan pemeriksaan rapi di pintu-pintu masuk utama sempadan negara dan lapangan terbang terhadap individu atau sindiket yang berpotensi dan dikenalpasti terlibat dengan aktiviti penyeludupan dadah;**
- (iii) Mengambil tindakan pencegahan ke atas sindiket yang**

terlibat di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;

- (iv) **Mengadakan program-program kesedaran kepada orang ramai terutamanya golongan belia melalui sebaran-sebaran am, media cetak dan media elektronik supaya tidak mudah terpedaya dengan janji-janji manis sindiket;**
- (v) **Memberi kesedaran melalui ceramah-ceramah dan kempen kepada penuntut-penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT); dan**
- (vi) **Mendedahkan trend penipuan dan modus operandi yang sering digunakan oleh sindiket-sindiket pengedaran dadah melalui program bual bicara dan kenyataan akhbar.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD

(PARIT SULONG)

TARIKH 13 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong) minta MENTERI PEMBANGUNAN

WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status perancangan konsep bekerja dari rumah atau *Small Office Home Office* (SOHO) terutamanya bagi golongan wanita berkerjaya serta berkeluarga

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif berkaitan perancangan konsep bekerja dari rumah atau *Small Office Home Office* (SOHO) terutamanya bagi golongan wanita berkerjaya serta berkeluarga. Pelaksanaan konsep SOHO oleh KPWKM telah bermula pada tahun 2007 lagi di mana satu Seminar berkaitan SOHO telah diadakan dengan kerjasama e-Homemakers. Pihak KPWKM juga telah menyediakan Buku Panduan SOHO sebagai rujukan dan panduan kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam kerjaya dari rumah ini.

Pada tahun 2008, pihak KPWKM telah melaksanakan bengkel latihan SOHO khusus kepada golongan wanita Orang Kurang Upaya (OKU) bagi tempoh 3 bulan untuk memahirkan 30 orang peserta bekerja dari rumah dengan menggunakan komputer dan kemudahan Internet.

Seterusnya, Perancangan KPWKM melalui pengenalan Program Teman 1Azam (Akhiri Zaman Miskin) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada tahun ini juga menitikberatkan konsep SOHO di mana pihak KPWKM dengan kerjasama pihak Yayasan Keusahawanan Sosial (YKS) telah bersetuju untuk mengetengahkan konsep Kerjaya Dari

SOALAN NO. 353

Rumah (KDR) ini melalui pelaksanaan beberapa program. Beberapa pilihan kerjaya dari rumah telah diteliti dan mendapati program seperti eMAK, MangkukTingkat.com dan BondaMama.com mampu merealisasikan konsep bekerja dari rumah atau Small Office Home Office (SOHO) dan sesuai untuk dipraktikkan.

Pada bulan Mac 2011, satu program dan portal eMAK telah dilancarkan oleh KPWKM dengan kerjasama YKS untuk membantu golongan suri rumah daripada keluarga berpendapatan rendah, menjana pendapatan dari rumah melalui pelbagai kemahiran. Seramai 600 suri rumah sekitar Lembah Klang telah dilatih kemahiran memasak, bakeri, sulaman manik dan kraf bunga dip. Mereka ini adalah kumpulan perintis di bawah kelolaan YKS, disasarkan untuk membasmi kemiskinan bandar yang menjadi salah satu teras NKRA di bawah KPWKM.

Pihak kerajaan amat mengalu-alukan penglihatan lebih ramai wanita untuk menyertai program Teman 1Azam seperti program eMAK ini bagi memperkasakan ekonomi wanita, sekaligus merancakkan ekonomi negara.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) sejauh manakah Kementerian Pelajaran berjaya meningkatkan bilangan pelajar memilih Aliran Pendidikan Teknik dan Vokasional (TEVT) terutama bagi lepasan PMR tahun 2010; dan
- (b) bilakah cadangan menukar status sekolah vokasional kepada kolej vokasional bagi memantapkan lagi bidang berkenaan dapat direalisasikan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berjaya meningkatkan bilangan murid SMV/SMT pada tahun 2011 berbanding 2010. Sehingga April 2011, enrolmen SMV tahun 2010 ialah 40,212 dan SMT ialah 11,501 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 51,713. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak lebih kurang 14% (44,473).

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

(b) KPM bercadang menukarkan status SMV kepada Kolej Vokasional menjelang tahun 2013.

PERTANYAAN

JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA

DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memantau kes penipuan e-mel yang mensasarkan laman web perbankan internet di Malaysia.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM), dimana tindakan boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan Internet dan telefon bimbit sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, penjenayah boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50.000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1)

(

**SOALAN NO[^]tr
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada itu SKMM dengan kerjasama pemberi Perkhidmatan Internet (ISP) juga menyekat capaian laman web dengan peruntukan Seksyen 263(2) AKM, terutamanya bagi jenayah siber berbentuk "phishing" iaitu mencuri pengenalan diri dan kata kunci (ID dan "password") orang ramai melalui emel. Sepanjang tahun 2010 hingga Mei 2011, sebanyak 1710 disekat, termasuk laman-laman web berbentuk "phishing".

Sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, SKMM dan Forum Kandungan juga telah menubuhkan Biro Aduan Pengguna dimana pengguna dinasihatkan agar membuat aduan sekiranya menerima atau menemui laman-laman web atau emel bercorak demikian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

[GOMBAK]

SOALAN

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah tenaga mahir yang berkhidmat di luar negara atau lebih dikenali sebagai Brain Drain dan apakah kesannya kepada FDI untuk Malaysia.

JAWAPAN:

Berdasarkan kepada laporan Malaysia Economic Monitor: Brain Drain yang dikeluarkan oleh The World Bank pada April 2011, “Brain Drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned” dan bukanlah satu fenomena yang unik kepada negara Malaysia sahaja. Kadar emigrasi modal insan adalah paling tinggi di kalangan negara berpendapatan sederhana kerana seseorang mempunyai insentif dan keupayaan untuk bermigrasi. Namun, jika Brain Drain terus berlaku dan menjelaskan bilangan modal insan berkepakaran tinggi di dalam negara, maka ia juga akan menjelaskan perniagaan dan pelaburan langsung asing tetapi bagi Malaysia laporan tersebut mengatakan bahawa “The results suggest that Malaysia has so far been spared from the detrimental type of brain drain” kerana stok modal insan berkepakaran sedia ada tidak terhakis dan dapat dikekalkan. Menurut laporan tersebut lagi, pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya menstimulasi perdagangan dan pelaburan asing di sebuah negara.

Justeru, fenomena emigrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi juga menunjukkan potensi positif terhadap sesebuah negara, khususnya dalam menarik kepulangan rakyat Malaysia di luar negara yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi barang dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Bagi tujuan tersebut, TalentCorp telah ditubuhkan pada Januari 2011 antara lain untuk memberi fokus kepada usaha menarik balik modal insan Malaysia yang berkepakaran tinggi dan memaksimumkan jaringan pasaran di luar negara melalui kumpulan tersebut. Program Pakar (Returning Expert Program - REP) telah dipindahkan ke TalentCorp pada tahun 2011. Pada bulan April 2011, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan insentif yang telah ditambahbaik untuk menggalakkan lebih ramai modal insan berkepakaran tinggi pulang ke Malaysia. Selain itu, antara pendekatan yang telah dikenalpasti bagi membantu TalentCorp mencapai kumpulan tersebut adalah dengan mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka.

Seterusnya, laporan tersebut juga mencadangkan supaya isu emigrasi modal insan dapat ditangani dengan meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan secara inklusif. Hal ini jelas telahpun diambil kira dalam polisi pembangunan negara yang telah dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang antara lain memberi tumpuan kepada menyediakan modal insan berkepakaran tinggi yang dapat memenuhi keperluan industri.

